


Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
8hb Mac, 1988

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 25-26]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 39]

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Lim Guan Eng	}
Y.B. Dr V. David	
Y.B. Tuan Lau Dak Kee	}
Y.B. Tuan P. Patto [Ruangan 41]	
Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed	
Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai	
Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin	}

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 42]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 43]

RANGUNDANG-UNDANG DIBAWA KEDALAM MESYUARAT [Ruangan 101]

KANDUNGANNYA—(samb)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 102]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 104]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD. S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK. D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KUNG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO" AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL., S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. DATUK LEO MOGGIH ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri. DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR. D.P.M.S., S.M.T., p.i.s. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan. DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.L.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh. TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAVA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., s.s.i.j., S.J.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat. TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., p.i.s., B.s.i. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua. TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.s.N.s., s.M.j. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE. D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh. DATO' WAN ABU BAKAK BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., p.i.s. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJIAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. RAJA DATO ARFFINN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeh, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

.. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

.. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

.. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

.. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

.. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

.. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

.. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

.. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

.. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

.. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

.. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

.. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

„ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

„ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

„ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alas* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

„ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).


„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

„ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

„ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.j.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai )
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD, ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITONG BIN HAJI MOHD. Au (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, pj.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUANTAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SUNG SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen;

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 8hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua metnpengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 7hb Mac, 1988 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Bismillaahir Rahmanir Rahiim,

Alhamdulillaahi Rabbil Aalamiin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafi Ambiyaa i Walmursaliin Wa Alaa Aalihii Wasohbihii Ajmaiin.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, syukur Kita kehadiran Allah Subhanahu Wata Aala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat Kita bersama-sama di Majlis Perasmian Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada hari ini.

Dengan izin Allah, sejak merdeka negara kita terus aman dan berjaya mengekalkan sistem demokrasi berparlimen, sekalipun menghadapi berbagai-bagai cabaran. Ini semua adalah berkat bakti dan pengorbanan para pemimpin dan pejuang kemerdekaan yang mempunyai semangat kesetiaan dan cintakan negara mengatasi kepentingan peribadi, ianya-telah berjaya membina asas-asas perpaduan rakyat berdasarkan sikap toleransi dan saling hormat menghormati sehingga kedaulatan negara dapat dipertahankan dan kemajuan dapat dicapai. Semangat inilah yang perlu kita kekalkan supaya kemajuan negara dapat dipertingkatkan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Perpaduan merupakan asas bagi kekuatan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama. Sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini akan musnah. Dalam hubungan ini, peristiwa tahun lepas patut dijadikan pengajaran kepada kita semua. Oleh itu suka Kita mengingatkan semua pihak, terutama parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan dan akhbar-akhbar, supaya bersikap bertanggungjawab dan sederhana dalam semua tindakan dan kenyataan mereka semoga tidak menjejaskan perpaduan negara.

Sekalipun keselamatan negara pada keseluruhannya adalah baik, tetapi kita semua mestilah terus berwaspada terhadap saki-baki anasir-anasir komunis dan golongan anti nasional yang sentiasa mempergunakan sebarang isu bagi mencari pengaruh dan menjejaskan keselamatan negara.

Untuk mencapai perpaduan negara, Kerajaan hendaklah terus melaksanakan program-program mempertingkatkan perpaduan antara kaum supaya matlamat perpaduan nasional tercapai, khususnya memperhebat usaha menanamkan semangat dntakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pembangunan ekonomi adalah sangat penting dalam sesebuah negara, ianya tidak akan wujud jika sekiranya kestabilan politik tergugat dan mengancam kegiatan-kegiatan hidup kita. Sebagai rakyat yang cintakan keamanan, kita bertanggungjawab memastikan supaya tidak ada dilakukan sebarang tindakan, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang boleh mengancam kestabilan politik yang berterusan dalam negara.

Alhamdulillah, kedudukan ekonomi negara dalam tahun 1987 telah beransur putih, Keluaran kasar dalam negara telah meningkat dengan kadar 4.7% dan besar kemungkinan tahap pertumbuhan ekonomi negara mdebihi 4% pada tahun 1988 ini. Kedudukan ekonomi yang lebih mantap ini adalah didorong oleh harga komoditi yang kukuh dan prestasi eksport yang menggalakkan. Perkembangan ini secara langsung telah memperbaiki pendapatan negara dan buat pertama kalinya dalam tempoh tujuh tahun, negara telah berjaya mencatatkan lebihan dalam imbalan pembayaran.

Kita hendaklah sentiasa berwaspada tentang perkembangan di persekitaran kita dan mengambil langkah penyesuaian yang sesuai untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara, kerana pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini berpunca dari faktor-faktor di luar kawalan kita. Eksport umpamanya, bergantung kepada prestasi ekonomi negara-negara perindustrian yang kini masih belum meyakinkan, dan aliran harga komoditi terutamanya harga petroleum adalah masih tidak menentu,

Sekalipun ekonomi negara telah beransur baik, Kerajaan masih lagi menghadapi defisit akaun semasa yang perlu diatasi dengan segera. Oleh itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan hasil Kerajaan dan penjimatan perbelanjaan hendaklah diteruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Usaha-usaha dan program-program penyelidikan dan pembangunan bagi mempertingkatkan lagi produktiviti, mutu dan kos pengeluaran barangan negara terutama barangan eksport hendaklah sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi negara, suka Kita mengingatkan pihak swasta supaya sama-sama memainkan peranan utama. Kerana Kerajaan telah pun mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan negara, seperti memudahkan perkembangan petaburan, menyediakan berbagai insentif dan mengadakan perkhidmatan setempat untuk membantu pelabur-pelabur mendapat kelulusan dengan cepat. Di bidang industri kecil pula, Kerajaan hendaklah berusaha menyediakan persekitaran dan suasana yang lebih baik bagi mewujudkan pertalian dengan industri-industri besar.

Industri pelancongan yang berkembang semenjak beberapa tahun ini telah menjadi sumber pendapatan tukaran wang asing yang penting dan punca pertumbuhan ekonomi, juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat. Industri pelancongan telah diberi penekanan oleh Kerajaan sebagai salah satu industri utama. Oleh itu, kerjasama semua pihak adalah sangat penting bagi memajukan industri ini.

Usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru hendaklah diteruskan. Di bidang pertanian, tumpuan hendaklah terus diberi kepada pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan khususnya buah-buahan, sayuran-sayuran, ternakan dan perikanan bagi meningkatkan penggunaannya oleh rakyat dan mengurangkan import. Di samping itu penekanan hendaklah dilakukan kepada perubahan sikap untuk melahirkan masyarakat yang jujur, berbudaya niaga, bersemangat usahawan dan cintakan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Ke arah mempeningkatkan taraf hidup rakyat, Kerajaan mestilah terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha menambah kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik, jalan raya serta telefon. Keperluan sukan juga hendaklah diberi perhatian salaras dengan Dasar Sukan Negara yang telah digubal untuk memajukan prestasi dan penyertaan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di bidang kesihatan, Kerajaan hendaklah terus melaksanakan program-program untuk meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat melalui aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan yang lebih berkesan.

Di bidang pendidikan, penekanan mestilah diberi kepada konsep pendidikan bersepadu untuk memenuhi keperluan negara sekarang dan masa akan datang. Usaha-usaha hendaklah diteruskan untuk mempertingkatkan mutu dan memperluaskan peluang pendidikan, dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun ini. Tumpuan hendaklah diberi kepada usaha-usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan melalui kaedah penggunaan bahasa baku. Selaras dengan itu juga tahun ini diisytiharkan sebagai Tahun Pembaca di kalangan masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan dan rakyat sekalian adalah bertanggungjawab memupuk unsur-unsur akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat. Penyelewengan, pecah amanah dan rasuah semasa menjalankan tugas, sama ada di kalangan Koperasi, Syarikat-syarikat dan kakitangan Kerajaan hendaklah dihapuskan sama sekali.

Media massa mestilah memainkan peranan memberikan kefahaman dan pengajaran kepada masyarakat mengenai nilai-nilai moral yang sihat, kerana usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam adalah merupakan satu pendekatan berkesan ke arah mencapai perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Ancaman dadah dari segi penagihan masih merupakan satu masalah yang besar kepada negara. Oleh itu Kerajaan mestilah sentiasa mengambil langkah-langkah mencegah penyeludupan, pengedaran dan penagihan dadah. Dalam usaha ini Kerajaan hendaklah memperketatkan undang-undang supaya harta yang didapati oleh pengedar dadah boleh dirampas oleh Kerajaan.

Malaysia telah dilantik menjadi Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah. Perlantikan tersebut merupakan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap usaha bersungguh-sungguh Kerajaan untuk memerangi penagihan dan pengedaran dadah. Oleh itu, pengiktirafan tersebut mestilah terus dijaga dan usaha pencegahan terus ditingkatkan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di dalam pelaksanaan dasar luar, penekanan hendaklah terus diberi kepada aktiviti-aktiviti perdagangan, pelancongan dan pelaburan di perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri.

Kerajaan hendaklah meneruskan dasar luarnya yang mengutamakan perhubungan dengan negara-negara ASEAN dalam hubungan kerjasama serantau. Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN yang ketiga di Manila melambangkan kejayaan pertubuhan itu selama 20 tahun dalam berbagai bidang kerjasama. Usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi hendaklah diberi perhatian pada masa hadapan,

Demi menjamin kepentingan negara, Kerajaan hendaklah menumpukan perhatian kepada penyertaan negara di dalam berbagai pertubuhan antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Komanwel. Mengenai masalah Kampuchea, Kerajaan hendaklah terus bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah itu.

Mengenai isu Palestin, Malaysia hendaklah menyokong penuh supaya rakyat Palestin diberi kebebasan untuk menentukan masa depan mereka. Ini adalah sesuai dengan pemntukan piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Kita juga hendaklah menyokong penuh perjuangan rakyat Palestin untuk mengembalikan hak mutlak mereka di bumi Palestin, antaranya dengan menubuhkan Tabung Rakyat Palestin.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam negara kita sedang menempuh berbagai cabaran, Kita berkeyakinan penuh di atas kepimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu suka Kita menyeru kepada seluruh rakyat sekalian supaya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinaa beliau.

Suka Kita mengingatkan rakyat sekalian supaya terus mempertingkatkan prestasi dan produktiviti dalam menjalankan tugas masing-masing semoga negara

bertambah maju dan makmur. Seterusnya kita mestilah sentiasa bersyukur kepada Allah di atas segala rakmat dan nikmatNya yang telah kita capai dan nikmat selama ini.

Bersempena majlis ini suka Kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan keselamatan yang telah berkorban mempertahankan dan memelihara keamanan negara dan kepada semua kakitangan awam dan rakyat sekalian yang telah memberikan perkhidmatan dan sumbangan ke arah kemajuan negara.

Akhirnya, suka Kita mengingatkan Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya dapat menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan tanggungjawab demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Kita berdoa semoga Allah memberi taufiq dan hidayah kepadasemuaAhli-ahli Yang Berhormat dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat.

*Wabillaahi Taufiq Walhidayah,
Wassalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

The English translation is as follows:

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions

Mr President, Mr Speaker, Htonourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

/ thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Officiat Opening of the Second Session of the Seventh Parliament today.

With the grace of Allah, since independence our nation has continued to be peaceful and has managed to uphold our parliamentary democratic system although we have to face various challengers. This has been realised as a result of the deeds and sacrifices of our independence fighters and leaders whose spirit of loyalty and love for the country was above personal interest. It has succeeded in building the /oundation for unity based on tolerance and mutual respect to the extent that the sovereignty of our nation has been maintained and progress achieved. It is this spirit that we should preserve and inculcate so that national development could be further enhanced.

Honourable Members,

Unity is the basis for creating a strong nation that is multi-racial and multi-religious. If unity does not exist then peace, stability and prosperity which we have achieved so far will be destroyed. In this respect, the 1987 experience should be a lesson for all of us. Therefore, I would like to remind all concerned especially political parties, societies and the media to be responsible and moderate in their actions and statements so as not to jeopardise our national unity.

Even if our national security on the whole is good, all of us must continue to be vigilant towards the remnants of communist and anti-national elements who will always exploit any issue to obtain support and jeopardise our national security.

To achieve national unity, the government should continue implementing programmes directed at improving unity among the peoples and in particular, the enhancement of efforts to inculcate love for Bahasa Malaysia.

Honourable Members,

Economic development is imperative to a nation. It will not exist if our political situation is unstable and threatens our livelihood. As a peace loving people it is our responsibility to ensure that nothing is done by groups or individuals to threaten the political stability of the nation.

Praise be to Allah, the economy of our country recovered well in 1987. The Gross Domestic Product (CDP) has increased by 4.7% and it is highly possible that the economic growth will exceed 4% this year. This improved performance is due to higher commodity prices and better exports. This development has directly improved the nation's income and for the first time in 7 years we managed to have excess in the balance of payments.

However, we should always be sensitive to developments around us and make appropriate adjustments to strengthen the nation's economy as this encouraging performance of the economy is due to external factors. For instance, our exports are dependent on the economic performance of the industrial countries which is uncertain and the trend of commodity prices especially that of petroleum is still unstable.

Although the economy has improved, the government still faces deficits in the Budget's current account which needs to be addressed immediately. Therefore, efforts to increase revenue and control expenditure should be continued.

Honourable Members,

Efforts and programmes on research and development must be further emphasised to increase productivity, quantity and to reduce production costs of our products especially those for export.

In our efforts to improve economic growth, I would like to remind the private sector to play their role. The government has taken various steps to improve the investment climate for instance by facilitating investment and by providing various incentives and in-situ services to assist investors in obtaining immediate approval. For the small scale industries, the government should endeavour to create a better condition and environment which could provide linkages with major industries.

The tourism industry which has developed of late has been an important source of foreign exchange and economic growth. It also provides employment opportunities for the people. The tourism industry has been given emphasis by the Government as one of the main industries. Therefore, cooperation from all quarters is important in developing this industry.

Efforts to increase participation by the people in economic activities in line with the objectives of the New Economic Policy should be continued. In the agriculture sector, focus should be on the production of food products locally in particular, fruits, vegetables, livestock and fisheries. In addition, emphasis should be placed on change of attitude to create a society of people who are sincere, entrepreneurial and loyal to the nation.

Honourable Members,

To elevate the quality of life of the people, the Government should continue to provide basic amenities such as piped water, electricity, roads and telephone. Attention should also be given to the promotion of sports in line with the National Sports Policy that has been formulated to improve performance and participation in sports at both the national and international levels.

In the health sector, the Government should continue to implement programmes to further enhance the level of health of the people through preventive activities more effectively.

In the education sector, emphasis should be given to the concept of integrated education to fulfill the present and future needs of the country. Efforts should be continued to improve the quality and to widen educational opportunities with the implementation of the Secondary School Integrated Curriculum beginning this year. Focus should be placed on improving the proficiency of Bahasa Malaysia as a language for knowledge and as a medium of communication through the use of standard Bahasa Malaysia. In addition, this year has been declared the Reader's Year.

Honourable Members,

The Government and the people are responsible to cultivate high moral values. Misappropriation, breach of trust and corruption in discharging duties among cooperatives, companies and government employees must be eliminated.

The mass media must continue to play a role in educating the society on moral values as the effort of the government to inculcate Islamic values in the public service is an effective approach to bring about a clean, efficient and trustworthy service.

Honourable Members,

The threat of "dadah" in the form of "dadah" abuse is still one of the major problems faced by the country. The Government must always take steps to combat "dadah" smuggling, trafficking and abuse. In this effect the Government must tighten the law so that properties acquired by "dadah" traffickers can be confiscated by the Government.

Malaysia has been appointed as the Chairman of the International Conference on Drug Abuse and Trafficking. This appointment is a recognition by the international society for our dedicated efforts in combating this "dadah" abuse and trafficking. This recognition therefore must be preserved and preventive measures must be continuously stepped-up.

Honourable Members,

In the implementation of the nation's foreign policy, emphasis should continue to be given to commercial, tourist and investment activities by Malaysian missions overseas.

The Government should continue with its policy of placing priority on its relations with the other Asean member states in the context of regional cooperation. The Third Asean Summit of Heads of Government held in Manila reflects the success of twenty years of cooperation in various fields. Efforts to further increase economic cooperation must be given emphasis in future.

In protecting the interests of the nation, the Government will intensify Malaysia's involvement in the work and activities of international organisations including the United Nations, the Organisation of Islamic Conference, the Non-Aligned Movement and the Commonwealth. On the problem of Kampuchea, the Government must continue its cooperation with other Asean member states to seek a political solution on the problem.

On the Palestinian issue, Malaysia fully supports the rights of the Palestinians to determine their own future. This is in accordance with the provisions of the UN Charter. We should also fully support the Palestinian struggle to restore their inalienable rights in Palestine and among others through the establishment of the Palestine Fund.

Honourable Members,

Although at present we are facing several challenges, I am confident of the leadership of Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister, I therefore would like to call upon all the people to give undivided support to his leadership.

I would like to remind all Malaysians to continuously increase performance and productivity in discharging their respective duties so that the nation will continue to progress and prosper. We must also be thankful to Allah for His blessings.

On this occasion, I would like to express my highest appreciation to the security forces for their sacrifices in defending and safeguarding the security of the nation and the members of the Civil Service and all Malaysians for the services and contributions to the progress of the nation.

Finally, I would like to remind the members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat to carry out their duties with discipline and responsibility in the interest of religion, nation and country. I pray that Allah bestows upon all Honourable Members, taufiq and hidayah, in the performance of your duties entrusted by the people.

*Wabillaahi Taufiq Walhidayah,
Wassalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahh Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Parlimen yang iaitu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1988;
2. Akta Kewangan 1987;
3. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987;
4. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987;

5. Akta Polis (Pindaan) 1987;
6. Akta Penyiaran 1988;
7. Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988;
8. Akta Arkitek (Pindaan) 1988;
9. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1988;
10. Akta Pemberipinjam Wang (Pindaan) 1988.
11. Akta Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan) 1988;
12. Akta Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) 1988;
11. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1988;

14. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1988;
15. Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1988;
16. Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1988;
17. Akta Racun (Pindaan) 1988;
18. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1988; dan
19. Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1988.

Cuti kepada Ahli-Ahli—Kebenaran

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 2Shb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Lim Guan Eng bagi Kawasan Kota Melaka selama Yang Berhormat dalam tahanan;
2. Y.B. Dr V. David bagi Kawasan Puchong dari 3hb Disember hingga 7hb Disember. 1987;
3. Y.B. Tuan Lau Dak Kee bagi Kawasan Pasir Pinji dari 29hb Oktober, hingga 4hb Disember, 1987;
4. Y.B. Tuan P. Patto a/l Perumal bagi Kawasan Ipoh dari 28hb Oktober hingga 4hb Disember. 1987;
5. Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi Kawasan Titiwangsa dari 19hb Mac hingga 25hb Mac, 1988.
6. Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi

Kawasan Lumut dari 7hb Mac hingga 25hb Mac. 1988; dan

7. Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin. Menteri Kewangan bagi Kawasan Merbuk dari 7hb Mac hingga 18hb Mac. 1988.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"18hb Disember, 1987

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekatan 1988;
2. Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara;
4. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Polis (Pindaan);

9. Rang Undang-undang Kewangan;
10. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Penyiaran;
15. Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan); dan
19. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA"

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENEROKA FELDA— PENGLIBATAN

1. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bentuk penglibatan peneroka-peneroka FELDA di dalam badan-badan korporat FELDA seperti

FELDA-NIAGA, FELMA dan lain-lain jika ada. Jika tiada, adakah Kerajaan bercadang memberi saham atau memberi peluang kerja dan perniagaan khususnya kepada generasi kedua FELDA di dalam badan-badan korporat ini; atau adakah Kerajaan bercadang untuk menyenaraikan badan-badan ini di dalam pasaran saham Bumiputera supaya hasilnya dapat diagihkan lebih luas.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 12 buah perbadanan yang telah ditubuhkan oleh FELDA mengikut seksyen 42, Ordinan Kemajuan Tanah 1956. Kegiatan semua Perbadanan-perbadanan ini adalah berkaitan secara terus dengan aktiviti FELDA dan yang berkaitan dengan pengeluaran hasil daripada rancangan-rancangan iaitu perbadanan itu ditubuhkan bagi memberi khidmat sokongan kepada FELDA.

Para peneroka adalah terlibat dalam perbadanan-perbadanan ini seperti berikut:

- (i) Tiap-tiap Perbadanan ini mempunyai Lembaga Pengarahnya. Peneroka-peneroka adalah diwakili dalam Lembaga-lembaga Pengarah ini melalui perlantikan Naib Pengerusi Gabungan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) Wilayah dalam Lembaga Perbadanan. Seramai 21 orang wakil ketua-ketua peneroka sekarang ini menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada perbadanan-perbadanan yang telah ditubuhkan. Ini adalah merupakan penglibatan wakil-wakil peneroka secara terus dalam Lembaga Perbadanan

yang membuat dasar serta polisi-polisi yang berkaitan dengan kegiatan Perbadanan. Mereka inilah yang akan memberi bantuan, cadangan dan pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan peneroka yang ada kaitannya dengan tugas tiap-tiap Perbadanan.

- (ii) Peneroka-peneroka juga secara terus melibatkan diri dalam aktiviti Perbadanan ini melalui pelaburan mereka dalam Koperasi Permodalan FELDA (KPF). KPF ini adalah ditubuhkan bagi tujuan membuat pelaburan dalam Perbadanan-perbadanan. Ahli-ahli KPF adalah terdiri daripada peneroka-peneroka, koperasi-koperasi dan badan-badan peneroka di rancangan serta juga kakitangan FELDA. Pada masa ini, KPF mempunyai ahli seramai 43,352 orang dan pelaburan sebanyak \$45.5 juta ataupun 27.3% daripada saham Perbadanan-perbadanan.
- (iii) Peneroka-peneroka juga mempunyai kepentingan dalam ekuiti perbadanan ini melalui pelaburan wang daripada tabung-tabung akaun peneroka yang telah diwujudkan bagi tujuan tanam semula dan insurans ladang. Wang untuk Tabung ini adalah dikutip daripada pendapatan bulanan peneroka. Sehingga kini sebanyak \$100.4 juta ataupun 60.7% daripada saham berbayar Perbadanan adalah dimiliki oleh akaun peneroka.
- (iv) Keuntungan-keuntungan yang diperolehi daripada Perbadanan ini adalah disalurkan balik kepada pemegang-pemegang saham iaitu KPF dan

akaun peneroka. Dan keuntungan KPF ini seterusnya dibayar balik kepada ahli-ahlinya melalui bayaran dividen. Sumbangan juga diberi kepada Tabung Sosio Ekonomi Peneroka. Dengan ini bermaknalah bahawa keuntungan yang diperolehi dari aktiviti Perbadanan ini disalurkan secara terus kepada peneroka-peneroka dan di sinilah letaknya penglibatan peneroka dalam aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan.

- (v) Dengan adanya Perbadanan-perbadanan ini, ianya juga telah dapat memberi peluang-peluang pekerjaan kepada seramai 12,000 kakitangan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak kira-kira 35% tenaga pekerjanya adalah diambil daripada kalangan anak-anak dan tanggungan-tanggungan peneroka. Mereka ini memegang berbagai jawatan dalam Perbadanan.
- (vi) Mengenai cadangan untuk menyenaraikan saham Perbadanan ini dalam pasaran saham, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar di atas rungutan di kalangan peneroka terhadap kegiatan FELDA-NIAGA terutama dari segi mendapatkan bekalan dan kemudahan yang sepatutnya disediakan. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menyiasat perkara ini?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat mendengar perkataan yang disebutkan tadi, sedar tentang apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar terdapat rungutan di kalangan peneroka FELDA mengenai dengan fungsi FELDA-NIAGA terutama dari segi mendapatkan bekalan dan kemudahan yang sepatutnya disediakan. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menyiasat terhadap dakwaan itu?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih. Saya sedar tentang rungutan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Memang ada perkara ini berlaku tetapi pihak FELDA-NIAGA sentiasa berusaha memberikan kemudahan mengikut limitation, dengan izin, yang sepatutnya diberikan kepada peneroka. Kadangkala timbul keadaan di mana mereka hendak mengambil barang kemudahan kredit daripada kedai-kedai FELDA terlebih daripada kemampuan mereka. Perkara ini sudahpun disiasat dan kalau perlu kita akan menyiasat dan akari membetulkan keadaan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau ada menyebut ahli-ahli KPP pada masa sekarang adalah 43,000 kalau memandangkan bahawa jumlah peneroka adalah 106,000, ini bermakna hanya 40% sahaja daripada peneroka yang menjadi ahli KPP yang merupakan badan permodalan di dalam badan-badan korporat FELDA tadi. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh FELDA untuk menambahkan keahlian di dalam KPP ini.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, semenjak koperasi ini ditubuhkan pihak FELDA sentiasa menggalakkan para peneroka menjadi ahli kepada KPP ini

tetapi kadang kala sambutannya tidaklah begitu menggalakkan. Sebenarnya setakat ini daripada 43,000 peneroka tadi bilangan peneroka yang menjadi ahli adalah tebih kurang 38,000. Insya Allah kita akan mengadakan kempen untuk menggalakkan lebih banyak lagi mereka menyertai KPP ini kerana ini tentu sekali memberikan keuntungan kepada peneroka dan ianya memerlukan banyak penerangan dan penjelasan.

TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mulai Oktober hingga Disember 1987 dan bilangan mereka yang telah dibebaskan;
- (b) bilangan orang yang ditahan selanjutnya bagi tempoh 2 tahun di bawah Akta tersebut, bilangan mereka yang dikenakan perintah sekatan serta mereka yang dibuang daerah;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa mereka yang terus ditahan itu tidak melakukan apa-apa kesalahan jenayah terhadap negara dan tidak melakukan keganasan dalam perjuangan kepercayaan politik mereka, jika sedar, sama ada beliau akan membebaskan mereka dengan segera dan tanpa syarat; dan
- (d) sama ada beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan itu ialah satu percubaan untuk menyekat mereka yang sebenar-sebenarnya mengkritik Kerajaan dan merupakan penyalahgunaan kuasa di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri, dan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri hendaklah dimansuhkan sama sekali.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 mulai bulan Oktober 1987 hingga bulan Disember 1987 ialah seramai 119 orang. Dari jumlah tersebut seramai 58 orang telah dibebaskan tanpa syarat, 49 orang dikenakan Perintah Tahanan, 10 orang dikenakan Perintah Sekatan dan 2 orang dikenakan Perintah Penyingkiran.

Mereka yang ditahan selanjutnya di bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 bukanlah kerana mereka melakukan apa-apa jenayah atau keganasan. Mereka ditahan kerana menjalankan kegiatan-kegiatan yang, memudaratkan keselamatan negara dan akan dibebaskan apabila didapati tidak lagi mengancam keselamatan negara.

Sukacita ditegaskan di sini bahawa tindakan Kerajaan menangkap dan menahan orang-orang yang berkenaan tidak sekali-kali kerana kegiatan mereka mengkritik Kerajaan tetapi adalah kerana kegiatan mereka yang memudaratkan keselamatan negara. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 akan dikekalkan selagi rakyat dan Parlimen berpendapat ianya perlu untuk memelihara keselamatan negara, perkhidmatan-perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi negara.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, dalam penjelasan Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa mereka ditangkap kerana mengancam keselamatan negara. Apakah selepas dibebaskan nanti, kalau mereka itu terus mengancam keselamatan negara mereka akan ditangkap lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya yang dibebaskan akan ditangkap semula, jika sekiranya memudaratkan keselamatan negara, sesiapa sahaja rakyat yang melakukan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara akan diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa penahanan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat adalah satu perkara yang amat tidak adil memandangkan bahawa ini menafikan rakyat peluang untuk membolehkan Wakil Rakyat mereka pergi ke Parlimen menghadiri Parlimen dan untuk menyampaikan masalah-masalah bagi pihak rakyat?

Kedua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengapa baru-baru ini, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditanya oleh para pemberita selepas menghadiri satu upacara di Angkasapuri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan daripada para pemberita dan menyatakan bahawa beliau tidak sedar tentang sebab-sebab mereka telah ditahan dan pemberita yang berkenaan haruslah menanya pihak pohs. Adakah ini bermakna bahawa Yang Amat Berhormat belum menggunakan budibicaranya di bawah seksyen 8 Akta ISA ini yang menyatakan bahawa sebelum perintah tahanan dikeluarkan, beliau hendaklah berpuashati dengan alasan-alasan berkenaan dengan penahanan mereka?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama, adakah saya sedar atau tidak sedar betapa perlunya Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk menjalankan tugas-tugasnya.

memang saya sedar. Tetapi sepatutnya Ahli-ahli Parlimen yang dimaksudkan itu harus sedar bahawa tanggungjawabnya kepada rakyat cukuplah besar dan harus berada di Dewan ini untuk menjalankan tugas, tetapi Ahli-ahli Parlimen ini nampaknya tidak menjalankan tugasnya untuk menentukan bahawa ketenteraman awam di negara ini benar-benar terjamin. Dengan sebab itu kita tidak boleh memilih bulu adakah Ahli Parlimen atau tidak asalkan memudahkan ketenteraman negara, kita terpaksa bertindak.

Tentang perkara yang kedua, ini menunjukkan bahawa pihak Kabinet, Menteri-menteri dan juga Kerajaan mempunyai kepercayaan yang penuh kepada pihak polis menjalankan tugas-tugasnya. Itulah sebabnya segala urusan-urusan tangkapan dan siasatan adalah diserahkan kepada pihak polis. Untuk mengetahui sebab-sebab secara detail, tunggulah Kertas Putih akan dikeluarkan secepat mungkin.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini terdapat segelintir manusia yang berjalan di luar negeri untuk memburukkan Kerajaan berhubung dengan penahanan di bawah ISA? Kegiatan mereka ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat, telah memudahkan keselamatan negara di mana mereka juga memburukkan imej Kerajaan kepada pelabur-pelabur. Jika pelabur tidak datang rakyat akan mudarat. Adakah Kerajaan sedar? Kalau sedar, adakah tindakan akan diambil sama seperti kegiatan-kegiatan mereka yang boleh memudahkan negara di dalam negeri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar dan pihak Kerajaan sedang memerhatikan dan mengambil

perhatian yang berat atas perkara yang telah dibawa oleh wakil dari Arau itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri memberitahu tentang jawapan kepada Ahli dari Bukit Bintang. Adakah Timbalan Menteri confirm atau tetapkan bahawa apabila lanjutan dua tahun tentang penahanan-penahanan disahkan, Menteri yang berkenaan tidak menggunakan discretionnya?

Kedua, tadi Timbalan Menteri mengatakan orang yang ditahan itu bukan atas sebab mereka kritik Kerajaan. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan ke atas kedudukan terutama ke atas tangkapan Lim Kit Siang bahawa beliau ditangkap sebab beliau menyuruh rakyat menentang Kerajaan? Tetapi itu adalah satu tugas Pembangkang (*Tepuk*). Saya ingin tahu dari Kerajaan, bilakah Kerajaan ingin membentangkan Kertas Putih itu. Bolehkah Kerajaan menjamin Kertas itu akan dibentangkan pada mesyuarat ini dan apabila dibentang Kertas itu akan dibahaskan.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri memang berpuas hati atas semua tahanan-tahanan yang telah dibuat (*Tepuk*). Tentang adakah Yang Amat Berhormat Menteri hendak menjelaskan kepada pemberita, itu hak beliau sendiri.

Perkara yang kedua, seperti saya katakan tadi tunggulah Kertas Putih keluar dan Kertas Putih akan dikeluarkan secepat yang mungkin dan ia akan diedarkan—tidak untuk dibahaskan tetapi untuk diedarkan. Sekian.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan tambahan, Kerajaan telah berkali-kali berkata bahawa penangkapan mereka ini adalah disebabkan mereka sertsaja membangkitkan perasaan benci antara kaum dengan kaum yang mana ini adalah sesuatu yang bahaya bagi negara dan mungkin akan mencetuskan huru-hara di dalam negara kita ini. Tetapi nampaknya Pembangkang masih juga berkata bahawa sebabnya mereka ditangkap ialah oleh kerana mereka menentang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini kalau kerana menentang Kerajaan dan Kerajaan menangkap, maka jel kita tidak cukup untuk mengisi mereka (*Tepuk*).

AMANAH SAHAM NASIONAL— MENAMBAH PELABURAN

3. Tuan Haji AMul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi menarik lebih ramai Bumiputera atau menambah pelaburan mereka dalam Amanah Saham Nasional;
- (ii) bagaimanakah kedudukan Skim ASN dari segi;
 - (a) Pelabur/penyimpan;
 - (b) jumlah pelaburan;
 - (c) dividen dan bonus; dan
 - (d) prestasi dan kemajuannya sehingga kini.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Amanah Saham Nasional (ASN) untuk menarik lebih ramai Bumiputera melabur atau menambah

pelaburan mereka dalam Amanah Saham Nasional adalah seperti berikut:

- (a) mengadakan kempen gerakan tumpuan dari rumah ke rumah dengan kerjasama pemimpin-pemimpin tempatan;
- (b) mengadakan ceramah dan pelaburan berkelompok; dan
- (c) menyediakan kemudahan perkhidmatan untuk menambah pelaburan seperti menambah pelaburan menerusi Skim Potongan Gaji dan Mel Terus.

Kedudukan Skim Amanah Saham Nasional sehingga 31hb Januari, 1988 adalah seperti berikut:

- (a) bilangan pelabur Skim ASN ialah 2.3 juta orang ataupun 2,300,000 orang;
- (b) jumlah pelaburan terkumpul ialah \$4,377,300,000;
- (c) jumlah dividen dan bonus yang telah dikeluarkan dalam tempoh tujuh tahun daripada 198J-1987 berjumlah \$1,862 juta,
- (d) Mengenai prestasi dan kemajuan secara keseluruhannya, Skim Amanah Saham Nasional telah berjaya mengembelikan lebih \$4.4 ribu juta simpanan Bumiputera perseorangan dan meningkatkan pegangan Bumiputera dalam sektor korporat melalui pelaburan ASN dalam kira-kira 100 buah syarikat swasta serta keupayaannya mengagihkan pulangan daripada sektor korporat menerusi dividen dan bonus setiap tahun. Rata-rata skim ASN telah mencapai kejayaan empat kali ganda daripada anggaran yang dibuat diwaktu ianya dilancar.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Perdana Menteri mengenai dividen ASN. Kenapakah dividen ASN telah dikurangkan peratusnya daripada 10% seperti yang dijanjikan semasa pelancarannya dulu kepada 9% dalam agihan keuntungan pada tahun ini?

Yang kedua, untuk menghilangkan keraguan orang-orang kampung dan juga para pelabur, adakah telah dibuat satu keputusan dari segi fatwa mengenai Skim Amanah Saham Nasional ini, kerana saya mendapat tahu ada pihak-pihak yang memutarbelitkan mengenai hukum pelaburan ini.

Yang ketiga, berapakah jumlah penyelewengan wang ASN yang telah dilakukan dari kutipan-kutipan yang dibuat oleh Jabatan Pos seperti yang disiarkan baru-baru ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut ajaran Islam, kalau kita tentukan pulangan daripada satu-satu pelaburan itu secara tetap, itu merupakan taedah dan bukan keuntungan. Sepertimana kita tahu dalam perniagaan kadang-kadang untung lebih, kadang-kadang kurang dan kadang-kadang rugi dan pulangannya mestilah bergantung kepada kejayaan pelaburan itu. Kalau pelaburan itu memberi keuntungan yang tinggi maka tinggilah dividen. Kalau ianya kurang maka kuranglah dividen. Kita tidak janji bahawa kita tetap memberi pulangan sebanyak 10% kerana itu sama dengan faedah yang dikenakan apabila kita pinjam wang untuk apa juga tujuan.

Tahun sudah kita dapati bahawa kerana resesi pulangan bagi perniagaan syarikat-syarikat milik ASN ini berkurangan dan oleh kerana itu kita telah mengurangkan dividen.

Soatan yang kedua, berkenaan dengan fatwa. Sebenarnya dalam perkara ini banyak pendapat telah disuarakan dan masing-masing membuat dakwaan bahawa ini adalah fatwa letapi mereka yang membuat iatwa ini pun tidak berkelayakan membuat fatwa dan dalam dunia Islam kita dapati ramai juga negara-negara Islam yang tumpu perniagaan mereka kepada memberi pinjaman wang dan mengutip faedah yang mana ini jelasnya bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi tidak ada pun kritik daripada orang yang suka membuat fatwa di dalam negara kita ini terhadap negara-negara lain yang mencari keuntungan daripada memberi pinjaman wang.

Berkenaan dengan penyelewengan oleh pihak Pos ini, saya tidak dapat memberi maklumat tepat, tetapi jika Ahli Yang Berhormat berhendakannya, kita akan dapat memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika ada kenyataan iaitu berapakah jumlah peratusnya daripada 2.3 juta orang yang melabur setakat ini memiliki pelaburan maksima sebanyak \$50,000 dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar had maksima \$50,000 ini kepada tahap yang lebih bagi menggalakkan mereka yang mungkin mempunyai wang ringgit yang lebih untuk melabur di dalam Amanah Saham Nasional ini?

Yang kedua, apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpuas hati dengan sikap bank-bank komersial dalam memberi pinjaman kepada pelabur-pelabur untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional ini?

Yang ketiga, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan juga bercadang untuk menggubal dasar

atau peraturan di mana kupon-kupon subsidi padi yang diberi selama ini bagi menggalakkan penanam-penanam padi ditukar ke dalam hentuk saham Amanah Saham Nasional?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka tepat berkenaan dengan mereka yang telah melabur sebanyak \$50,000 maksima ini. Tetapi saya terima baik cadangan supaya had maksima ini dinaikkan memandangkan bahawa nilai mata wang kita sudahpun merosot sedikit dan \$50,000 tidak lagi dianggap sebagai satu angka yang tinggi dalam masyarakat Butniputera sekalipun dan memang kita sedang mengkaji perkara ini.

Berkenaan dengan bank komersial yang memberi pinjaman untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional ini, kita sebenarnya ingin menggalakkan pelabur-pelabur menggunakan wang mereka sendiri daripada simpanan mereka. Kalau mereka cuma meminjam wang daripada bank komersial dan berharap kepada dividen yang mereka dapat untuk membayar, sebenarnya mereka tidak mempunyai apa-apa risiko dan tidak mempelajari apa-apa pun daripada usaha melabur. Kita hendak melihat supaya Bumiputera belajar tentang pentingnya risiko dalam pelaburan. Kita tidak begitu suka kepada perniagaan yang berasaskan kepada "O.P.M."—"O.P.M." Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris bermakna "other people's money".

Yang ketiga, berkenaan dengan dasar kupon subsidi, pihak ASN akan mengkaji.

PROJEK TEBATAN BANJIR SG. TIRAM, PULAU PINANG

4. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah rancangan projek

tebatan hanjir Sg. Tiram. Daerah Barat Daya, Pulau Pinang akan dilaksanakan dan apakah usaha serta langkah segera bagi menghilangkan bau najis babi di kawasan Sg. Tiram akibat perparitan yang kurang memuaskan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Projek Tebatan Banjir Sg. Tiram, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang akan dimulakan pada tahun ini dengan pengambilan balik tanah untuk rizab yang dikehendaki. Kerja pembinaan struktur-struktur juga dijangka dapat dimulakan pada penghujung tahun ini.

Berkenaan dengan masalah bau najis babi di kawasan Sg. Tiram akibat perparitan yang kurang memuaskan, perkara ini adalah dalam kajian pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Buat sementara, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedang melencungkan parit tanah supaya memudahkan pengaliran najis babi terus ke laut.

SKIM LATIHAN LUAR NEGERI

5. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai mengenai Skim Latihan Luar Negeri di bawah Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU); berapa jumlah yang telah dihantar ke luar negeri dan negeri manakah mereka berlatih dan apakah bidang-bidang yang telah berjaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddaro): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, seramai 801 orang telah dilatih di bawah program ini dalam tempoh tiga tahun 1983 hingga 1985. Mereka ini dihantar ke 13 buah negeri iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Korea Selatan, Jepun, Britain, Prance, Italy, Holland, Switserland, German, Ireland dan Austria.

Sebahagian besar peserta adalah dari bidang perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan.

Maklumat awal kajian yang telah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia menggambarkan bahawa bekas peserta menunjukkan perubahan yang positif dari segi sikap, peningkatan motivasi dan keyakinan diri,

PANEL PENASIHAT PERPADUAN NEGARA

6. Dr. Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tugas utama Panel Penasihat Perpaduan;
- (b) siapakah anggota-anggotanya; dan
- (c) sejauh manakah pencapaian Panel itu ke arah memupuk persefahaman kaum dan perpaduan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tugas utama Panel Penasihat Perpaduan Negara adalah:
 - (1) mengawasi dan menilai arus perkembangan serta suasana perhubungan antara kaum yang wujud dalam negara dan seterusnya menasihati Jabatan Perpaduan Negara dan juga Kerajaan mengenai hal tersebut;
 - (2) menasihati Jabatan Perpaduan Negara mengenai langkah-langkah positif yang patut diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi keharmonian antara kaum dan proses integrasi nasional dan

menarik perhatian Jabatan Perpaduan Negara mengenai unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan proses integrasi dalam negara kita;

- (3) menasihati Jabatan Perpaduan Negara dalam perkembangan program-program untuk perpaduan dan integrasi nasional;
 - (4) memberi kerjasama kepada Jabatan Perpaduan Negara dalam melaksanakan program atau bidang tugasnya yang tertentu, sekiranya diminta berbuat demikian, terutamanya sekali dalam usaha untuk mencegah sebarang pertelingkahan antara kaum atau untuk menyelesaikan perselisihan faham/pertikaian yang telah berlaku.
- (b) Panel Penasihat Perpaduan Negara adalah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa ini Yang Berhormat Tuan Kasitah Gaddam dan Setiausahanya ialah Ketua Pengaruh. Jabatan Perpaduan Negara dan ahli-ahli adalah seramai 28 orang yang lain.
- (c) Panel Penasihat Perpaduan Negara telah berjaya memamkan peranan yang aktif dalam soal perpaduan di antara kaum dengan memberi nasihat kepada Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara, khususnya menilai dan menimbangkan serta membincangkan kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai perpaduan nasional.

Tuan Hashim bin Safm: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Antara tungsi yang telah diberi oleh Lembaga Penasihat ialah untuk menasihati program-program perpaduan. Ingin saya mendapat penjelasan, apakah program-program yang telah dilaksanakan setakat ini dan sejauh mana kesannya ke arah pencapaian perpaduan?

Raja Dato' Ariffm bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan program-program yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara adakah berasaskan kepada tujuan-tujuan untuk mewujudkan perpaduan di dalam negara khususnya perpaduan di antara kaum dan program-program ini adalah banyak. Sepertimana yang telah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali, ini termasuklah program-program seperti TABIKA dan program-program di bawah Rukun Tetangga dan juga baru-baru ini kita lancarkan Program Khemah Kerja Kejiranan. Saya ingat ianya agak panjang, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak huraikan sebagai satu taklimat penuh dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingat memadai buat setakat itu.

Dato' Abdullah Ahmad: Adakah Perdana Menteri berpuas hati dengan pencapaian perpaduan antara kaum kini atau bolehkah perpaduan ini ditingkatkan lagi?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pencapaian perpaduan di antara kaum hingga kini kedudukannya adalah di peringkat yang amat memuaskan. Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa unsur-unsur perpaduan ini masih belum dikenali dan belum dihayati sepenuhnya oleh masyarakat keseluruhannya dan Kerajaan sedang berusaha untuk menjelaskan unsur-unsur perpaduan ini supaya perpaduan yang dapat kita wujudkan di dalam negara ini akan benar-benar berasas

kepada satu-satu fahaman sepakat di antara kaum dalam negara ini. Jadi, usaha-usaha memang diteruskan dan ini insya Allah akan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

TAHANAN AHLI-AHLI POLITIK

7. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penahanan ahli-ahli politik dari setiap:

- (a) Parti Politik;
- (b) Persatuan; dan
- (c) Kumpulan Agama.

semasa di dalam tahanan dan sejak bila setiap tahanan ditahan. Nyatakan juga di manakah tahanan-tahanan ini ditahan dan keadaan kem tahanan ini. Berikan alasan mengapakah tahanan-tahanan ini tertakluk di dalam program pemulihan yang dijalankan oleh Polis Cawangan Khas dan nyatakan sama ada program pemulihan dan taktik penyiksaan yang dilakukan oleh Polis Cawangan Khas untuk memulihkan tahanan-tahanan adalah mengikut:

- (a) hak-hak manusia seperti yang dinyatakan di dalam United Nations Charter dan Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) keujudan undang-undang peraturan di negara kita jika ada, undang-undang/peraturan manakah dan di manakah Polis Cawangan Khas mendapat taktik pemulihan (interrogation tactics) untuk memulih tahanan-tahanan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jumlah orang-orang yang masih di tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ialah 86 orang. 81 orang daripadanya ditahan di tempat

Tahanan Pertindungan Kamunting, Taiping dan 5 orang di Pusat Tahanan Polis Mukim Batu, Kuala Lumpur. Keadaan tempat-tempat tahanan tersebut adalah baik dan di ditadbirkan mengikut garis panduan undang-undang Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Orang Tahanan), 1960. Program pemulihan tahanan yang dijalankan di tempat tersebut dilakukan oleh pihak berkuasa Tempat Tahanan Perlindungan dan apa-apa penglibatan pegawai polis adalah atas permintaan beliau. Dari jumlah orang tahanan tersebut seramai 19 orang terdiri dari ahli-ahli politik, 10 orang ahli persatuan dan 6 orang kumpulan agama.

Sukalah saya tegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak polis tidak menggunakan apa-apa taktik penyiksaan semasa membantu pihak berkuasa Kem Tahanan menjalankan program pemulihan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini kenapa mereka yang ditahan di bawah ISA di Kemunting sekarang telah dinafikan hak mereka untuk dilawati oleh kawan-kawan mereka dan lawatan hanya dihadkan kepada ahli-ahli keluarga mereka sahaja serta peguam sahaja, tidak siapa pun boleh melawat mereka dan kenapa mereka dinafikan hak untuk membaca apa-apa akhbar-akhbar, surat-surat khabar, penerbitan-penerbitan tempatan serta yang telah diimport dari luar negeri itu. Apakah mereka tidak dibenarkan untuk menulis surat-surat kepada sesiapa yang mereka sukai? Kenapa surat-surat hanya terhad kepada ahli-ahli keluarga mereka sahaja? Ini langkah-langkah yang telah mengongkong hak asasi mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan

soalan yang pertama, saya harap Yang Berhormat tunggulah soalan Nombor 8 yang saya akan menjawab.

Tentang perkara yang kedua, hak-hak untuk membaca dan menulis kepada pihak-pihak yang tertentu, perkara ini saya sendiri akan jalankan penyiasatan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Pertama, adakah dua tahun itu cukup untuk membolehkan seseorang itu pulih supaya apabila mereka keluar nanti tidak dapat menjalankan aktiviti yang memudaratkan negara?

Yang kedua, saya kesal dengan Yang Berhormat tadi akan menyiasat berhubung dengan suratkhbar. Saya rasa suratkhbar dan lain-lain lagi ini adalah diletakkan di bawah Program Pusat Pemulihan. Kadang-kadang mereka tidak memerlukan surat-khabar untuk menjalani pemulihan. Jadi, saya ingat perkara-perkara ini tidak perlu ditimbulkan tetapi terpulang kepada Pusat Penahanan tersebut untuk menentukan bahawa sampai bila mereka ini boleh membaca suratkhbar. Ini cadangan saya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah cukup atau tidak cukup masa ini terpulang kepada orang yang ditahan. Kalau sekiranya orang yang ditahan itu sedar akan kesalahan dia dan bertukar sikap dan pihak yang menahan merasakan bahawa ia tidak memudaratkan, maka perkara ini bolehlah dipertimbangkan. Tetapi jikalau sekiranya dua tahun itu masih lagi tak cukup menyedarkan, kita akan fikir bagaimana cara untuk menyedarkan mereka.

Tentang perkara yang kedua, itu terpulang kepada pihak pegawai yang menandatangani tugas di pusat tahanan untuk menentukan bolehkah atau tidak boleh mereka ini membaca akhbar dan sebagainya.

TAHANAN ISA—KUNJUNGAN SAHABAT

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa orang-orang selain daripada ahli-ahli keluarga tidak dibenarkan mengunjungi tahanan-tahanan ISA yang ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping, Perak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 81, Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang Tahanan), 1960 orang-orang yang dikenakan Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 hanya dibenarkan menerima lawatan daripada ahli keluarga dan peguam mereka sahaja. Walau bagaimanapun, jika ia berkelakuan baik, mematuhi semua arahan-arahan dan hukuman tetap Tempat Tahanan Perlindungan, Penguasa tempat itu boleh, menurut budibicaranya, memberi kebenaran kepada orang yang ditahan itu menerima pelawat-pelawat selain daripada ahli keluarga dan peguamnya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau berkata bahawa sama ada membenarkan kawan-kawan melawat orang-orang tahanan adalah di bawah kuasa pihak tempat tahanan, tetapi sama ada beliau sedar ini kita harus memohon melalui Kementerian Dalam Negeri dan bukan diluluskan oleh kem tahanan, jadi mengapa begitu?

Yang kedua, saya masih ingat apabila saya ditahan, saya dibenarkan jumpa kawan-kawan saya dan sekarang tidak dibenarkan. Sama ada ini menunjukkan bahawa sikap Kerajaan telah makin lama makin anti asasi manusia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah bahawa tiap-tiap sahabat yang ingin memohon untuk berjumpa dengan orang-orang tahanan menulis kepada Menteri. Pihak Menteri pula mesti mendapat nasihat daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kerana bukanlah tugas Menteri untuk duduk dalam kem tahanan untuk berhadapan dengan orang-orang yang ditahan. Kita mempunyai pegawai-pegawai profesional yang tahu tentang selok-belok orang-orang tahanan ini. Atas budibicara mereka, kalau boleh, barulah pihak Menteri akan memberi kebenaran.

Tentang Yang Berhormat kata dahulu boleh sahabat-sahabat melawat Yang Berhormat masa Yang Berhormat kena tahan, mengapa sekarang tidak, kerana mungkin pada masa itu Yang Berhormat berkelakuan baik (*Ketawa*) dan atas budibicara pihak Pelindung, boleh sahabat melawat, jadi kita benarkan melawat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, kalau tidak begitu munasabah pun harap maaf, kerana banyak di antaranya saya tak begitu faham fasal ISA ini. Sebab tak faham itu kerana tak berkenan pun ya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Ini pun hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. terus. jangan membuat komen.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: ISA ini tangkapan itu berasas kerana menjaga keselamatan dalam negara. Kemudian ukuran orang-orang yang meletus atau membuat

angkara-angkara yang boleh menjadi terjejas keselamatan negara ini ada orang ditangkap tetapi tidak tepat yang ianya itu melakukan satu kesalahan yang menjejaskan keselamatan negara, tetapi ada yang tertangkap

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. soalnya ialah berkenaan dengan kebenaran hendak herjumpa dengan orang-orang tahanan. Yang Berhormat melencung jauh itu.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Kerana ISA ini ada sedikit gerun. jadi dia lengkok jauh sedikit (*Ketawa*). Orang-orang yang hendak masuk jumpa orang-orang tahanan dalam ISA ini terdapat bahawa mereka masuk, mereka merasa keluhan mengadu mengatakan ada orang yang teruk lagi menyebabkan kepada keselamatan negara patut di tangkap orang itu, kata dia, dia bercerita kepada orang di dalam ini. Jadi, orang di dalam ini merasa sedih kerana dia tidak sangat begitu, tetapi ditangkap

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi soalnya, bagaimana tindakan Kerajaan apabila sudah sedar bahawa ada di belakangnya itu orang teruk sangat yang boleh meletuskan perkara perpecahan kaum atau keselamatan negara, tetapi belum ditangkap. Adakah akan ditangkap sebagai ganti orang duduk dalam tadi atau bagaimana?

Yang kedua, bagaimana kalau sekiranya orang yang meletus keselamatan negara yang duduk di dalam tadi diceritakan oleh orang pergi jumpa tadi bahawa kata dia

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta maaf. Dalam soalan, tak boleh mengeluarkan

pertanyaan-pertanyaan yang mempunyai "jika begitu", "jika begini" — tidak "hypothesis" — tak boleh. Hanya boleh ditanyakan perkataari-perkataan yang tepat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Ini perkataan tepat, insya Allah. Isteri-isteri orang yang kena tahan, berapa lamakah dibenarkan berjumpa? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang itu tepat (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: dan adakah diizinkan isteri dan suami tadi berkedudukan di dalam tempat tahanan tadi

Tuan Yang di-Pertua: Yang berasingan!

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: dalam masa yang lama sedikit. misal kata. Jadi setakat itulah agaknya (*Ketawa*), kerana gangguan Tuan Yang di-Pertua/ini membawa tak boleh hendak soal apa yang ada dalam hati saya ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua. kita tahu bahawa pihak Polis dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Seksyen 73 (1) boleh menangkap atau menahan pihak-pihak yang syaki dan dalam seksyen itu juga akan disiasat dengan rapinya dan apabila pihak Polis puashati bahawa segala apa tindak-tanduk mereka itu benar-benar mengancam keselamatan negara atau ketenteraman awam. barulah seksyen 81 itu dilaksanakan. Jadi, kajian yang rapi telah dibuat terhadap pihak-pihak yang ditahan. Dengan sebab itu. tidak timbullah daripada orang ramai kerana orang ramai bukan menjalankan penyiasaan yang begitu rapi dan kita tahu siapa yang benar-benar menjalankan kegiatan tersebut dan siapa yang tidak menjalankan kegiatan tersebut.

Tentang perkara yang kedua. berapa lamakah isteri-isteri ini boleh bertemu dalam masa tahanan, seksyen 73 (1) ada setengah-setengah isteri itu yang kita benarkan sampai sejam. ada yang setengah jam

Tuan Yang di-Pertua: Tengok baiknyu!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Ya. terpulang kepada baiknya. Dan apabila mereka sudah di bawah seksyen 81. mungkin kita beri peluang untuk lebih lama sedikit. tetapi tidaklah sehingga sehari suntuk yang boleh memudaratkan keadaan dalam itu pula (*Ketawa*).

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Tadi dalam jawapan kepada pertanyaan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata, "jika berkelakuan baik". bolehkuh saya anggap makna "berkelakuan baik" ini adalah setiap orang yang ditahan mengikut arahan pihak berkuasa mengambil ikrar 3 hari setiap minggu dalam Kem Kemunting, sumpah setia kepada Kerajaan Barisan Nasional dan sumpah menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang sedang ada sekarang. Adakah ini termasuk mengambil ikrar ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dalam sumpah setia dan ikrar di negara ini tidak pernah pun Kerajaan memaksa sesiapa untuk bersumpah taat setia kepada Kerajaan Barisan Nasional. Bila kita berikrar. kita bersumpah kepada negara yang mana Yang di-Pertuan Agong menjadi pemimpin yang paling besar dalam negara ini.

PERSIDANGAN LUAR PANTAI ASIA TENGGARA KETUJUH DI SINGAPURA

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkara-perkara

penting yang telah diputuskan oleh persidangan ahli-ahli profesional dan ahli-ahli perniagaan industri minyak dan gas di persidangan luar negeri Asia Tenggara ke tujuh di Singapura bermula dari 2 hingga 5 Februari 1988 yang lalu. Apakah manfaat yang didapati oleh Malaysia hasil dari persidangan itu.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, persidangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu persidangan "The Seventh Offshore South East Asia Conference and Exhibition" yang telah diadakan di Singapura pada 2 hingga 5hb Februari, 1988 adalah dianjurkan oleh pihak swasta dan bukannya anjuran rasmi Kerajaan Malaysia. Persidangan itu telah membincangkan berbagai tajuk teknikal berkaitan dengan mencarigali minyak mentah dan gas di luar pantai. Bagi Malaysia adalah agak sukar hendak dikatakan manfaat yang konkrit yang perolehi daripada persidangan tersebut. Apa yang nyata ialah persidangan itu berguna dalam memberi pendedahan kepada pemikiran baru dalam beberapa aspek dalam industri petroleum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon memperbetulkan soalan ini. Sebenarnya tarikh dalam soalan ini sepatutnya "1 hb Januari. 1987 hingga 30hb Disember. 1987". Tuan Yang di-Pertua. soalan No. 10.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

KEBAKARAN—KERUGIAN DAN KEMATIAN

10. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejak 1 hb Januari. 1987 hingga 30hb Disember, 1987 dalam tempoh 12 bulan berapakah kebakaran berlaku di

negara ini, berapa banyak kerugian yang ditaksirkan dan berapa ramai jiwa yang terkorban.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pertukaran ini adalah satu pertukaran yang substantial. Walau bagaimanapun oleh kerana saya fikir maksud Ahli Yang Berhormat adalah bagi tahun 1987, saya telahpun sediakan angka-angka. Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1987 dalam tempoh 12 bulan itu, jumlah kebakaran yang berlaku adalah 14,015. Kerugian bagi tahun itu adalah ditaksirkan sebanyak \$161.48 juta dan kematian bagi tahun tersebut adalah 44.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah anggota Pasukan Bomba yang terkorban dalam usaha untuk memadamkan kebakaran dan apakah mereka ini diberi ganjaran yang sewajarnya sepertimana ganjaran yang kita beri kepada Pasukan Tentera atau Polis dalam mempertahankan tanahair. Jika tidak, apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengemukakan kepada Kerajaan supaya satu ganjaran kepada Pasukan Bomba ini diletakkan setimpal dengan Pasukan-pasukan Pernjurit, sebab mereka juga memainkan peranan sehingga menyebabkan nyawa mereka terkorban.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, angka tentang jumlah pasukan yang telah terkorban, saya tidak ada. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, sebagai langkah permulaan satu Rang Undang-undang bagi Perkhidmatan Bomba akan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini dan adalah dicadangkan bahawa satu Tabung Kebajikan ditubuhkan untuk membantu ahli-ahli Bomba yang cedera atau terkorban

nyawa mereka dalam peristiwa kebakaran.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Speaker, minta penjelasan... Adakah sebab-sebab kebakaran ini akibat daripada bad wiring, dengan izin, atau kurang cermat ataupun kerana mahu claim insurance?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kebakaran adalah termasuk punca daripada kerosakan elektrik dan lain-lain jenis. Jadi, puncanya banyak, seperti kelalaian membuang puntung rokok, percikan api dan sebagainya. Jadi, kerosakan elektrik atau salah memasang elektrik boleh menjadi satu punca.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI TENTERA JANGKA PENDEK

11. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar pegawai-pegawai Tentera Jangka Pendek apabila tamat tempoh perjanjian perkhidmatannya tidak akan dibenar menyambung perkhidmatan. Jika benar, tidakkah Kementerian bercadang bagi menimbangkan pegawai-pegawai yang masih muda itu untuk terus berkhidmat.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa menyanjung tinggi perkhidmatan yang dicurahkan oleh pegawai-pegawai tentera jangka pendek. Dengan itu perkhidmatan serta keinginan mereka untuk melanjutkan perkhidmatan mereka adalah digalakkan. Walau

bagaimanapun lanjutan ini adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan pada masa itu serta calon-calon tersebut memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang telah ditetapkan iaitu:

(a) Tempoh Tauliah Jangka Pendek

- (i) Pegawai Tauliah Jangka Pendek yang telah menamatkan perkhidmatan selama 7 tahun walau bagaimanapun boleh memohon untuk melanjutkan perkhidmatan selama 2 tahun dan kemudian 2 tahun lagi hingga mencukupi tempoh 11 tahun.
- (ii) Walau bagaimanapun di dalam keadaan istimewa Majlis Angkatan Tentera boleh melanjutkan perkhidmatan Tauliah Jangka Pendek seseorang pegawai secara berperingkat-peringkat selama tidak melebihi 2 tahun tiap-tiap kali sehingga mencapai umur 45 tahun. Sekatan umur ini boleh dilonggarkan mengikut pertimbangan Majlis Angkatan Tentera.

(b) Permohonan Tauliah Tetap

Seseorang pegawai Tauliah Jangka Pendek Tugas Am boleh memohon Tauliah Tetap sekiranya ia memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Telah berkhidmat sebagai seorang pegawai bertauliah selama sekurang-kurang 5 tahun dan berpangkat Leftenan.
- (ii) Lulus kursus-kursus yang diwajibkan.
- (iii) Lulus dengan sepenuhnya peperiksaan kenaikan

an pangkat Leftenan ke Kapten atau setarat".

- (iv) Mempunyai taraf kesihatan seperti yang disyaratkan untuk pasukan atau perkhidmatan yang berkenaan.
- (v) Telah disyorkan untuk penganugerahan Tauliah Tetap dalam dua laporan sulitnya yang terakhir.

Dengan itu adalah tidak benar menganggap bahawa pegawai-pegawai tentera jangka pendek tidak dibenar menyambung perkhidmatannya apabila tamat tempoh perjanjiannya.

**PERBADANAN PEMBEKALAN
LETRIK SARAWAK—
PERUNTUKAN**

12. Tuan Lainus Anak Andrew Luwak minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlahnya peruntukan yang diberi kepada PPLS untuk projek letrik luar bandar bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 bagi Negeri Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (PPLS) untuk melaksanakan projek-projek bekalan elektrik di kawasan luar bandar bagi Negeri Sarawak bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>		<i>Peruntukan \$</i>
1986	..	30.00 juta
1987	..	—
1988	..	3.89 juta
		<hr/> 33.89 juta <hr/>

MINI HIDRO MELANGKAP, SABAH

13. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapakah Mini Hidro Melangkap, Kota Belud, Sabah telah gagal memberikan bekalan tenaga elektrik pada akhir tahun 1987 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ketika menjawab soalan saya di mesyuarat Parlimen pada 19-11-1987.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke):

Memanglah benar Lembaga Letrik Sabah telah gagal memberikan bekalan tenaga elektrik melalui Mini Hidro Melangkap, Kota Belud pada bulan November, 1987 sebagaimana yang telah dijanjikan kerana pada bulan Oktober tahun itu kejadian tanah runtuh yang mengancam projek tersebut telah berlaku di kawasan berkenaan. Dengan hal yang demikian Lembaga Letrik Sabah telah terpaksa menjalankan kerja tambahan untuk menjamin keselamatan projek berkenaan. Kerja-kerja ini telah bermula dalam bulan Februari, 1988. Lembaga Letrik Sabah mengharapkan pembekalan tenaga daripada projek tersebut akan dapat dimulakan pada bulan Mei, 1988 ini.

Walaupun demikian, Lembaga Letrik Sabah juga sedang berusaha untuk membawa bekalan tenaga ke kawasan Melangkap dan persekitarannya melalui talian penghantaran 22 KV daripada janakuasa diesel di Kota Belud dan ini jua dijangka akan dapat membekalkan tenaga ke kawasan berkenaan pada penghujung bulan Mac atau awal April, 1988.

PEMBINAAN JALAN RAYA DAN JAMBATAN

14. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau minta Menteri Kerjaraya

- menyatakan sama ada peruntukan yang telah diluluskan untuk 1987 kepada semua negeri bagi mengetar (Bituminise) semua jalanraya di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan keseluruhannya setakat 30 September 1987. Kalau tidak, bolehkah Menteri menerangkan jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi projek-projek ini dan jumlah yang telah dibelanjakan setakat 30 September 1987. Nyatakan juga mengapa kerja mengetar (Bituminise) sebahagian daripada jalanraya utama di Sarawak iaitu di antara simpang Batu Lintang dan simpang Lubok Antu belum lagi bermula walaupun difahami bahawa Kerajaan Sarawak telah pun mengesyorkan tender kerja tersebut kepada Kementerian-kementerian Kerjaraya dan Kewangan pada bulan Januari tahun ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi membiayai pembinaan jalanraya dan jambatan di seluruh Malaysia bagi tahun 1987 adaah seperti berikut:

	\$
(a) Semenanjung Malaysia	150.9 juta
(b) Sabah	120.2 juta
(c) Sarawak	128.4 juta
JUMLAH ..	<u>399.5</u> juta

Daripada peruntukan-peruntukan yang disediakan Itu perbelanjaan sehingga 30 September 1987 adalah seperti berikut:

	\$
(a) Semenanjung Malaysia	107.6 juta
(b) Sabah	55.8 juta
(c) Sarawak	66.9 juta
JUMLAH ..	<u>230.3</u> juta

Keseluruhan perbelanjaan adalah 57.6% daripada peruntukan yang disediakan.

Mengenai jalanraya daripada simpang Batu Lintang ke simpang Lubuk Antu, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tender telah pun dikeluarkan dan sekarang sedang dalam pertimbangan lembaga tawaran. Sebaik sahaja keputusan dibuat kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

PROJEK LEBUHRAYA UTARA—SELATAN—PERJANJIAN

15. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kerjaraya menyatakan sudahkah Kementerianya menetapkan tarikh meteri perjanjian dengan Syarikat United Engineers Malaysia Bhd. (UEM) untuk mengendalikan 504 km Lebuhraya Utara-Selatan dan Pengutipan Bayaran Tol di Lebuhraya ini. Apakah peruntukan pinjaman dan 'Guarantee Kewangan' yang akan diberi kepada UEM. Apakah kadar-kadar Tol dan tempoh pengutipannya yang akan diizinkan oleh Kementerianya. Bilakah kerja-kerja pembinaan akan bermula.

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada perjanjian di antara Kerajaan dan UEM bagi pembinaan Projek Lebuhraya Utara-Selatan telah ditandatangani. Jika ya, bilakah ianya ditandatangani dan nyatakan syarat-syarat perjanjian tersebut. Jika tidak, bilakah ianya akan ditandatangani dan di bawah syarat apa.

18. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah kedudukan UEM berhubung dengan kontrak Lebuhraya Utara-Selatan berikutan keputusan Mahkamah baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang akan menender semula projek ini ataupun membatalkannya.

Dalo' S. Samy Vellu: Saya akan menjawab soalan-soalan No. 15, 16 dan 18 secara sekaligus kerana soalan-

soalan itu berkaitan dengan tajuk yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh perjanjian Kontrak Lebuhraya Utara-Selatan belum lagi ditetapkan buat masa ini, oleh kerana ianya masih lagi di peringkat perundingan. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat saya jelaskan sekarang.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, suka saya memaklumkan, bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menender semula Projek Lebuhraya Utara-Selatan.

INTEGRASI NASIONAL

17. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan bagi memastikan kesedaran integrasi nasional benar-benar mencapai matlamatnya terutama sekali melalui:

- (a) penglibatan rakyat keseluruhannya;
- (b) penglibatan Kerajaan-kerajaan Negeri; dan
- (c) penglibatan badan-badan Kerajaan termasuk pihak swasta, media massa dan lain-lain lagi.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha Kerajaan yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk mencapai matlamat kesedaran integrasi nasional dari segi penglibatan rakyat keseluruhannya ialah seperti kegiatan-kegiatan penggalakkan melalui program Rukun Tetangga (RT) seperti Khemahkerja Kejiranan, sukan, kelas-kelas pendidikan pra-sekolah dan pendidikan tidak formal, majlis-majlis penerangan, kunjung-mengunjung

antara penduduk sejiran. kerja-kerja gotong-royong. majlis dialog. seminar. ceramah dan lain-lain.

Kerajaan-kerajaan Negeri juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama. Di peringkat negeri, terdapat sebuah Jawatankuasa Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Setiausaha Kerajaan. bagi menyelaraskan serta memberi bimbingan kepada aktiviti-aktiviti perpaduan di peringkat negeri masing-masing.

Badan-badan lain juga menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi perhatian kepada perpaduan seperti yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. KEMAS. Pejabat-pejabat Daerah. Semuanya memberi sumbangan ke arah perpaduan. Pembangunan Majlis-majlis Daerah dalam aktiviti-aktiviti perniagaan juga turut menyumbang ke arah perpaduan rakyat.

Badan-badan swasta juga dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menjalankan perpaduan baik yang dijalankan oleh Kerajaan mahupun yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan sukarela. Penglibatan ini bercorak sumbangan derma dalam bentuk wang dan juga penglibatan kakitangan swasta secara langsung dari segi tenaga dan kepakaran dalam program-program seperti membuat papan tanda. khemahkerja-khemahkerja kejiranan, sukan rakyat. ceramah dan dialog dan lain-lain.

Pihak media massa juga turut memainkan peranan bagi menjalankan perpaduan di kalangan rakyat dengan menonjolkan berita-berita mengenai kegiatan-kegiatan perpaduan dari masa ke semasa.

(Soalan No. 18. Sila lihat jawapan No. 15)

LAGU SETIA DI RTM

19. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan dengan lancarnya kempen menyemai kesetiaan, RTM memutar lagu "Setia" siang malam. lebih kerap daripada Lagu Kebangsaan "Negara Ku" dan tidak lama lagi generasi muda akan mengenali lagu "Setia" lebih daripada "Negara Ku"; apakah ini adalah petanda bahawa lagu "Setia" akan dijadikan lagu Kebangsaan baru dan apakah Kementeriananya bercadang memberi keutamaan kepada lagu Kebangsaan "Negara Ku"; jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Lagu "Negara Ku" tetap menjadi Lagu Kebangsaan negara ini. Lagu Kebangsaan "Negara Ku" diputarkan sebagai tanda pembukaan stesen bagi siaran radio dan television. Selam dari itu. "Negara Ku" dimainkan juga dalam rancangan-rancangan khas yang melibatkan upacara-upacara rasmi.

Lagu "Setia" pula dicipta dan disiarkan setiap hari dengan tujuan untuk menyemai semangat setia kepada Raja, Pemimpin-pemimpin Negara, Bangsa dan Agama di kalangan Rakyat berbilang kaum untuk terus berjuang mencari kemajuan dan pembangunan. Semangat setia itu juga merupakan sebahagian dari disiplin diri dalam menjaga hubungan baik dengan ayah ibu. kaum keluarga. Ketua-ketua Pejabat dan lain-lain. Kerana itulah ia telah disambut dengan hangat sehingga kanak-kanak sendiri senang menyanyikannya. Ia diharap akan dapat menanamkan juga rasa cinta dan megah kepada negara dan bangsa kerana kemegahan itu tidak akan timbul tanpa kesetiaan.

Sungguhpun begitu lagi "Setia" tidak dimaksudkan untuk menukarkan tempat Lagu Kebangsaan "Negara

ku". Ia bolehlah dianggap sebagai salah satu lagu patriotik yang telah berjaya memikat hati rakyat.

PEMINTA SEDEKAH

20. **Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (fa) apakah rancangan Kementerian bagi mengurangkan jumlah peminta sedekah yang semakin bertambah kini. Apakah tindakan segera Kerajaan bagi "mentiadakan" peminta sedekah yang banyak berkeliaran di bandar dan pusat-pusat utama awam. Apa pula rancangan Kementerian bagi menyekat kemasukan peminta-peminta sedekah haram dari luar negeri. Apakah program Kementerian bagi "membebaskan" negara ini dari peminta-peminta sedekah; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha latihan pemulihan terhadap peminta-peminta sedekah yang diambil (ditangkap) oleh pihak Kementerian.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohamad):

- (a) Semua Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negara sering menjalankan serbuan bagi menangkap pengemis dan orang papa yang berkeliaran di bandar dan pusat-pusat awam di tempat masing-masing. Pengemis yang ditangkap dimasukkan ke pusat pemulihan mengikut perbekalan Akta Orang Papa 1977 jika tiada sesiapa yang bertanggungjawab atau menjaminnya.

Pengemis asing yang ditangkap diserahkan kepada Jabatan Imigresen bagi urusan

menghantar mereka pulang ke negeri asal. Di samping itu Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi yang lain seperti Jabatan Imigresen untuk mengetatkan lagi kawalan di sempadan Negara Malaysia-Thai dan mengawal kemasukan pengemis asing.

Kementerian ini juga dari semasa ke semasa menyedarkan masyarakat supaya tidak memberi sedekah kepada pengemis di tepi jalan tetapi sebaliknya pula mereka digalakkan supaya menderma kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dan badan-badan agama masing-masing. Dengan cara begini adalah diharapkan ianya dapat membendung atau mengurangkan masalah pengemis di negara ini.

- (b) Mereka yang ditangkap diberi latihan dari segi pemulihan di dalam beberapa bidang kemahiran supaya mereka dapat berdikari dan tidak mengulangi tabiat meminta sedekah. Mereka yang berkeupayaan pula diberi pelbagai jenis kemudahan bantuan supaya mereka dapat meningkatkan taraf kehidupannya. Semua penghuni yang dilepaskan dari Pusat Pemulihan akan disedia selama setahun atau sehingga ianya dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat demi untuk menemukan kejayaan usaha-usaha pemulihan yang dijalankan.

PELANCONG KE MALAYSIA— GALAKAN

21. **Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan memberitahu apakah langkah yang telah/sedang dan

akan diambil untuk menarik lebih pelancong-pelancong ke negara kita dan adakah Kementerian berkenaan akan menyediakan balai-balai seni di mana pelancong-pelancong dapat melihat tarian-tarian dan aktiviti-aktiviti kebudayaan seperti yang ada di Pulau Bali di Indonesia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Langkah-langkah yang telah/sedang dan akan diambil untuk menarik lebih pelancong-pelancong ke negara kita boleh dibahagikan kepada:

(i) penggalakan dan pemasaran;

(ii) mempertingkatkan mutu barangan pelancongan (tourist products)

(i) *Penggalakan dan Pemasaran*

Langkah-langkah penggalakan dan pemasaran yang telah/sedang dan akan dilaksanakan dengan pesatnya melalui:

(a) Pengiklanan di media massa antarabangsa dengan tujuan mengutarakan segala tarikan dan keindahan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini.

(b) Kempen galakan usaha-sama dengan sektor swasta yang meliputi penganjuran program-program penggalakan seperti penghantaran misi jualan pelancongan ke pasaran-pasaran yang terpilih di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan dan bakal-bakal pelancong mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi petancongan.

(c) Aktiviti Perhubungan Awam di mana penulis

penulis pengembara dan rombongan-rombongan perfileman dari luar negeri dijemput membuat liputan mengenai negara ini.

(d) Penyebaran maklumat mengenai destinasi-destinasi tempatan dalam berbagai jenis risalah-risalah khusus untuk kegunaan bakal-bakal pelancongan di dalam dan luar negeri.

(ii) *Mempertingkatkan Mutu Barangan Pelancongan*

Kementerian bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mempertingkatkan mutu barangan pelancongan yang terdapat di negara kita supaya ianya bertaraf antarabangsa. Kemudahan-kemudahan pengangkutan dan penginapan bagi para pelancong juga akan dipertingkatkan. Di samping itu, kempen kebersihan, kempen bersopan-santun juga diadakan supaya keadaan sekeliling dan layanan di pusat-pusat pelancongan adalah menarik. Di samping itu pelbagai pesta-pesta maupun di peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri di adakan untuk menarik pelancong-pelancong. Mengenai balai-balai seni, buat permulaan satu Pusat Penerangan Kebudayaan dan Pelancongan akan diadakan. bertempat di Kuala Lumpur. Bangunan Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang akan diubahsuai dengan diadakan antara lain sebuah panggong terbuka dan sebuah dewan untuk pertunjukkan kesenian. Kerja-karya pengubahsuaian Dewan Tunku Abdul Rahman dijangka siap pada bulan April/Mei 1989.

Buat masa ini pertunjukan kesenian sedang diadakan tiap-tiap hari Jumaat malam di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur sebagai satu usaha memperbanyakkan aktiviti-aktiviti bagi para pelancong.

PROJEK PERINDUSTRIAN— PELABURAN

22. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) jumlah pelaburan dari dalam negeri dan asing dalam sektor perindustrian pada tahun 1987;
- (ii) bagaimanakah kemajuannya berbanding dengan jumlah pelaburan yang telah dilaksanakan pada tahun 1986. Adakah terdapat peningkatan yang lebih positif. Jika ya, apakah faktor utama yang menjadi penggalak dan pendorong ke arah perkembangan tersebut;
- (iii) sektor-sektor manakah yang menjadi tumpuan pelabur-pelabur sepanjang tahun 1987 lalu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz):

- (i) Beberapa projek perindustrian telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi tahun 1987 yang melibatkan cadangan pelaburan modal sebanyak \$3,933.9 juta. Daripada jumlah cadangan modal tersebut, sebanyak \$1,529.4 juta merupakan cadangan modal dibayar dan bakinya adalah dalam bentuk pinjaman. Sebanyak \$779.4 juta daripada cadangan modal dibayar adalah daripada sumber-sumber dalam negeri dan bakinya

sebanyak \$750.0 juta adalah ekuiti asing.

- (ii) Dalam tahun 1986, jumlah cadangan pelaburan modal yang diluluskan ialah \$5,163.2 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$1,878.8 juta merupakan cadangan modal dibayar dan sebanyak \$3,284.4 juta ialah pinjaman.

Sebanyak \$1,354.3 juta daripada cadangan modal dibayar sebanyak \$524.5 juta adalah dari ekuiti asing.

Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan positif dalam penyertaan rakyat asing dalam sektor perindustrian pada tahun 1987 iaitu dari \$524.5 juta ke \$750.0 juta. Ia adalah hasil dari usaha positif Kerajaan untuk menarik lebih banyak pengaliran pelaburan ke negara ini.

Walaubagaimanapun jumlah cadangan pelaburan pada keseluruhannya telah berkurangan. Ini adalah disebabkan pelaburan dari sumber-sumber tempatan telah berkurangan dari \$1,354.3 juta dalam tahun 1986 kepada \$779.4 juta dalam tahun 1987. Di samping itu, berkuatkuasa pada 24hb Oktober, 1986, Kerajaan telah melonggarkan lagi syarat-syarat perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 di mana hanya syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham sejumlah \$2.5 juta dan lebih atau yang menggunakan pekerja bergaji sepenuh masa seramai 75 orang atau lebih, perlu mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta tersebut. Oleh itu jumlah cadangan pelaburan bagi tahun

1987 tidak mengambilkira cadangan pelaburan daripada syarikat yang dikecualikan daripada perlesenan.

(iii) Sepanjang tahun 1987, sektor-sektor yang telah menjadi tumpuan pelabur-pelabur ialah:

- (a) elektrik dan elektronik;
- (b) tekstil dan pakaian;
- (c) makanan;
- (d) perkayuan; dan
- (e) barang-barang logam asas.

PENYIMPAN DEPOSIT KOPERASI

23. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) jumlah bilangan penyimpan deposit koperasi yang telah menuntut pemulangan ansuran kedua simpanan mereka;
- (ii) jumlah wang yang telah dipulangkan kepada penyimpan-penyimpan setakat ini; dan
- (iii) sebab-sebab mengapa tidak semua penyimpan-penyimpan KPD yang menuntut pemulangan wang simpanan mereka.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (i) Pendeposit yang telah menuntut bayaran kembali deposit mereka di bawah ansuran kedua ialah 357,075 orang;
- (ii) Jumlah wang deposit yang telah dikembalikan setakat ini ialah \$198 juta.
- (iii) Sebab-sebab mengapa ada yang tidak menuntut kembali wang mereka tidak diketahui. Satu kemungkinan ialah kerana diberikan Buku Simpanan oleh

Bank-bank dan Institusi Kewangan. Oleh itu mereka tidak terburu-buru hendak mengeluarkannya. Setakat ini Buku Simpanan yang telah dikeluarkan berjumlah 256.000 akaun dalam 300 buah cawangan-cawangan Bank dan Syarikat kewangan.

PELABURAN/PELANCONGAN-LAWATAN PERWAKILAN ASING

24. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha yang dibuat membawa Ketua-ketua perwakilan asing di Malaysia melawat 13 negeri-negeri kita supaya dapat menarik pelaburan dan pelancongan dari negara masing-masing. Bolehkah penerangan luar negeri menggunakan kesempatan itu membuat liputan khas sebagai bahan penerangan yang berkesan di luar negeri,

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar); Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas Ketua-ketua perwakilan asing di sesebuah negara dan dalam kes ini di Malaysia supaya mengambil tahu dengan seluas-luasnya dan sedalam-dalamnya mengenai negara di mana mereka ditauliahkan. Proses ini bagi Malaysia, melibatkan lawatan ketua perwakilan asing tersebut juga ke negeri-negeri di negara kita ini.

Dalam hubungan ini tanggungjawab dan tugas Kementerian Luar Negeri adolah untuk memudahkan program lawatan-lawatan tersebut. Sesungguhnya lawatan tersebut telah pun dapat dilakukan, termasuk ke kawasan-kawasan Perindustrian dan Pelancongan.

Lawatan-lawatan untuk Ketua-ketua perwakilan-perwakilan asing seperti tersebut telahpun dilaksanakan berdasarkan bantuan dari Kementerian Luar Negeri dalam konteks amalan diplomatik.

Dalam hal ini, soal Kementerian Luar Negeri membawa Ketua-ketua perwakilan asing itu untuk melawat ke negeri-negeri di Malaysia ini dan juga untuk menggunakan lawatan tersebut sebagai bahan penerangan di luar negeri tidaklah timbul.

Bagaimanapun, untuk kepentingan negara amnya dan juga kepentingan pelaburan dan pelancongan khasnya Kementerian Luar Negeri memang ada dari semasa ke semasa menyusun dan mengatur program-program lawatan-lawatan ke Malaysia bagi wartawan-wartawan asing, dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan yang lain dan berkaitan.

Adalah didapati bahawa program ini telah dapat juga menyumbang dengan positifnya terhadap kepentingan negara kita di luar negeri terutamanya di bidang pelaburan dan pelancongan.

EKSPLORITASI ISU SENSITIF— TANGKAPAN

25. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar penangkapan secara besar-besaran yang dilakukan dalam bulan Oktober 1987 lalu telah menimbulkan rasa takut di kalangan rakyat kita serta membolehkan Kerajaan melaksanakan pemerintahan polis di negara ini; sama ada beliau sedar Kerajaan telah menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap Ahli-ahli politik pembangkang dan pengkritik-pengkritik Kerajaan dan sama ada mereka ini akan dibebaskan tanpa syarat dengan serta-merta.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya rasa Ahli Berhormat sendiri sedar bahawa keadaan cemas dan perasaan ketakutan yang wujud adalah berikutan dari tindakan beberapa orang secara individu dan kumpulan yang telah mengeksploitasi

isu-isu sensitif dan sebagainya dan tidak kerana apa-apa penangkapan yang dilakukan. Penangkapan yang dilakukan itu sebenarnya telah menenangkan perasaan rakyat dan telah memulihkan keadaan yang nyaris-nyaris mencetuskan pergaduhan perkauman.

Setiap tindakan Kerajaan menangkap dan menahan seseorang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah berdasarkan kepada kegiatan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, bukan kerana mereka ahli politik parti pembangkang atau pengkritik Kerajaan. Mereka yang ditahan itu akan dibebaskan apabila mereka tidak lagi memudaratkan keselamatan negara.

PENYELUDUPAN ROKOK— TANGKAPAN

26. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 beberapa tangkapan yang telah dibuat. kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah dan yang masih dalam siasatan berkenaan dengan penyeludupan rokok ke dalam Negeri Sabah terutamanya di Bandar Tawau dari negara Jiran.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Jumlah kes-kes tangkapan, kes-kes yang dibicarakan dan kes-kes yang masih dalam siasatan dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 berkenaan dengan penyeludupan rokok bagi Negeri Sabah adalah seperti berikut:

	1985	1986	1987
1. Tangkapan	187	294	559
2. Perbicaraan	68	63	152
3. Dalam Siasatan	4	8	55

Kes-kes penyeludupan rokok yang diperolehi di kawasan Tawau pula adalah seperti berikut:

	1985	1986	1987
1. Tangkapan	87	166	273
2. Perbicaraan	13	12	71
3. Dalam Siasatan	2	4	27

LESEN RADIO/TV

27. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tunggakan lesen Radio/TV yang belum dituntut sehingga sekarang dan adakah Kementerian bercadang memansuhkan radio;
- (b) adakah cadangan hendak menaikkan lesen TV; dan
- (c) melesenkan penggunaan video.

Dato' Mohamed bin Rahmat:

- (a) Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian ini tidak ada tunggakan lesen Radio dan TV yang belum dipungut. Masalah yang timbul hanyalah mengenai Radio/TV yang baru dibeli dan belum diambil lesen serta lesen yang sudah tamat tempohnya tetapi belum dibaharui. Bahagian Penguatkuasa RTM sentiasa membuat penyiasatan atas perkara-perkara seperti ini.
- (b) Kementerian ini memang ada cadangan untuk menaikkan harga lesen TV kerana bayaran yang dibuat sekarang adalah yang paling rendah di negara-negara yang mengenakan bayaran. Negara-negara lain yang tidak mengenakan lesen mendapatkan bayaran melalui cukai tambahan waktu satu-satu set TV itu dibeli.

Walaupun cadangan itu ada, ini hanya akan dilaksanakan jika keadaan ekonomi bertambah baik dan rakyat sudah dikira sanggup membayarnya.

- (c) Buat masa ini Kementerian belum lagi bercadang untuk melesenkan penggunaan video. Tetapi Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah dan sedang melesenkan pengusaha-pengusaha video yang menjalankan kegiatan menerbit, menyalin, mengimport, mengedar dan menjual video sejak 15-9-84 bila mana Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 serta pindaannya melalui Akta A589 dikuatkuasakan.

EKSPORT MINYAK KELAPA-SAWIT MALAYSIA

28. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil keseluruhannya usaha-usaha Kementeriannya meningkatkan kegunaan dan eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara berlainan daripada Amerika Syarikat memandangkan negara Amerika Syarikat sekarang berkempen "anti-minyak kelapa sawit"; sudahkah angka tahun 1986 dan 1987, dan anggaran tahun 1988, kegunaan dan eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat jatuh turun.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik: Selama ini, Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya iaitu PORIM dan PORLA serta sokongan sektor swasta, sentiasa berusaha untuk memperbagai serta meningkat kegunaan dan eksport minyak 'kelapasawit Malaysia. Dari segi kegunaan, dalam tahun 1975

Malaysia telah mula mengeksport minyak kelapa sawit yang diproses, di samping minyak kelapa sawit mentah. Aspek ini telah terus dimajukan sehingga pada masa ini lebih dari 90 peratus dari minyak kelapa sawit yang dieksport oleh Malaysia adalah dalam bentuk yang telah diproses. Jenis-jenis barangan minyak kelapa sawit yang diproses itu termasuklah minyak kelapa sawit RBD iaitu yang ditapis, dilunturkan dan dinyahbau. Olein mentah, olein RBD, stearin mentah, stearin RBD dan asid lemak sawit.

Mengenai usaha memperbagaikan dan meningkatkan eksport pula, minyak kelapa sawit Malaysia kini dieksport ke lebih dari 58 negara di setiap benua, yang termasuk negara-negara maju dan juga negara-negara membangun sebagai pasaran-pasaran yang terpenting. Langkah-langkah untuk meningkat eksport ini memang dilaksanakan sebagai usaha yang berterusan demi kepentingan perusahaan kelapa sawit negara dan bukan semata-mata sebagai reaksi kepada kempen anti minyak kelapa sawit. Hasilnya Malaysia telah berjaya mengeksport pengeluaran minyak kelapa sawit yang semakin bertambah sehingga mencapai 4.24 juta tan metrik, bernilai kira-kira \$3,368.5 juta dalam tahun 1987.

Eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Amerika Syarikat pada tahun 1987 ialah 182,181 tan metrik iaitu lebih rendah dari eksport dalam tahun 1986 yang tercatat sebanyak 304,833 tan metrik. Akan tetapi, eksport yang lebih rendah itu tidak wajar dianggap sebagai akibat dari kempen anti minyak kelapa sawit itu semata-mata. Jika dilihat dalam konteks jangkamasa yang lebih panjang, purata eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Amerika Syarikat di antara tahun 1980 hingga 1985 ialah 116,000 tan metrik setahun. Oleh itu angka eksport ke Amerika Syarikat pada tahun 1986 itu adalah

luar biasa mungkin disebabkan oleh keadaan harga purata minyak kelapa sawit mentah sebanyak \$578.50 setan metrik adalah yang paling rendah dalam jangkamasa 13 tahun. Oleh itu pencapaian eksport ke Amerika Syarikat sebanyak 182,181 tan metrik dalam tahun 1987 adalah melebihi purata tahunan di antara tahun 1980 hingga 1985. Namun demikian, Kementerian Perusahaan Utama tidaklah membiarkan kempen anti minyak kelapa sawit itu dijalankan begitu sahaja, bahkan mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasinya, oleh kerana publisiti yang tidak benar boleh menjejaskan pasaran minyak kelapa sawit di seluruh dunia.

GURU-GURU CINA— PENEMPATAN

29. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada isu guru-guru yang tidak memahami Bahasa Tionghua dihantar ke sekolah-sekolah Cina untuk memegang jawatan-jawatan tinggi diselesaikan. Jika tidak mengapa.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan guru-guru Cina yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Mandarin ke jawatan kenaikan pangkat di SRJK(C) telah pun diselesaikan.

PENGANGGURAN SISWAZAH

30. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan diambil oleh Kementerian Belia untuk membantu graduan-graduan yang menganggur untuk mendapatkan pekerjaan atau membuka perniagaan, ini memandangkan bilangan graduan-graduan yang menganggur di negara ini dijangka mencapai 60,000 orang pada akhir tahun ini.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Menyedari bahawa keadaan pengangguran di kalangan siswazah yang semakin serius di negara ini. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang konkrit dan positif untuk mengurangkan masalah tersebut. Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Kabinet Program Peluang Pekerjaan Siswazah telah ditubuhkan dan sehingga ini beberapa program telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Di bawah Program Skim Latihan Khas (SLK) yang bertujuan untuk melatih dan membimbing siswazah memulakan perniagaan, seramai 74 orang dari kumpulan pertama SLK telah memulakan perniagaan masing-masing. Pada masa program bagi kumpulan kedua SLK sedang dilaksanakan dan dijangka tamat pada bulan April dan Julai 1988 seramai 200 siswazah sedang dilatih untuk membantu mereka memulakan perniagaan sebagai pemungut cukai bertaualiah dengan kerjasama ITM, JPA dan Jabatan Cukai Pendapatan.
- (ii) Di samping itu usaha-usaha ke arah menggalakan penempatan siswazah di syarikat-syarikat Kerajaan dan swasta sedang giat dijalankan. Sebanyak 11 buah syarikat telah mengambil bahagian dan seramai 287 orang siswazah telah ditempatkan di syarikat tersebut. Skim ini dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat yang terlibat.
- (iii) Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah memulakan program untuk membolehkan siswazah melibatkan diri di sektor pertanian. Setakat ini

seramai 380 orang siswazah telah mendaftar diri untuk program tersebut dan dari jumlah ini seramai 118 orang telah memulakan projek masing-masing.

- (iv) Usaha juga sedang diambil untuk memudahkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri mendapatkan pengalaman bekerja di negeri-negeri mereka belajar.
- (v) Kerajaan telah melancarkan Skim Khidmat Sambilan (SKS) dalam tahun 1986 di mana seramai 4,000 orang siswazah telah ditempatkan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri. Dari jumlah ini seramai 1,178 orang siswazah telah meletakkan jawatan dari SKS dan adalah difahamkan mereka telah mendapatkan pekerjaan di sektor awam, swasta dan bekerja sendiri.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah perlu untuk mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Memandangkan perkembangan ekonomi negara yang semakin 'segar' sejak beberapa bulan kebelakangan ini, siswazah-siswazah perlu berusaha dengan gigih untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang akan diwujudkan.

PERNAS—PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERDAGANGAN

31. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan peranan Perbadanan Nasional (PERNAS) dalam membangunkan ekonomi Bumiputera dan nyatakan jumlah perniagaan yang melibatkan bumiputera dalam PERNAS hingga Disember 1987.

Tuan Kasitah bin Gaddam: PERNAS telah ditubuhkan pada tahun 1979 sebagai sebuah Agensi Amanah dan berperanan mewujudkan dan mempertingkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Strategi-strategi PERNAS bagi mencapai matlamat penubuhannya ialah melalui pemilikan harta korporat, melatih dan menambah bilangan kakitangan Bumiputera dalam bidang pengurusan dan profesional dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi faedah sampingan kepada syarikat/individu Bumiputera.

Pada tahun 1987, pelaburan Kumpulan PERNAS berjumlah \$1,390.7 juta dalam sektor bank dan kewangan, perhotelan dan hartanah, pembuatan, perladangan, perkapalan, perdagangan, pembinaan dan lain-lain. Daripada pelaburan yang telah dibuat itu, PERNAS sehingga tahun 1985, telah berjaya menyerahkan 11 buah syarikat kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) melibatkan 222.1 juta unit saham.

Bilangan gunatenaga Bumiputera dalam Kumpulan PERNAS ialah 5,689 orang atau 59.26% daripada jumlah gunatenaga keseluruhannya. Dalam kategori eksekutif pula, gunatenaga Bumiputera adalah seramai 1,244 orang (54.9%).

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti melalui anak-anak syarikatnya, PERNAS telah membantu perkembangan perniagaan Bumiputera seperti berikut:

- (u) Membekalkan bahan-bahan bekalan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera melalui Sekim Bekalan Bahan-bahan Binaan (SBBB) oleh PERNAS Trading. Sehingga kini, sebanyak 551 syarikat Bumiputera telah mendapat taedah di bawah sekim tersebut.

- (b) Memberikan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan runcit kepada peniaga Bumiputera. Sehingga kini, seramai 3,000 peruncit telah mendattar dengan PERNAS Edar Sdn. Bhd. untuk mendapatkan khidmat tersebut. PERNAS Edar juga telah membekalkan barang-barang kepada 3,300 peruncit di seluruh negara, serta membantu memasarkan barang-barang yang dikeluarkan oleh pengusaha Bumiputera. PERNAS Edar juga telah berjaya menubuhkan rangkaian kedai runcit di bawah sistem "Franchise" dengan jenama JIMAT berjumlah 240 buah.
- (c) Memberikan kontrak kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera dalam bidang pembinaan. Langkah ini memberi faedah kepada profesional Bumiputera yang lain seperti jurukur, jurutera, peguam, juruaudit serta juga pihak pembekal barang-barang dan perkhidmatan Bumiputera.

RIZAB LUAR NEGERI/ HUTANG NEGARA

32. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan dengan kenaikan kadar pertukaran di antara matawang Yen, Deutschmark dan Pound Sterling dengan ringgit Malaysia, dan bergabung dengan penurunan nilai matawang Dolar Amerika, apakah nilai semasa rizab luar negeri sejak pembentangan Belanjawan tahun 1988 di mana diumumkan bahawa rizab luar negeri adalah \$17 ribu juta ringgit. Bagaimanakah pula dengan nilai semasa hutang luar negeri kita di sektor awam, sektor swasta dan di kalangan perbadanan awam bukan kewangan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah nilai semasa rizab luar negeri Bank Negara sejak pembentangan Belanjawan tahun 1988 ialah \$19.5 ribu juta pada 31 Januari 1988. Jumlah hutang luar negeri dalam tahun 1987 ialah \$49.8 ribu juta. Daripada ini hutang luar negeri di sektor awam ialah \$43.5 ribu juta, di sektor swasta ialah \$6.3 ribu juta dan di kalangan perbadanan awam bukan kewangan ialah \$15.6 ribu juta dalam tahun 1987.

JAWATAN Pengerusi dalam AGensi Perbadanan Kerajaan

33. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan akan membentuk peraturan atau dasar di mana setiap individu tidak boleh memegang lebih dari satu jawatan Pengerusi dalam agensi-agensi Perbadanan atau syarikat-syarikat tajaan Kerajaan bagi tujuan setiap orang yang dilantik mempunyai masa yang cukup untuk menumpukan masa terhadap agensi, perbadanan atau syarikat yang dipimpinya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tidaklah wajar dihadkan penglibatan seseorang itu jika ia mempunyai kebolehan dan kewibawaan untuk memimpin dan menguruskan lebih daripada satu organisasi. Had penglibatan hanya ditetapkan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dalam Lembaga Pengarah Badan-badan Kerajaan dan pada masa ini Kerajaan tidak bercadang mengenakan peraturan ini kepada orang lain.

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN SIYIL—PENYELARASAN

34. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menjayakan

penyelarasan di antara undang-undang Islam dan Sivil. Bila agaknya ianya dapat disempurnakan pelaksanaannya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Sebuah Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Syarak dan Undang-undang Sivil telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- fa)* untuk mengenalpasti ciri-ciri persamaan, perbezaan dan pertentangan dalam peruntukan undang-undang sivil dan undang-undang syarak yang sedia ada.
- (b)* meneliti serta mencari jalan kemungkinan undang-undang sivil digabung dan dicantumkan untuk dijadikan satu undang-undang yang boleh diterima dengan cara yang harmonis.

Jawatankuasa ini akan memulakan tugasnya tidak berapa lama lagi. Memandangkan kepada begitu luas dan banyak undang-undang yang akan dikaji maka jawatankuasa ini akan mengambil masa yang lama untuk menyiapkan kajiannya. Oleh itu tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat bila pelaksanaan tugas itu selesai disempurnakan.

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG— TAHANAN ISA

35. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i)* jumlah bilangan kad pos (Postcard) yang telah terima pada 31-1-1988 yang merayu beliau membebaskan Ketua Pembangkang Y.B. Tuan Lim Kit Siang dan lain-lain orang tahanan yang ditahan bawah ISA sejak 27-10-1987 mengikut pecahan Negeri dalam Malaysia;

- (ii) jumlah bilangan ha) bantahan atau pertanyaan yang terima pada 31-1-1988 dengan secara telegram atau memorandum berkenaan dengan tahanan tersebut yang datang dari negara asing dan sebutkan nama setiap Pertubuhan atau negara itu;
- (iii) apakah sikap Kerajaan Barisan Nasional terhadap rayuan bantahan dan pertanyaan itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Sehingga 31-1-1988 sebanyak 18 keping kad pos (Post Card) diterima dari Negeri Sarawak dan sekeping lagi diterima dari negeri India.

Sehingga 31-1-1988 sebanyak 65 surat, telegram dan memorandum yang membuat bantahan atau pertanyaan telah diterima dari negara asing. Dari jumlah ini 38 adalah daripada pertubuhan dan 27 dari orang perseorangan.

Mengenai perkara yang ketiga, suka saya tegaskan adalah berdasarkan kepada kepentingan keselamatan negara dan bukan bantahan dari mana-mana pihak. Orang-orang yang ditahan itu adalah atas tujuan untuk mencegah mereka daripada menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara dan mereka akan dibebaskan apabila mereka tidak lagi memudaratkan keselamatan negara.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987) 1988

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi

perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PESAKA HARTA PESAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 (ACT 98) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil 1955; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah • dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan bolehlah dilalui dan jangan ada apa-

apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis yang tersebut itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tidak ada Ahli yang hendak membahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.40ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua. saya

Ahli daripada kawasan Kota Setar mohon mencadangkan satu usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini kelmarin telah menumpukan berbagai aspek penting dalam kehidupan rakyat jelata di negara ini. Titah Ucapan tersebut memang kena pada tempatnya, lebih-lebih lagi dalam isu perpaduan rakyat di seluruh negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia sekarang ini, faktor perpaduan menjadi teras kestabilan. Usaha-usaha untuk menjalin pertalian dan persefahaman di antara berbagai bangsa dan kaum haruslah dipergiatkan lagi supaya setiap rakyat akan menganggap diri mereka sebagai warganegara yang taat setia kepada negara. Kita perlu mengambil contoh daripada beberapa negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang telah pun berjaya menumpukan semangat kesetiaan kepada negara masing-masing walaupun mereka ini terdiri dari berbilang bangsa dan agama.

Mungkin proses menjalin perpaduan berbeza antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Namun begitu matlamatnya sama sahaja iaitu mendirikan satu bangsa yang menyanjung tinggi nilai-nilai negara.

Dalam hal yang sama penghargaan harus diberi terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Penerangan untuk memupuk perasaan setia kepada rakyat, negara, Raja dan pemimpin. Dengan adanya program-program seperti mi semangat setia dan cinta kepada negara dapat diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat menstabilkan suasana politik negara walaupun ianya telah cuba diganggu gugat oleh beberapa pihak yang tidak cintakan keamanan. Pihak ini termasuklah musuh-musuh negara seperti anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang sentiasa mengancam keselamatan orang ramai. Walaupun perjuangan bersenjata mereka telah pun dipatahkan pada tahun 1960 yang lalu, pihak PKM tidak berputus asa mengambil kesempatan menanggung di air keruh bagi kepentingannya sendiri. Kalau dahulunya perjuangan PKM lebih berbentuk peperangan guerilla, sekarang ini mereka telah mengubahsuai taktik dengan cara usaha-usaha memecah-belah rakyat melalui kader-kader mereka dan juga orang-orang yang bersimpati dengan ideologi komunis.

Semua pihak seharusnya berhati-hati dalam segala perbuatan dan tindakan yang boleh memberi kesempatan kepada musuh negara menimbulkan suasana untuk mengancam perpaduan dan keselamatan negara. Sekiranya perpaduan rakyat terancam, yang rugi hanyalah rakyat yang cintakan keamanan dan yang untung ialah musuh-musuh negara.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu ekonomi, saya bersyukur ke hadrat Allah Suhhanahu wataala oleh kerana ada petanda-petanda yang menunjukkan bahawa keadaan pertumbuhan ekonomi negara ini telah mula beransur pulih dari keadaan resesi yang melanda sejak beberapa tahun yang lalu. Kenaikan harga serta peningkatan permintaan komoditi utama negara ini seperti petroleum, getah dan kelapa sawit telah bukan sahaja memperbaiki keadaan ekonomi tetapi juga memberi harapan yang lebih optimis untuk tahun ini dan tahun-tahun seterusnya.

Keadaan ini telah sedikit sebanyak mempengaruhi golongan swasta untuk bergiat dengan lebih cergas bukan sahaja dalam sektor-sektor pengeluaran tradisional tetapi juga dalam sektor-sektor baru terutama dalam bidang industri-industri yang berorientasi eksport. Lebih-lebih lagi dengan peningkatan permintaan luar negeri terhadap barang-barang buatan Mataysia di akhir-akhir ini.

Memandangkan keadaan yang menggalakkan, saya sangatlah berharap supaya pihak Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha bukan sahaja menambah pengeluaran dan eksport barangan Malaysia tetapi juga untuk mewujudkan iklim yang lebih menarik terhadap pelabur-pelabur asing yang berminat membuka perindustrian mereka di negara ini. Peraturan-peraturan perdagangan dan perindustrian serta syarat-syarat lain seperti imigresen, kewangan dan sebagainya seharusnya diselaraskan untuk memudahkan pelabur-pelabur menguruskan perniagaan mereka. Saya rasa tidak wajar sekiranya pelabur-pelabur asing dikenakan berbagai peraturan dan syarat yang bukan sahaja menyusahkan mereka tetapi juga menyusahkan negara ini menarik pelaburan. Sebaik-baiknya peraturan-peraturan hendaklah dikemaskinikan untuk kepentingan semua pihak.

Cadangan Kerajaan untuk menyelaraskan segala peraturan dengan mewujudkan Pusat Bayaran Setempat atau "One-Stop Agency" untuk pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga adalah usaha yang boleh dialu-alukan. Namun begitu pelaksanaan hendaklah dipercepatkan dan diawasi supaya sejajar dengan matlamat Kerajaan. Tidak ada faedahnya jika sesuatu dasar yang dibuat oleh Kerajaan di peringkat atasan jika ia tidak dilaksanakan dengan betul di peringkat bawahan. Di antara masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga ialah sikap beberapa pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak begitu minat mematuhi perubahan dari segi peraturan dan sebagainya. Kadang-kadang sikap daripada setengah-setengah mereka ini membosankan pihak pelabur-pelabur dan merugikan pertumbuhan ekonomi negara. Mungkin lebih wajar sekiranya pihak Kerajaan mengkaji semula sikap negatif di antara beberapa golongan yang seperti ini dan mengambail langkah-langkah yang perlu untuk memperbaikinya. Kalau tidak, mungkin negara ini akan kehilangan pelabur di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menarik pelaburan asing ke negara ini, usaha-usaha hendaklah juga diambil untuk meluaskan pasaran antarabangsa bagi barangan buatan Malaysia. Pihak Kerajaan melalui wakil-wakil atau agensi-agensinya di luar negeri hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif bagi memperkenalkan pengeluaran negara ini. Pegawai-pegawai yang bertugas dengan MIDA dan Suruhanjaya Perdagangan di New York, London, Paris dan sebagainya hendaklah sentiasa berusaha bukan sahaja menguruskan hubungan dagangan yang biasa seperti mengadakan pertalian baik dengan pembeli-pembeli getah atau kelapa sawit tetapi sebaliknya hendaklah juga berusaha

menembusi pasaran antarabangsa untuk barangan eksport lain dari Malaysia seperti tekstil, bahan-bahan elektronik, buah-buahan yang diproses dan sebagainya. Kalau dibanding dengan usaha-usaha negara jiran, umpamanya Thailand, didapati bahawa wakil-wakil negara tersebut cukup aktif mencari pasaran untuk pengeluaran industri mereka. Eksport dari negara tersebut bukan sahaja mendapat sambutan di rantau ASEAN tetapi juga di Amerika Syarikat, Eropah dan juga negara-negara Arab. Kalau mereka boleh mencapai kejayaan, saya tidak nampak bagaimana kita boleh gagal kalau sekiranya pihak kita berusaha dengan lebih gigih.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara hendaklah juga diberi tumpuan yang sewajarnya. Pengwujudan satu Kementerian yang bertanggungjawab dalam semua hal pelancongan adalah satu perkembangan ke arah yang amat positif. Walaupun Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan baru sahaja ditubuhkan, ia mempunyai peranan penting untuk memperkenalkan negara ini di luar negeri dan menarik pelancong-pelancong ke Malaysia.

Walaupun industri pelancongan di negara ini masih dalam peringkat permulaan, beberapa faktor menunjukkan bahawa ia mempunyai potensi. Pantai-pantai yang indah serta hutan-hutan lipur yang menarik boleh memikat pelancong. Yang diperlukan ialah usaha untuk mempertingkatkan imej Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang setanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Kalau Indonesia mempunyai Bali sebagai satu daripada daya penarik, maka mungkin Batu Caves di Kuala Lumpur juga boleh menjadi penarikan pelancong ke Malaysia. Jika Chiangmai menjadi

kebanggaan Thailand sebagai tempat peranginan. Malaysia juga tidak kurang dengan tempat-tempat peranginan seperti Genting Highlands, Cameron Highlands, Fraser's Hill dan Langkawi. Begitu juga tempat-tempat lain seperti Rantau Abang dengan penyunya. Kelantan dengan kebudayaannya, Sarawak dengan sejarah dan guanya, Sabah dengan gunung Kinabalu dan tarian Semazaunya. Malahan setiap negeri di Malaysia ini mempunyai keistimewaan-keistimewaan tersendiri yang boleh menarik pelancongan. Yang perlu ialah bagaimana segala-gala yang ada dapat diselaraskan supaya menjadi tumpuan pelancong setiap masa.

Sehubungan dengan itu juga sebagai tuan rumah, pihak rakyat Malaysia harus bersikap positif dalam menyambut pelancong-pelancong dari luar negeri. Mungkin pandangan seseorang pelancong itu terhadap Malaysia dipengaruhi dengan pertemuan pertamanya dengan pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam di Lapanganterbang Subang. Sekiranya dalam pertemuan ini pegawai-pegawai berkenaan mengambil sikap yang negatif terhadap mereka, maka ini akan merugikan industri pelancongan. Di sebaliknya, jika pegawai-pegawai di Lapanganterbang bersopan-santun, maka satu gambaran yang baik terhadap negara ini akan menjadi ingatan manis para pelancong. Oleh itu adalah wajar pihak yang sentiasa berhadapan dengan pelancongan diberi taklimat dan kursus supaya bersikap positif setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Pelan Induk Perindustrian Negara. Pertama, saya mengalu-alukan Pelan tersebut sebagai satu usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan industri di negara ini. Saya menyokong hasrat ini dengan sepenuhnya. sebab saya percaya dengan wujud-

nya perindustrian yang kukuh di negara ini, tahap kemajuan ekonomi secara keseluruhan akan berkembang dengan lebih pesat. Yang saya kesalkan sedikit ialah di dalam Pelan Induk itu, beberapa negeri yang ekonomi mereka selama ini bergantung kepada pertanian semata-mata telah tidak dimasukkan ke dalamnya. Ini bermakna negeri-negeri seperti Perlis, Kedah dan Kelantan akan ketinggalan dari segi pembangunan sektor industri. Sebaliknya negeri-negeri tersebut dikhususkan untuk ekonomi pertanian.

Walaupun sektor pertanian tidak kurang pentingnya dari segi keperluan negara, ini tidak bermakna bahawa negeri-negeri seperti Perlis, Kedah dan Kelantan harus disisih dari aktiviti ekonomi perindustrian. Sebaliknya, negeri-negeri tersebut juga diberi kesempatan dan kemudahan untuk mewujudkan beberapa kawasan industri. Ini ialah untuk menampung punca pendapatan penduduk di negeri-negeri tersebut yang sebahagian besarnya bergantung kepada perolehan pertanian yang tidak lumayan. Di samping itu terlalu ramai golongan muda yang terpaksa berhijrah daripada kawasan pertanian seperti Perlis, Kedah dan Kelantan ke tempat-tempat lain untuk bekerja di kawasan perindustrian seperti di Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Ini bukan sahaja menyebabkan kekurangan penduduk di negeri-negeri yang bergantung kepada pertanian, tetapi juga akan menimbulkan masalah sosial secara keseluruhannya. Dari segi ekonomi pula, mana-mana negeri yang semata-mata bergantung kepada hasil pertanian terutamanya penanaman padi akan sentiasa menghadapi kemiskinan oleh kerana beberapa faktor termasuk pengeluaran yang tidak ekonomik. Malahan tanpa subsidi kepada penanam-penanam padi, pendapatan mereka tidak akan mencukupi. Oleh itu, nyatalah bahawa di samping penanaman padi di negeri-

negeri seperti Perlis, Kedah dan Kelantan. perindustrian harus juga diwujudkan. Ini bukan sahaja akan memperimbangan ekonomi pertanian dengan perindustrian tetapi juga akan menyelamatkan negeri-negeri tersebut daripada kemiskinan yang berpanjangan.

Mungkin satu jalan yang wajar ialah untuk membenarkan kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang terkeluar daripada Pelan Induk Perindustrian, menjadi kawasan industri ringan. ini bermakna kawasan-kawasan di negeri Perlis, Kedah dan Kelantan diperuntukan sebagai kawasan industri yang mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan oleh industri berat. Ataupun kawasan-kawasan industri ringan ini boleh membuat barangan keperluan harian untuk kegunaan domestik dan eksport. Dengan kata lain, biarlah negeri-negeri yang pada masa kini hanya bergantung kepada pertanian mempelbagaikan ekonomi mereka untuk menambah pendapatan di samping menjadi bahan industri sokongan kepada industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pembangunan ekonomi, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan pembangunan masyarakat luar bandar dari segi kesihatan.

Suatu daripada faktor yang menyebabkan kemunduran masyarakat kampung ialah kekurangan makanan berzat atau dengan izin, malnutrition. Hakikat ini telah menyebabkan ramai kanak-kanak di luar bandar tidak begitu berjaya dalam pelajaran mereka di sekolah. Kekurangan ini juga telah mendedahkan mereka kepada berbagai penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan. Memandangkan hal yang demikian, usaha-usaha hendaklah dijalankan untuk mengatasi masalah kekurangan makanan berzat ini secepat mungkin. Mungkin satu daripada caranya ialah dengan menggerakkan jentera

Kerajaan supaya menjelajah ke kampung-kampung untuk memberi maklumat berkenaan keperluan zat-zat dalam sajian harian dan juga jika perlu membekalkan susu, sayur-sayuran dan lain-lain kepada golongan yang termiskin. Hanya dengan makanan yang sempurna boleh menjamin kewujudan masyarakat luar bandar yang sihat dan berkeupayaan untuk maju.

.Saya juga difahamkan bahawa masih banyak lagi kampung-kampung di kawasan-kawasan yang mundur seperti di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang yang tidak mendapat bekalan air paip. Ini telah menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk di kampung-kampung berkenaan. Walaupun pihak Kerajaan telah melancarkan projek bekalan air melalui syarikat swasta sejak tahun lalu, nampaknya projek ini hanya bertanggungjawab untuk membekal paip besar di kawasan-kawasan yang terhad sahaja. Syarikat swasta berkenaan tidak bertanggungjawab untuk memasang paip air ke rumah-rumah penduduk yang memerlukannya. Kerja ini hanya dibuat oleh kontraktor-kontraktor kecil yang diluluskan oleh Jabatan Bekalan Air. Hal yang demikian hanya menyusahkan penduduk-penduduk kampung yang terpaksa membayar harga untuk menyambungkan paip besar kepada paip biasa ke rumah mereka untuk mendapat bekalan air. Perkara ini bukan sahaja memerlukan perbelanjaan tetapi juga melambatkan bekalan air ke rumah-rumah di kampung. Kelambatan ini harus diatasi dengan seberapa segera. Mungkin satu daripada caranya ialah untuk membenarkan pihak Jabatan Kesihatan bertanggungjawab untuk menyambung pembekalan air paip bagi penduduk-penduduk kampung. Sekurang-kurangnya ini akan dapat menjamin kesihatan masyarakat luar bandar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas usaha-usahanya untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia di seluruh negara. Sebenarnya pihak Kerajaan telah berjaya meyakinkan hampir semua lapisan masyarakat di negara ini tentang pentingnya Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa yang menjalinkan perpaduan rakyat.

Tetapi yang masih kurang yakin terhadap penggunaan Bahasa Malaysia sehingga hari ini ialah pihak Judisiari. Walaupun negara ini telah merdeka sejak tahun 1957 masih ramai para hakim dan peguam yang terkongkong dengan pendapat penjajah yang kononnya bahasa Inggeris sahaja yang sesuai sebagai bahasa undang-undang. Hal ini sangatlah dikesali oleh kerana pihak yang berpendapat demikian adalah terdiri dari golongan rakyat negara ini sendiri yang boleh di panggil sebagai cerdik pandai.

Saya tidak faham bagaimana beberapa para hakim atau peguam mempunyai pendapat yang ketinggalan zaman. Tidakkah mereka sedar bahawa negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri dalam semua hal termasuk undang-undang? Ataupun adakah mereka menyangka bahawa undang-undang di negeri Jepun itu juga ditulis dalam bahasa Inggeris? Bukanlah di negara-negara Eropah Barat seperti Jerman, Itali, Sepanyol dan Perancis menggunakan bahasa mereka sendiri dalam semua hal undang-undang sejak beribu tahun?

Penggunaan bahasa Inggeris di dalam mahkamah di Malaysia ini memberi gambaran seolah-olah semua

yang terlibat di dalam kes perbicaraan adalah terdiri daripada orang Inggeris belaka. Pada hal jarang-jarang sekali orang Inggeris terlibat dalam kes-kes jenayah di negara ini. Yang selalunya didakwa dan disabitkan kesatahan jenayah ialah orang-orang tempatan yang kebanyakannya tidak faham bahasa Inggeris. Oleh yang demikian tidak ada alasan yang kukuh bagi pihak Judisiari untuk memper-tahankan penggunaan bahasa penjajah di dalam urusan undang-undang. Dibalikannya, pihak mahkamah sepatutnya telah beralih daripada penggunaan bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia.

Kelambatan melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah akan hanya menimbulkan tandatanya orang ramai tentang alasan sebenar. Padahal undang-undang yang digubal di dalam Parlimen di negara ini adalah dalam Bahasa Malaysia. Tidak ada sebabnya mengapa pihak yang bertanggungjawab membuat interpretasi undang-undang perlu menterjemahkan dahulu ke bahasa Inggeris sebelum memahaminya. Di samping itu hampir ke semua undang-undang yang dahulunya ditulis dalam bahasa Inggeris telah pun diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Oleh itu alasan tidak boleh menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan undang-undang sangatlah dikesali.

Saya rasa alasan sebenarnya ialah keengganan di kalangan beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam hal undang-undang untuk mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia. Sekiranya mereka mengambil sikap yang lebih positif, soal penggunaan Bahasa Malaysia di dalam semua urusan undang-undang sudah lama dilaksanakan.

Oleh itu saya mencadangkan supaya perkara ini tidak dibiarkan berterusan. Langkah-langkah mesti diambil dengan seberapa segera untuk

melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia oleh pihak Judisiari. Kegagalan penggunaan Bahasa Malaysia oleh mereka hanya menunjukkan kelemahan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan keselamatan kita kerana dapat menjaga keamanan dan kedaulatan negara sejak kemerdekaan hinggalah sekarang. Dedikasi dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh anggota-anggota pasukan keselamatan kita yang terdiri daripada Angkatan Tentera dan Polis sangatlah disanjung tinggi oleh rakyat jelata. Saya berharap mereka akan terus berwaspada terhadap segala ancaman daripada musuh, baik dari dalam negeri ataupun dari luar.

Memandangkan tanggungjawab anggota pasukan keselamatan dan pertahanan kita makin bertambah dari masa ke semasa, maka sewajarnya mereka ini diberi latihan dan kelengkapan yang mencukupi. Kalau dahulunya anggota tentera kita hanya memerlukan senjata ringan seperti raifel dan mesin-gan sahaja untuk menghadapi musuh, maka masa kini mereka sepatutnya mempunyai kelengkapan yang setimpal dengan ancaman dari dalam negeri dan luar. Kelengkapan ini mestilah setanding dengan konsep perang guerilla dan konvensional. Saya percaya anggota tentera kita cukup terlatih dalam perang guerilla memandangkan kejayaan mereka menentang ancaman penganas-penganas komunis di hutan. Tetapi dari segi perang konvensional anggota-anggota tentera kita harus mendapat latihan dan pengalaman yang lebih luas. Dalam hal ini latihan-latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti payung terjun dan kelengkapan moden termasuk kereta perisai untuk Pasukan Infanteri Tentera Darat hendaklah dipertingkatkan. Tentera Udara kita pula harus mempunyai

peluru-peluru berpandu untuk menangkis serangan-serangan udara sekiranya berlaku peperangan dengan musuh dari luar. Begitu juga Tentera Laut yang seharusnya berkemampuan mempertahankan kawasan perairan negara jika diancam oleh musuh.

Tanggungjawab untuk mempertahankan negara sememangnya berat. Oleh itu persediaan melalui latihan dan alat-alat kelengkapan adalah perlu pada setiap masa. Di samping itu, pihak Angkatan Tentera perlu juga menyediakan pasukan simpanan yang mencukupi untuk membantu pasukan-pasukan tentera biasa sewaktu menghadapi ancaman besar. Pasukan-pasukan simpanan ini boleh diberi latihan sambilan di dalam masa aman dan boleh dimobilisasikan dengan sepantas-pantasnya apabila diperlukan. Kita harus mencontohi beberapa negara asing yang mempunyai kemampuan ketenteraan yang tinggi bukan atas bilangan anggota tentera biasanya tetapi melalui anggota tentera simpanannya. Kita juga tidak memerlukan anggota tentera yang tertalu banyak sewaktu aman. Tetapi yang kita perlukan ialah tahap profesionalisme di kalangan pasukan tentera biasa yang akan dibantu oleh pasukan simpanan yang lebih besar apabila ancaman berlaku terhadap kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pertahanan negara, kita sedia maklum bahawa beberapa kawasan perairan kebangsaan kita. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebab tak cukup kourum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Ygandran): Tuan Setiausaha, sila bilang—21. Bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-aMi dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup kuorum Ahli Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pertahanan negara, kita sedia maklum bahawa beberapa kawasan perairan kebangsaan kita telah seringkali dipertikaikan oleh negara-negara jiran. Ini termasuk beberapa terumbu di Lautan China Selatan kepunyaan kita tetapi juga dituntut oleh negara asing. Antarannya ialah Terumbu Laksamana dan Terumbu Layang-Layang. Dahulunya tuntutan terhadap terumbu-terumbu tersebut tidak begitu ketara. Tetapi semenjak akhir-akhir ini, terutama apabila kawasan perairan di sekelilingnya didapati mempunyai telaga minyak dan lain-lain sumber kekayaan laut, terumbu-terumbu tersebut telah menjadi rebutan. Kita sangat berharap bahawa tuntutan negara-negara jiran tidak akan mencetuskan satu keadaan yang tidak diingini. Oleh itu kita sangatlah mengharapkan supaya Tentera Laut kita sentiasa mengawasi perairan negara dan jika perlu mengambil langkah-langkah supaya pihak tentera laut negara jirani tidak menduduki terumbu-terumbu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai warganegara Malaysia saya turut merasa bangga di atas perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah. Sememangnya usaha-usaha membenters penyalahgunaan dadah oleh negara kita menjadi contoh kepada masyarakat antarabangsa. Kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus memerangi dadah

sama ada di peringkat menangkap dan mendakwa pengedar mahupun memulih golongan yang menjadi mangsa.

Saya rasa pihak Kerajaan tidak akan berhenti dalam usaha-usaha membenters musuh masyarakat yang telah meragut begitu banyak nyawa manusia. Saya juga menggesa Kerajaan supaya memperketatkan lagi undang-undang supaya pihak yang mengaut keuntungan besar daripada pengedaran dadah akan tidak dapat menyelamat sama ada nyawa mereka daripada hukuman mati ataupun harta yang diperolehi daripada pengedaran. Jika perlu Dewan yang mulia ini boleh dijadikan tempat untuk mempercepatkan kelulusan pindaan undang-undang bagi memerangi pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membuat lawatan ke Thailand dan Burma pada penghujung bulan Februari yang lalu. Lawatan itu sesungguhnya telah mempererat lagi hubungan Malaysia dengan jiran-jiran serantau. Lawatan itu juga menunjukkan keutamaan dasar luar kita terhadap negara-negara jiran, lebih-lebih lagi yang menjadi anggota ASEAN.

Sebenarnya hubungan di antara anggota-anggota ASEAN harus dipereratkan setiap masa untuk menjalinkan persefahaman dan kerjasama yang padu. Banyak masalah dengan negara-negara jiran telah dapat diselesaikan melalui pertubuhan tersebut. Ancaman komunis di sempadan Malaysia/Thailand serta Malaysia/Indonesia umpamanya telah dapat dikawal. Begitu juga masalah-masalah penyeludupan dan kegiatan lanun di perairan Laut China Selatan. ASEAN juga menjadi asas untuk memupuk kerjasama dalam bidang ekonomi serantau. Walaupun kemajuan mengambil masa yang agak panjang dalam hal ini, tidak dapat

dinafikan bahawa langkah-langkah yang positif telah pun dibuat bagi mencapai matlamat bersama.

Namun begitu negara ini masih mempunyai isu-isu yang masih memerlukan penyelesaian yang sewajarnya dengan negara jiran. Antara masalah ini ialah tuntutan Filipina ke atas Sabah. Walaupun pihak Presiden Filipina telah berusaha untuk mencari penyelesaian dalam isu ini, namun begitu ada beberapa halangan yang menyebabkan kebuntuan.

Mungkin juga tiba masanya bagi Malaysia membangkitkan isu ini dengan Kerajaan Filipina untuk penyelesaian. Inisiatif baru harus diterokai oleh pihak Kementerian Luar Negeri supaya mendapat persetujuan kesemua pihak yang terlibat. Kalau tidak ianya akan berpanjangan tanpa penyelesaian dan akan menjadi duri dalam daging di dalam hubungan Malaysia/Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai anggota ASEAN hendaklah juga mencari jalan untuk mengatasi masalah Kampuchea yang sekarang diduduki oleh tentera-tentera Vietnam. Penyelesaian menyeluruh harus dicapai yakni yang boleh diterima oleh semua pihak terutama rakyat Kampuchea sendiri. Tentera-tentera Vietnam hendaklah digesa berundur daripada Kampuchea sebagai langkah utama di dalam usaha penyelesaian. Selagi isu Kampuchea berpanjangan, maka selama itulah wujudnya ancaman terhadap kestabilan negara-negara jiran khususnya Thailand.

Pelarian-pelarian dari ketiga-tiga negara Indochina juga telah merumitkan negara-negara ASEAN. Walaupun perang di Vietnam sudah lama tamat, pelarian-pelarian ataupun pendatang-pendatang haram dari Vietnam masih mendarat di pantai-pantai negara jiran termasuk Malaysia. Begitu juga pelarian-

pelarian dari Kampuchea dan Laos yang makin bertambah di kawasan sempadan Thailand/Laos dan Thailand/Kampuchea. Keadaan ini sangat merumitkan dan penyelesaian sedang ditunggu. Mungkin inisiatif-inisiatif baru perlu dibuat. Ini termasuk usaha mendapat jasa baik pihak kuasa-kuasa besar seperti Soviet Union untuk mempengaruhi Vietnam yang begitu angkuh dengan penduduknya di Kampuchea.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum atas kekejaman pihak rejim Tel Aviv terhadap rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat Sungai Jordan. Seluruh dunia mengutuk sekeras-kerasnya atas kezaliman tentera-tentera Israel terhadap orang awam Palestin. Tetapi sikap rejim Zionis itu tidak berganjak dari tindakan-tindakan kejarannya terhadap kebangkitan rakyat Palestin. Malahan ia meneruskan pencabulan terhadap rakyat yang dijajah olehnya. Keangkuhan rejim Zionis ini tidak ada perbandingannya. Ia terus mencabuli hak-hak asasi rakyat Palestin sejak tahun 1967 dengan sewenang-wenangnya membunuh pihak yang menentanginya. Keadaan ini berleluasa oleh kerana rejim Tel Aviv sentiasa yakin bahawa ianya mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat. Tanpa sokongan daripada Amerika Syarikat rejim Tel Aviv tidak akan berkeupayaan untuk meneruskan penaklukan Gaza dan Tebing Barat.

Memandangkan hal demikian Malaysia harus mengutuk sekeras-kerasnya rejim Tel Aviv atas kekejamannya terhadap orang-orang Palestin. Malaysia juga mesti menggesa Israel melalui masyarakat antarabangsa supaya rakyat Palestin dibenarkan pulang ke tanahair mereka dan kebebasan menentukan masa depan mereka seperti yang ditetapkan oleh Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia hendaklah menggesa Amerika Syarikat supaya mengawali

tindakan-tindakan liar yang diambil oleh rejim Tel Aviv terhadap rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri yang telah menganjurkan derma Tabung Rakyat Palestin berikutan dengan penderitaan rakyat Palestin akibat tindakan kejam rejim Tel Aviv. Usaha tersebut jelas menunjukkan simpati rakyat Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin untuk menuntut hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai negara Islam dan yang menentang penjajahan kuasa asing harus mengikuti dengan teliti perkembangan semasa di Afghanistan. Nampaknya di akhir-akhir ini tentera Soviet Union yang menduduki Afghanistan akan berundur dari negara tersebut. Sekiranya ini berlaku, maka rakyat Afghanistan terutamanya pihak Mujahidin akan bebas daripada cengkaman tentera Soviet Union yang menyokong pemerintahan boneka Jeneral Najibullah di Kabul. Tetapi rancangan pengunduran tentera-tentera Soviet Union dari Afghanistan boleh mencetuskan satu pertumpahan darah yang dahsyat di negara tersebut sekiranya satu Kerajaan sementara tidak ditubuhkan untuk mengisi kekosongan.

Cadangan-cadangan daripada negara seperti Pakistan hendaklah disokong dalam soal ini di mana pihak Soviet Union digesa berunding dengan beberapa pihak bagi menubuhkan kerajaan sementara di Afghanistan. Sekiranya pihak Soviet Union berundur tanpa menyediakan penyerahan kuasa yang teratur kepada pihak tertentu, maka yang akan menerima akibat buruk adalah orang-orang Afghanistan sendiri. Yang menjadi boneka dan alat Soviet Union selama ini akan terselamat oleh kerana dibawa keluar semasa tentera Soviet Union

berundur. Oleh itu pihak Kementerian Luar Negeri haruslah mengkaji kemungkinan ini dan berusaha untuk menggunakan jasa baik pihak-pihak yang berkenaan supaya Afghanistan tidak akan menjadi huru-hara sepeninggalan tentera Soviet.

Tuan Yang di-Pertua, Saya juga ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri menunjukkan solidaritinya dengan penentang-penentang dasar Apartheid di Afrika Selatan. Nampaknya rejim Pretoria meneruskan pemerintahan kuku besinya terhadap golongan kulit hitam. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan terakhir di mana setiap perbuatan golongan penentang dasar tersebut disifatkan sebagai jenayah. Orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan perlu sokongan moral daripada seluruh dunia untuk menentang penindasan pemerintahan rejim Pretoria terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara boleh dibangkitkan dalam membawa Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi saya rasa sudah mencukupi dalam huraian saya yang agak ringkas ini. Saya percaya rakan-rakan seperjuangan di Dewan yang mulia ini akan membawa hujah-hujah mereka masing-masing dalam beberapa isu. Oleh yang demikian, dengan segala hormatnya saya mohon mencadangkan.

4.20 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon menyokong dan mengucapkan jutaan terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada pagi semalam.

Saya juga bangun bagi mewakili penduduk kawasan Larut yang saya wakili menyokong Titah Ucapan Baginda yang begitu padat dan realistik pada saat kita menghadapi berbagai-bagai cabaran sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda dengan bijaksana menyentuh serba aspek kehidupan rakyat jelata menunjukkan bahawa Baginda yang kita kasihi sebagai seorang Raja yang berdaulat sungguh-sungguh mengambil berat mengenai kehidupan rakyat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Baginda. Baginda adalah payung dan penawar kepada kita semua di mana kita dapat berfeduh dan memohon segala-galanya bukan untuk kepentingan peribadi, bahkan untuk kepentingan rakyat jelata yang terdiri daripada semua kaum yang mana ingin hidup aman-damai di dalam negara yang kita cintai sebelum dan setelah kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Baginda dalam Titahnya ialah di mana negara kita telah berjaya hidup dengan aman damai melalui sistem demokrasi berparlimen iaitu Kerajaan rakyat, untuk rakyat oleh rakyat. Dalam bahasa Inggerisnya—the government of the people, for the people, by the people.

Justeru itu Baginda menyeru supaya rakyat jelata mempunyai semangat bekerjasama yang teguh, bersatu di bawah pemerintahan Baginda menjauhkan diri daripada kepentingan-kepentingan peribadi yang mana Baginda percaya kita dapat juga hormat menghormati di antara satu dengan lain dalam semua hal.

Dengan yang demikian, kita dapat mengukuhkan kedaulatan negara serta memperjuangkan dan mempertahankan kemerdekaan serta membawa kemajuan bagi membangunkan negara dan memper-

tingkatkan lagi taraf hidup rakyat jelata, bukan hanya yang tinggal di bandar-bandar sahaja, bahkan di luar bandar juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya perkara ini dapat diteruskan dan dikekalkan buat selama-lamanya kalau kita benar-benar bersatu dengan hati, lidah dan perbuatan. Sama ada kita di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan. Kerana pepatah Arab yang berbunyi "Laghul bata illa biquwatin, walla quwata illa bittihaad", yang bermaksud "tidak ada kemenangan kalau tidak ada kekuatan dan tidak ada kekuatan kalau tidak bersatupadunya kita".

Justeru itu marilah kita semua kaum yang berbilang agama dan bangsa memegang terus kepada prinsip-prinsip mengekalkan toleransi, bertimbang-rasa serta hormat menghormati di antara satu dengan yang lain bagi mendukung sistem demokrasi yang mana sesuai dalam pemerintahan di negara ini, beraja, berdaulat, berparlimen dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda terang-terang menyebut bahawa sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kesetabilan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini akan musnah. Baginda juga menyeru di dalam Titahnya supaya tiap-tiap rakyat bertanggungjawab sama ada suratkhbar-suratkhbar, parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan jangan sewenang-wenangnya mementingkan sesuatu puak atau golongan sahaja kerana perkara ini akan dirasai oleh puak-puak yang lain, justeru itu akan membawa kita kepada perpecahan dan untuk menghindarkan perkara yang dipecahkan itu yang dibina selama ini amatlah sukar.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam keadaan segera menghadapi cabaran ini ada orang-orang yang

selfish dengan izin, untuk mengkhianat dan sentiasa menentang kepentingan negara dan menghalang kemajuan agama, bangsa dan membawa isu-isu yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda adalah sesuai dan tepat pada masanya yang mana setengah-setengah rakyat, setengah-setengah parti politik, setengah-setengah pertubuhan memang dengan sengajanya mengemukakan tidak puas hati kerana mereka ini dipengaruhi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Pada hal pada tiap-tiap pilihanraya mereka diberi peluang untuk memiliki corak pemerintahan cara demokrasi dan saya kira pilihan yang dibuat oleh rakyat adalah muktamad atau absolute, dengan izin. Bukan suara-suara curang yang didengar dari badan-badan yang kononnya mempunyai ahli-ahli yang banyak ataupun sedikit. Suratkhahar-suratkhabar yang menyiarkan sesuka hati tanpa kira nilai moral, akhlak dan tidak bertanggungjawab di atas lunas-lunas hidup dan wadah persepsi demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyatu-padukan rakyat saya yakin memang banyak lautan yang perlu direnangi, banyak duri yang akan dirintangi, banyak batu-batu penghalang yang mana sentiasa bekerja keras, dengan izin, selfishly and endlessly, menentang perpaduan ini. Dalam hal yang demikian, Kerajaan perlu mempertingkatkan lagi dan memperketatkan undang-undang dan sekatan bagi membasmi anasir-anasir jahat yang sentiasa mengacau keamanan dan ketenteraman yang mana kita sama-sama menghargai dan cintai selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengetatkan undang-undang, Kerajaan tidak perlu mengambil langkah-langkah yang secara mutlak berhubung dengan pembentukan

undang-undang. Umpamanya, berhubung dengan perkara natural justice, freedom of speech, freedom of assembly yang mana tersemat di dalam undang-undang Inggeris. Tetapi kita mesti ingat latar belakang yang berlainan iaitu negara Malaysia bukanlah negara England, dengan izin, what is natural in England is not natural in Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri juga mesti mengadakan program-program yang efektif, program-program yang menyeluruh tanpa mengasingkan sesuatu kaum di dalam usahanya membawa keamanan dan perpaduan di antara kaum. Saya yakin masih banyak program-program dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Jabatan tersebut kalau kita benar-benar mahu hidup aman damai sampai kepada anak cucu dan seterusnya kepada hari kiamat.

Tuan Yang di-Pertua, program-program nasional yang telah dilaksanakan di Telok Jong, Pasir Mas pada hari Ahad, 6-3-1988 baru-baru ini adalah suatu langkah yang bijak yang mana Perdana Menteri sendiri mengambil bahagian dan merasmikannya. Setia Bersama Rakyat ataupun "Semarak" boleh dan akan memberi kesan yang positif yang mana ianya memberitahu secara langsung kepada rakyat jelata bahawa tiap-tiap pemimpin mesti setia dan bersepadu bersama rakyat kerana saya yakin pemimpin-pemimpin tidak akan lahir sekiranya ianya sahaja yang ingin menjadi pemimpin tetapi rakyat tidak mahu ianya menjadi pemimpin. Semarak juga menjadi satu batu asas permulaan di mana kesetiaan pemimpin-pemimpin kepada rakyat dan kesetiaan kepada pemimpin hendaklah mempunyai saling faham-memahami di antara satu dengan lain bagi mengekalkan perpaduan untuk meneruskan khidmat-khidmat bagi pembangunan negara dan masyarakat.

Marilah kira semua menyokong langkah Perdana Menteri mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain Baginda juga menyentuh tentang barangan eksport ke negara-negara asing. Alhamdulillah lawatan-lawatan Perdana Menteri dan rombongan-rombongan perdagangan lain yang telah memberi banyak kesan yang efektif. Walau bagaimanapun, Malaysia sebagai negara yang kecil patut benar-benar meningkatkan lagi hubungan baik dengan semua negara-negara asing bagi memastikan eksport kita akan lebih bertambah kerana kita mempunyai komoditi-komoditi seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan koko untuk dipasarkan. Walaupun prestasi tahun 1987 telah beransur pulih dengan kadar 4.7%, kita yakin dengan adanya hubungan baik saling mengerti dengan negara-negara lain kita dapat mempertingkatkan lagi prestasi kita bagi tahun 1988 dan tahun-tahun seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai dan dinamis untuk terus mengukuhkan jualan hasil dari negara ini bagi menentukan nasib ekonomi kita yang mana sentiasa bergantung kepada negara-negara perindustrian. Dalam hal yang sama, saya juga yakin bahawa Kerajaan juga perlu kepada, dengan izin, diversification of efforts, iaitu keluaran Malaysia bukan semata-mata bergantung kepada eksport barang-barang mentah keluar negeri sahaja, kita perlu mengilangkan barang-barang di negara ini dan hasil pengilangan itu juga boleh dipasarkan di dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan di sini bahawa industri kecil eloklah disaingkan dengan industri pelancongan kerana hasil industri kecil biasanya dibeli oleh pelancong-pelancong sebagaimana yang dibuat di negara-negara lain.

Industri kecil, Tuan Yang di-Pertua, patut mengambil langkah-langkah seperti mengeluarkan cenderamata-cenderamata yang mana pelancong-pelancong dapat membeli dan bawa balik ke negara mereka sebagai kenangan. Perkara-perkara seperti ini tidak terdapat di negara kita di mana pelancong boleh membeli cenderamata seperti lencana-lencana, bendera-bendera, pinggan-mangkuk atau lainnya yang dibuat untuk mengenali dan mengenangi tempat yang dilawati itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Jepun, England atau Eropah, tiap-tiap kampung atau pekan-pekan kecil yang kita singgah mempunyai industrinya sendiri, mempunyai identitinya sendiri melalui cenderamata-cenderamata walaupun kampung itu terpencil jauh dari bandar-bandar yang besar. Sekiranya industri kecil melibatkan perkara atau barang-barang seperti ini, saya percaya pendapatan orang-orang kampung juga akan meningkat dan bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah negara yang indah untuk pelawat-pelawat dari luar negeri tetapi Kementerian berkenaan mesti ingat bukanlah bandar-bandar atau kota-kota besar dengan bangunan pencakar langit yang menjadi tarikan kerana di negara-negara mereka pelawat-pelawat tadi terdapat sedemikian rupa. Yang boleh menarik pelancongan ialah tempat-tempat yang indah sebagaimana yang disarankan oleh Ahli dari Kota Setar tadi tempat-tempat indah, air-air terjun, pantai-pantai di mana pelancong-pelancong dapat tinggal beberapa hari menikmati kekayaan, kecantikan seperti di Pulau Bali di mana tidak ada bangunan-bangunan yang besar mencakar langit tetapi hari-hari pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong datang berduyun-duyun dan beribu-ribu untuk berihat menikmati keindahan pulau

itu kerana kekaguman kebudayaan serta tarian dan tain-lain yang memberi tarikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam pelan induknya dapat meneruskan usaha-usaha seperti tersebut dengan memberi latihan kepada pegawai-pegawai mereka untuk mengkaji ilmu pelancongan dengan serius sebagaimana yang dilakukan oleh Pulau Bali di Indonesia bagi menarik pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama, tempat pelancongan yang kecil-kecil sebagaimana yang disebut oleh Ahli dari Kota Setar patut dipertingkatkan, dinaikkan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur hendaklah diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak terdapat di negara kita tempat-tempat perancangan dan air-air terjun yang cantik tidak diterokai seperti di Kampung Klian, Gunung Ijok-dalam kawasan Parlimen Larut.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia menyentuh tentang pendidikan dan penggunaan Bahasa Baku dan Tahun Membaca. Di sini saya ingin mengambil peluang memperkatakan bahawa penggunaan Bahasa Baku, Perisytiharan Tahun Membaca sahaja tidak mencukupi. Masyarakat di kampung-kampung kurang mendapat peluang membaca kerana khutubkhanah-khutubkhanah (libraries) Kerajaan tidak ada dan khutubkhanah-khutubkhanah bergerak pun tidak begitu bergerak ke kampung-kampung. Kerajaan perlu memikirkan sehalus-halusnya bagi mengadakan bilik-bilik bacaan yang dikawal oleh pegawai-pegawai tertentu bergaji dan mendirikan bilik-bilik bacaan sekurang-kurangnya satu di satu mukim yang mana ada mempunyai kampung-kampung berdekatan seperti diadakan di England. Jepun dan di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, khutubkhanah-khutubkhanah atau bilik-bilik bacaan tajaan Kerajaan itu dapat memberi peluang kepada orang-orang kampung membuat rujukan atas perkara-perkara tertentu sama ada undang-undang. Undang-undang Nikah Kahwin, Tanah, Pendaftaran Beranak dan Mati dan rujukan kasar mengenai pencen dan lain-lain di samping membaca surat-suratkhabar harian. Dengan yang demikian, saya percaya rakyat akan lebih gemar membaca oleh kemudahan-kemudahan yang diberi tadi. Tidak ada gunanya Kerajaan mengadakan satu million buku di Perpustakaan Nasional sedangkan buku yang dibaca tak sampai 10%. Elok benarlah buku-buku itu diagih-agihkan, dibahagi-bahagikan kepada kampung-kampung dan ke khutubkhanah-khutubkhanah yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian hasrat Kerajaan untuk mewujudkan insan solleh dan nilai Islam di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan bukan Kerajaan akan tercapai melalui saluran-saluran bacaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Kesedaran dan Kempen Membaca di kaca televisyen tidak mencukupi dan tidak akan berkesan kerana masa-masa yang diberi begitu terhad. Dalam hal yang sama, sama ada dari segi membaca dan menyerap nilai murni, nilai Islam, bersih, cekap dan amanah dalam pentadbiran di negara kita, saya menyarankan supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah Arab atau sekolah-sekolah Agama sama ada Sekolah Agama Rakyat ataupun Kerajaan ataupun sekolah rakyat biasa. Kerajaan boleh menggunakan tenaga lulusan agama sama ada dari luar atau dalam negeri untuk berkhidmat kepada sekolah-sekolah tersebut. Bangunan-bangunan sekolah juga perlu diperbaiki dan mana-mana sekolah rendah atau menengah agama

yang sudah tidak mempunyai keupayaan diambilalih oleh Kementerian Pendidikan dengan bantuan penuh dan membayar gaji kepada guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa banyak institusi-institusi agama hanya dijalankan dengan harta wakaf ataupun derma dan sedekah jariah sahaja daripada orang ramai. Sekiranya bantuan guru-guru tidak diberi atau sokongan kewangan dari Kerajaan tidak diperolehi maka terdapatlah institusi itu hidup segan, mati tak mahu. Ini termasuklah Sekolah Arab Idrisiah, Kuala Kangsar dan sekolah-sekolah lain yang tidak payah saya sebutkan satu persatunya.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga bertitah supaya kita menjauhi rasuah, mesti amanah, cekap dan bersih kerana rasuah ini mengikut sabda Rassullah s.a.w. pemberi dan penerima akan masuk neraka.

Berhubung dengan hal ini kita berterima kasih kepada Baginda yang mana mengambil berat atas perkara ini bagi memusnahkan rasuah di negara kita. Sekiranya perkara ini berleluasa maka negara kita akan terus hancur.

Saya juga suka berterima kasih kepada Badan Pencegah Rasuah yang mana telah bertungkus-lumus bekerja keras membanteraskan rasuah ketika ini, semoga kerja-kerja dan usaha-usaha pembanterasan rasuah itu mendapat keredaan dari Allah dan negara kita kalau tidak dapat menghapuskan rasuah seluruhnya, boleh mengurangkan kepada minima.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga menyentuh tentang infrastruktur di kampung-kampung di luar bandar, iaitu seperti api elektrik, telefon hendaklah diutamakan serta jalan-jalan kampung. Perkara ini memang banyak kali dibentangkan di Parlimen dan ini adalah menjadi ingatan kepada pihak-pihak yang terlibat kerana khidmat-khidmat seperti ini sangatlah

perlu, sudah banyak yang dijanjikan dalam pilihanraya belum dapat dipenuhi. Kalau sekiranya satu-satu jalan itu dibangkitkan pihak tertentu dari Kementerian-kementerian berkenaan akan menjawab: jalan itu kuasa Negeri dan jatan ini kuasa Federal dan belum dinaikkan ke taraf Federal. Bila ini juga diterangkan kepada rakyat, mereka tidak faham sama ada Federal atau Negeri, yang mereka mahu jalan-jalan itu dibina atau dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan telefon dan api elektrik masih belum dapat memuaskan di kebanyakan kampung-kampung terpencil. Jadi, saya menyarankan supaya dengan Titah Duli Yang Maha Mulia itu, Kerajaan akan terus memberi khidmat kordinasi di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal hendaklah dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda, Baginda memohon supaya semua rakyat memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada Perdana Menteri yang kita kasihi, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini memanglah tepat dan tidak boleh dinafikan oleh sesiapa, sokongan yang jitu dan menyeluruh dari rakyat telah nyata dan saya yakin Allah Subhanahu Wata Aala akan sentiasa memberi taufiq dan hidayah kepada Perdana Menteri yang kita kasihi dan Timbalan Perdana Menteri supaya terus dapat memerintah dengan bijaksana. Saya percaya Perdana Menteri dan Timbalannya dapat meneruskan menyatukan rakyat tanpa ragu-ragu oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dato Seri Dr Mahathir dan Timbalannya tidak mempunyai "corrupt motive", dengan izin, dan sentiasa berkhidmat bagi faedah dan kebaikan semua rakyat di negara ini, bukan faedah diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri Malaysia telah diberi penghargaan sebagaimana yang disebut oleh Ahli dari Kota Setar tadi,

iaitu dilantik menjadi Pengerusi the Conference on the Drug Abuse di Vienna, Austria, dengan izin. Kepercayaan dan pemilihan itu menunjukkan bahawa kita mempunyai seorang anak watan yang imejnya begitu tinggi. Malaysia setakat ini telah berjaya memerangi pengedaran najis dadah dengan undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diberitahu bahawa dalam persidangan Parlimen kali ini, undang-undang merampas harta pengedar-pengedar dadah akan dibentangkan. Pada saya, undang-undang ini sangatlah mustahak untuk diluluskan sebagaimana yang dilakukan, kalau tidak salah saya, di Negeri Perancis, undang-undang ini akan lebih berkesan daripada undang-undang yang telah ada kerana pengedar-pengedar dadah dengan bermaharajalela memindahkan pendapatan hasil kutipan mereka beratus-ratus juta ringgit ke negara-negara lain melalui agen-agen mereka atau negara-negara tertentu seperti Thailand dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan dan lulusnya undang-undang di Parlimen ini, Malaysia dapat menghindari dan membanteras pengedaran najis dadah. Justeru itu, kita pula dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit yang mana peruntukan-peruntukan untuk pemulihan bekas penagih-penagih dadah itu tidak payah diperuntukkan lagi. Jadi, wang yang demikian itu boleh dibelanjakan bagi pembangunan negara dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, wang itu bagi pembangunan luar bandar dan membentuk masyarakat yang soleh, yang taat kepada Allah, Rasul dan

pemerintah sempena kehendak, al-Ouran, maksudnya:

"Taatlal kamu kepada Allah. Rasul dan Pemerintah (yakni Raja-raja dan Perdana Menteri)".

Akhir sekali, marilah kita menyokong pemerintahan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ianya mempunyai wadah persepsi yang luas, mempunyai "vision" yang tidak terhad, mempunyai tenaga fikiran yang waras yang mana susah hendak dicari di dunia ini.

Dengan yang demikian, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri yang mana telah bersusah payah menganjurkan kutipan untuk Tabung Palestin yang mana orang-orang Palestin sentiasa menderita di atas perbuatan rejim kejam Tel Aviv itu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pasukan-pasukan Keselamatan dan semua rakyat di negara ini yang taat kepada negara dan Raja yang mana telah memberi sumbangan khidmat mereka untuk mengekalkan keamanan di negara kita ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia itu.

Dengan kata-kata itu, saya sudah ucapkan saya, saya mohon menyokong. Sekian. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.46 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul atas nama Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Setar yang berbunyi:

'Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh".

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai Ketua Pemerintah dan payung negara, kita sebagai rakyat di tanahair ini yang taat setia di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat tertarik hati oleh kerana Baginda telah menyentuh beberapa perkara penting yang amat berguna, penuh erti dan berkesan kepada rakyat dan Kerajaan kita. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Baginda mempunyai makna dan implikasi yang tinggi kepada semua rakyat dan ini menunjukkan dengan jelasnya betapa erat hubungannya antara Baginda dan rakyat di negara kita. Oleh yang demikian, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya menyokong usul tersebut, saya akan berucap berkaitan dengan beberapa perkara yang telah disentuh oleh Baginda dengan implikasi yang penting kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan lagi walaupun kemerosotan ekonomi dunia sedang membanjiri beberapa negara-negara lain, kita sedang menjalani pembangunan pesat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, iaitu di bawah pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad. Walaupun Yang amat Berhormat telah menghadapi beberapa cabaran di atas kepimpinannya dalam setahun yang lampau, beliau telah muncul sebagai seorang pemimpin yang tenang dan tegas dan dengan

kemenangan Parti Barisan Nasional di Tanjong Petri pada 5hb Mac baru-baru ini telah menunjukkan Titah Duli Yang Maha Mulia dengan jelas kepada rakyat kita inilah seorang pemimpin yang boleh menjamin negara kita dari apa-apa keadaan ataupun kesulitan yang akan mencabar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bukan sahaja telah mencapai pembangunan yang diidamkan, bahkan juga telah berjaya menduduki tempat sewajarnya di kalangan antarabangsa. Baru-baru ini kita telah mengadakan beberapa persidangan antarabangsa di ibukota kita, seperti dengan izin, Commonwealth Parliamentary Association, ASEAN Inter-Parliamentary Organization, ASEAN Population and Development Conference dan South-South Commission. Di bawah semua persidangan tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad telah muncul sebagai seorang pemimpin antarabangsa yang harus di "reckoned with". dengan izin, dan rakyat kita harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau yang telah berjaya membawa negara kita ke taraf begitu tinggi di kalangan antarabangsa. Beliau juga telah mengambil bahagian dalam beberapa persidangan antarabangsa dan telah memperjuangkan untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan antarabangsa tanpa mengira warna kulit dan rakyat kita memohon kepada beliau untuk meneruskan perjuangan tersebut hingga negara kita akan mengambil jawatan penting dalam The United Nations Security Council, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang ekonomi juga negara kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan walaupun keadaan ekonomi dunia pada keseluruhannya tidak begitu kukuh dan stabil. Baru-baru ini kita telah dimaklumkan pelaburan antarabangsa di negara kita telah

mencapai \$754 juta yang menjadi satu rekod sejarah pelaburan di negara kita. Ini adalah satu pencapaian terpuji pernah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini menunjukkan lagi sekali dengan jelasnya Kerajaan kita di yakini oleh kalangan antarabangsa untuk terus menerus membawa kemajuan dan pembangunan kepada negara kita. Selagi kita mempunyai pemimpin yang dedikasi dan jujur seperti tersebut maka di situ kita tidak ada satu kuasa yang boleh menghalang Kerajaan Barisan Nasional daripada mencapai cita-cita kita iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita yang boleh diterima kelak oleh semua golongan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perkembangan yang telah berlaku di negara kita sejak kemerdekaan, maka kita sebagai rakyat Malaysia haruslah mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana telah melimpah kepada kita begitu banyak rahmat yang tidak dirasakan oleh rakyat lain-lain negara yang telah mencapai kemerdekaan lebih awal lagi. Dari setahun ke setahun kita menyaksikan perkembangan yang dibanggakan di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sukacita kerana Kerajaan kita sedang mengambil berat dan telah mengemukakan beberapa dasar-dasar baru untuk menarik lebih pelaburan ke negara kita. Kerajaan telah memberi berbagai insentif untuk membangunkan kilang-kilang bagi mendapatkan kerja supaya bilangan pengangguran boleh diturunkan di negara kita. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang sedang mengambil tindakan yang positif melalui sistem pembukaan tanah kepada semua yang

berminat untuk melabur di tanahair kita. Sepertimana yang kita telah lihat pada masa dahulu, suatu halangan yang besar untuk melabur di negara kita ialah masalah tanah yang akan digunakan oleh pihak pelaburan. Di sini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang telah menyedari masalah ini dan telah menubuhkan "one-stop agency" di peringkat Negeri. saya berpendapat kenaikan pelaburan di negara kita pada tahun dahulu adalah hasil daripada kerjasama yang baik yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya berharap kerjasama ini akan berkembang lagi hingga ke satu masa di mana negara kita boleh menyelesaikan masalah pengangguran yang sedang membawa kesan yang buruk kepada negara kita. Tetapi ada juga lagi beberapa jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang masih tidak memahami kesan pengangguran kepada masyarakat kita.

Kita mempunyai lebih daripada 700,000 rakyat yang masih tidak mempunyai peluang pekerjaan dan terlibat dengan bilangan ini adalah beribu-ribu graduan. Pihak penganggur tersebut sedang mengambil beberapa tindakan untuk menjalankan kehidupan mereka seperti menanam sayur-sayuran dan pemasaran berbagai-bagai jenis barangan di bandar-bandar kita, tetapi malangnya Kerajaan-kerajaan Negeri dan Tempatan tidak mempunyai sikap tolak-ansur dan sedang menghalang mereka dari satu cara yang baik untuk menjalani kehidupan mereka "to make matters worse", dengan izin, beberapa Kerajaan Negeri dan Perbandaran telah menubuhkan beberapa pasukan penguatkuasaan khas dengan berpuluh-puluh orang dan berbagai-bagai jenis kenderaan baru untuk menghalang rakyat bagi menduduki di atas tanah Kerajaan dan berniaga di kawasan-kawasan Majlis Perbandaran.

Saya ingin bertanya, adakah adil untuk menghalang seseorang rakyat daripada mencari kehidupan yang baik dan betul di atas tanah negara kita. Setiap kali kita sebagai Wakil Rakyat menyoal kepada pihak yang berkuasa di atas nasib rakyat tersebut, jawapannya adalah sama iaitu pihak-pihak tersebut harus mendapat kebenaran daripada Kerajaan. Tetapi adakah pihak Kerajaan Negeri dan Tempatan memahami kesulitan yang dihadapi oleh rakyat jelata yang hendak memperolehi T.O.L. ataupun lesen-lesen perniagaan yang lain.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah mengkaji dengan teliti masalah yang dihadapi oleh industri hotel di negara kita dan telah mencadangkan untuk menghapuskan ataupun menggabungkan lebihkurang 63 lesen berbagai jenis yang diperlukan oleh industri hotel bagi menjalankan perniagaannya.

Saya ingin memohon kepada semua Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar untuk mengkaji dengan berhati-hati bagaimana mereka boleh mengurangkan lesen-lesen yang dipenuhi di negara kita bagi membantu untuk mengurangkan semua harga barangan, harga pengangkutan, harga pelajaran dan harga-harga kemudahan asas lain yang rakyat kita memerlukan. Kita tidak boleh menafikan kos kehidupan di beberapa negara jiran kita yang masih rendah dan saya dapati daripada orang-orang yang berpengalaman dalam perniagaan di negara kita, kita masih boleh mengurangkan kos kehidupan rakyat kita jika beberapa undang-undang boleh dikurangkan ataupun diubahsuaikan dari segi perniagaan dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hal mengawal keselamatan negara kita, saya ingin mengucapkan

tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya mendapat kerjasama yang baik daripada negara-negara jiran kita iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei Darussalam dan Filipina. Satu perjanjian kerjasama dari segi ekonomi telah berlaku antara semua negara ASEAN pada bulan Disember 1987 harus dipuji oleh kerana ini akan membuka ke arah perhubungan dan pembangunan yang baik antara semua negara-negara tersebut. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, semua perjanjian dari segi ekonomi boleh dibatalkan ataupun diketepikan oleh pihak tertentu untuk kepentingan diri sendiri. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mencari jalan bagaimana satu sistem yang boleh merapatkan dan mengikatkan semua negara tersebut dari segi politik boleh diwujudkan. Satu cadangan yang telah dibuat oleh pihak pakar ialah melalui satu Parlimen ASEAN seperti yang diadakan oleh European Economic Community, dengan izin. ataupun satu Dewan yang boleh dianggotai oleh beberapa Menteri Kerajaan dari setiap negeri. Parlimen atau Dewan ini boleh membincangkan semua aspek ekonomi dan keselamatan antara negara-negara ASEAN tersebut dan membawa kesan yang baik kepada keseluruhannya.

Dengan satu pasaran yang melebihi 260 juta penduduk, dengan begitu banyak barangan mentah dan kemahiran rakyat, saya rasa ASEAN boleh menjadi satu gabungan terkemuka pada masa akan datang dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini. Pemerhati-pemerhati Antarabangsa telah menyatakan dengan izin "The 21st Century will be dominated by the countries of the Pacific region". dengan izin, dan langkah ini akan membantu negara kita ke arah terkemuka pada Abad ke 21 seperti yang telah saya sentuh baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada perajurit-perajurit kita yang telah dan sedang bertugas untuk menyelamatkan negara kita. Saya juga ingin menyebutkan penghargaan yang tinggi kepada mereka yang telah terkorban dalam beberapa aktiviti menyelamatkan negara kita. Baru-baru ini terdapat beberapa pihak komunis telah pun ditembak dalam negara kita. bahkan juga yang bersembunyi di dalam negara kita. Oleh yang demikian saya ingin menyeru kepada Kerajaan untuk membuat kajian yang mendalam mengenai keselamatan negara kita dan menentukan keadaan musuh yang sebenarnya di setiap kawasan di seluruh negara kita.

Kawasan-kawasan pendalaman juga harus dibangunkan dengan jalan-jalan dan kemudahan-kemudahan asas dan ini bukan sahaja akan membangunkan negara kita dan juga membantu aktiviti-aktiviti Kerajaan dari segi ekonotni dan sosia) tetapi juga mengurangkan bilangan pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mengenai dasar dan rancangan Kerajaan Barisan Nasional semuanya baik dan diterima oleh segala lapisan rakyat tetapi semua rakyat juga dimaklumkan bahawa jentera pelaksanaan kita boleh diperhalusi dan diperbaiki jika semua rakyat mahu menikmati sepenuh-penuhnya hasil dari dasar-dasar rancangan Kerajaan Barisan Nasional. Negara kita telah mencapai kemerdekaan setama 30 tahun yang ialu dan jika mengkaji bagaimanakah keadaan perpaduan dalam tempoh 30 tahun ini. kita dapat melihat dengan jelasnya negara kita telah mencapai perpaduan yang paling tinggi pada tahun 1957 dan sedikit demi sedikit perpaduan tersebut telah kurang dan pada masa kini kita telah sampai ke satu peringkat di mana masyarakat kita sebahagian besar dari satu kaum tidak

ingin untuk rnendiami berhampiran dengan satu kaum yang lain. Negara kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Semasa kemerdekaan dicapai, semua kaum di Malaysia telah menerima prinsip bertolak ansur sebagai asas bagi perpaduan rakyat.

Kerajaan kita telah mengadakan beberapa rancangan dan memakai beberapa cara untuk menyatupadukan rakyat. Radio, Televisyen serta bahan-bahan percetakan telah digunakan dengan sepenuhnya untuk memupuk perasaan perpaduan di kalangan rakyat dan Kementerian Penerangan telah memainkan peranan penting dalam usaha utama ini.

Kementerian Pelajaran juga sedang menerusi sistem pelajaran di bawah mana Bahasa Malaysia bukan sahaja digunakan sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi tetapi mewujudkan perasaan persefahaman antara semua lapisan masyarakat di negara kita. Rukun Tetangga telah juga dapat menyumbang terhadap matlamat perpaduan di negara kita dan Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan untuk menitikberatkan tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin serta pemikir-pemikir terkemuka di negara kita telah menerima realiti bahawa rahsia kemajuan Malaysia sejak kemerdekaan ialah kestabilan politik dan perpaduan rakyat dan walaupun Kerajaan kita telah menumpukan banyak tenaga, masa serta wang untuk mewujudkan keadaan yang sungguh sihat bagi rakyat kita, nampaknya kita sedang mendahului dalam matlamat ini. Oleh yang demikian, soalan yang kita harus membawa pada hari ini ialah mengapakah keadaan yang kurang sihat sedang berkembang di masyarakat majmuk kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun enam puluhan Kerajaan telah menganjurkan kemajuan negara pada

amnya dengan penekanan kepada pembangunan luar bandar. Satu dasar ekonomi dan permodalan yang agak terbuka telah diamalkan. Dengan itu Kerajaan telah berharap bahawa semua rakyat dari semua keturunan dan lapisan masyarakat . akan mempunyai cukup peluang untuk maju dan menikmati hasil kemerdekaan kita. Tetapi malangnya kejudian-kejadian pada Peristiwa 13 Mei 1969 telah menunjukkan bahawa dasar-dasar itu telah tidak memuaskan sesiapa pun baik orang Melayu, Cina ataupun India. Jadi kita telah mengamalkan Dasar Ekonomi Baru dan juga meminda Perlembagaan untuk melindungi sensitivity di antara kaum dengan mengharamkan persoalan di atas hak-hak asasi yang telah pun dimaktubkan di dalam Perlembagaan kita.

Dengan Dasar Ekonomi Baru kita telah cuba mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang lebih seimbang dan juga memberi galakan secara langsung kepada kaum bumiputera dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Tetapi malangnya lagi Dasar Ekonomi Baru dan langkah-langkah yang lain jelasnya tidak juga membawa hasil yang kita telah cita-citakan pada masa itu. Ada orang yang telah mengkaji keadaan dan berani mengatakan bahawa kedudukan; 'perpaduan negara kita telah menjadi lebih buruk. Tambah lagi, mereka kata, perasaan alienation, dengan izin, dan membenci satu-satu kaum. persediaan untuk menerima kedudukan dan keistimewaan satu-satu kaum telah merosot sama sekali dan telah ditanam dalam hati sanubari muda-mudi kita khasnya di pusat-pusat pelajaran tinggi di Malaysia dan di sekolah-sekolah kita. Ini adalah malang sekali kerana mereka inilah yang menjadi harapan negara kita untuk masa depan. Ini adalah satu keadaan yang sungguh menakutkan dan

memerlukan kita mengkaji asas-asas, dasar dan program-program yang kita laksanakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal pokok harus dibangkit, diselidik dan diputuskan secara segera seperti berikut:

- (1) Apakah asas yang kita ambil untuk menjalankan dasar-dasar interventionist, dengan izin, dalam ekonomi dan masyarakat seperti Dasar Ekonomi Baru? Adakah asas ini sebagai satu langkah sementara untuk menyeimbangkan masyarakat yang tidak seimbang, atau, adakah tindakan kita diasaskan satu konsep lebih kekal seperti ketuanan satu kaum dan status pendatang kaum-kaum yang lain? Jika konsep kita tidak jelas, adalah satu yang nyata bahawa kekeliruan akan berlaku dalam implementasinya.
- (2) Adakah tindakan-tindakan yang diambil untuk membantu kaum bumiputera mempunyai hasil dan kesan yang luas ataupun terhad kepada satu golongan yang kecil sahaja? Perpaduan sudah tentu memerlukan pengagihan hasil-hasil ini secara luas sejauh yang boleh.
- (3) Adakah benar bahawa sektor swasta telah tidak bekerjasama dengan sungguh-sungguh dalam penyerapan pekerja-pekerja mahir dari kaum bumiputera? Apakah yang kita harus buat untuk memperbaiki keadaan?
- (4) Adakah benar kerana peluang-peluang pekerjaan dan kontrak bagi kaum-kaum bukan bumiputera di sekor Kerajaan sangat dikurangkan dengan sebab kaum bumiputera tidak mempunyai peluang di sektor swasta? Langkah-langkah seperti ini membawa akibat yang buruk sekali kerana

perasaan kaum bukan bumiputera diasingkan secara mendalam. Peluang pelajaran, biasiswa, latihan, pekerjaan, kontrak dan sebagainya adalah penting sekali dalam kehidupan dan kemajuan orang dan keluarga biasa.

- (5) Ada banyak lagi soal seperti ini yang harus difikirkan dan diputuskan dengan segera. Jika tidak, masalah-masalah ini akan, dengan izin, fester, dan menjadi satu penyakit seperti kanser yang tidak dapat dirawati. Dalam semua perkara, salah faham di antara kaum kita harus mengambil tindakan yang segera, tidak boleh dilanjutkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa dahulu apabila suatu isu sensitif dikeluarkan oleh mana-mana pihak, ianya telah dapat diselesaikan pada peringkat awal dengan hubungan baik yang telah dicapai antara semua lapisan rakyat, baikpun dari segi pucuk pemimpin mahupun dari kalangan rakyat jelata. Tetapi pada masa kini dengan perasaan yang tidak begitu yak'in dan terbuka antara semua kaum, isu-isu sensitif tidak boleh diselesaikan pada awal-awalnya dan sedang dibiarkan berkembang ke suatu peringkat yang tidak boleh dikawal lagi. Perkara ini berlaku oleh kerana tekanan ahli-ahli politik dan golongan kecil tersebut dianggap amat kuat dan tidak boleh dirunding dengan hati terbuka. Dengan ini beberapa isu yang boleh diselesaikan pada awalnya terpaksa diketepikan dan akibatnya ialah 106 orang terpaksa ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan Oktober 1987.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara kita telah berkorban begitu banyak sejak kemerdekaan untuk memajukan tanahair yang kita cintai ini. Kerajaan Barisan Nasional harus mengambil tindakan yang positif dan

tegas untuk menghapus segala kelemahan khasnya masalah diskriminasi yang berada di dalam jentera pentadbiran di Kerajaan kita. Dasar-dasar dan rancangan-rancangan harus dikaji balik untuk membawa hasil kepada semua lapisan rakyat, jika boleh tanpa mengira kaum tetapi walau bagaimanapun di atas-nisbah kaum yang berada di negara kita. Ahli-ahli Kerajaan dan politik juga diberi arahan supaya jika penyelewengan seperti berlaku dari segi pelaksanaannya, pihak yang terlibat boteh dipaksa untuk meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan. Apa yang kita perlukan pada masa kini ialah pemimpin-pemimpin Kerajaan dan politik yang boleh dianggap sebagai "statesmen", dengan izin, dan bukan orang-orang yang befikir dari segi perkauman dan yang mementingkan diri sendiri ataupun ingin memancing undi dalam beberapa pilihanraya seperti yang sedang dijalankan dengan "keutamaan perkauman".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan harus dipuji untuk menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara, saya dapati Jabatan ini tidak boleh mencapai matlamatnya termasuk masalah pokok iaitu masalah diskriminasi yang membahagi-bahagikan rakyat kita sebagai kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan lain-lain kaum. sedang dan akan diteruskan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampailah masa untuk negara kita ditadbirkan oleh suatu parti Barisan Nasional yang bersungguh-sungguh dianggap sebagai suatu parti yang tidak diasaskan dengan sistem politik perkauman. Satu cara harus dikaji untuk semua ahli-ahli UMNO, MCA, MIC dan lain-lain parti perkauman yang berada di Barisan Nasional bagi memasuki di dalam parti ini secara suatu undang-undang yang memberi hak bersama kepada semua

ahli-ahlinya. Tugas ini adalah satu tugas yang besar dan penting yang memerlukan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan taraf "statesmen". Cara-cara untuk mencapai matlamat tersebut juga boleh mengambil masa dan cabaran yang tidak boleh diingini. Tetapi dengan pengalaman yang telah diperolehi oleh pucuk pemimpin kita dalam beberapa cabaran yang kita telah atasi pada masa terdahulu, bahagian kita mempunyai keyakinan yang penuh di atas pucuk pemimpin. Barisan Nasional untuk mewujudkan satu parti Barisan Nasional yang sebenar-benarnya terdiri dari anggota berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, ketahanan rakyat dan membela rakyat telah dijadikan salah satu matlamat dalam Rancangan Malaysia yang sudah. Dalam Rancangan Malaysia yang akan datang perpaduan rakyat haruslah dijadikan matlamat utama. Sudah tibalah masa perpaduan rakyat kita tidak boleh diberi hanya perkhidmatan lisan. Jika dasar-dasar dan rancangan-rancangan lama dibiarkan sahaja satu hari nanti Kerajaan kita akan dianggap sebagai, dengan izin, slave to selfish politicians.

Oleh itu saya ingin memohon kepada semua ahli-ahli politik untuk mengubah corak pemikiran untuk mengambil tindakan yang tegas untuk mewujudkan parti-parti bersungguh-sungguh berbilang kaum dari semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah curahan hati daripada hati seorang politik yang mencintai masa hadapan negara yang suci ini. Saya percaya perkara-perkara yang saya telah menyentuh akan menaikkan perasaan dalam sebahagian kecil saudara-saudari saya yang berada di Kerajaan dan sistem politik kita. Tetapi saya percaya sudah sampailah masa untuk kita semua menghadapi masalah pokok yang menjadi halangan untuk

menyatupadukan semua rakyat di negara kita dan saya mohon maaf jika kata-kata saya telah pun dianggap sebagai kasar kepada mana-mana pihak. Inilah fikiran seorang politik yang bersungguh-sungguh mencintai tanahair ini dan ingin membawa kita semua kepada arah pembangunan seperti yang telah diadakan di beberapa negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya sangat berharap Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan akan memberi perhatian yang serius terhadap apa yang saya telah menyentuh berkaitan dengan perpaduan, pengangguran dan keselamatan.

Saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh di atas kesedaran kita semua sebagai rakyat negara ini walaupun keturunan Melayu, Cina, India ataupun lain-lain kaum. Inilah satu kesedaran yang kita harus dihargai demi pembangunan dan keselamatan negara kita.

Di sini ingin juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi yang telah menyentuh baru-baru ini untuk semua rakyat mengamalkan suatu sikap sederhana dan toleransi dan sentiasa dipercayai satu sama lain supaya negara yang tercinta ini boleh terus aman damai dan stabil.

Seterusnya saya suka juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan semua ahli-ahli Kabinet yang telah menjamin pembangunan dan kestabilan politik walaupun negara kita telah menghadapi beberapa cabaran pada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Mac, 1988 yang saya pandang sebagai Titah yang betul-betul berkesan. Saya harap Titah Di-Raja itu dapat diulang-ulangkan lagi dalam TV dan radio semua rakyat di negara kita dapat memahami Titah tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

5.13ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan serta menyatakan sokongan saya terhadap Usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Ketujuh semalam.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertama berhubung dengan masalah polarisasi kaum, khususnya masalah polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi. Saya ingin bermula dengan dua kajian sains sosial. Kajian pertama yang dilakukan oleh seorang pengkaji dalam tahun-tahun 60an di universiti tempatan. Penemuan kajian itu menunjukkan cuma 1/3 pelajar universiti melibatkan diri dalam pergaulan ataupun interaksi dengan kaum-kaum yang lain.

Kajian yang kedua dijalankan oleh seorang lagi pengkaji mengenai perkembangan pelajar di universiti tempatan pada tahun 1978. Hasil kajian itu menunjukkan unsur kaum sebahagian besarnya menjadi asas integrasi sosial dan tali persahabatan di kalangan pelajar di pusat pengajian tinggi. Cuma 16% daripada jumlah respondent yang dikaji itu kira-kira 700 orang melaporkan mereka mengadakan pergaulan bebas dengan kaum-kaum yang lain.

Jadi, berdasarkan hasil kajian ini pengkaji membuat kesimpulan bahawa keadaan integrasi etnik di universiti tempatan sudah merosot dalam 10 tahun kebelakangan ini. Selain daripada kedua-dua kajian itu beberapa peristiwa yang berlaku di sebuah universiti tempatan juga menunjukkan bahawa polarisasi kaum agak membimbangkan kita dan ia bukanlah sesuatu yang diada-adakan sahaja.

Saya ingin memberikan beberapa contoh peristiwa itu. Yang pertama, di sebuah universiti tempatan satu jawatankuasa pelajar-pelajar Cina dibubarkan atas alasan bahawa jawatankuasa itu bercorak perkauman dan mengakibatkan polarisasi kaum.

Yang kedua, satu perhimpunan segolongan pelajar keturunan Cina untuk merayakan perayaan Pesta Tanglong di kampus diganggu oleh segolongan pelajar bukan Cina.

Peristiwa yang ketiga, permohonan segolongan pelajar beragama Buddha untuk menggunakan bilik di sebuah asrama pelajar ditentang oleh jawatankuasa kebajikan asrama yang terdiri daripada pelajar-pelajar Islam. Alasan yang mereka kemukakan ialah agama Islam melarang orang Islam membantu atau membenarkan perhimpunan agama-agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada peristiwa tersebut dan juga kajian sains sosial yang lain beberapa generalisasi umum tentang masalah polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi dapat dibuat seperti berikut.

Yang pertama, rasa prasangka, rasa ethno-centrisme mengenai kaum lain agak berleluasa di universiti.

Yang kedua, kurangnya interaksi sosial dan pergaulan antara kaum meski pun ada banyak peluang untuk berbuat demikian.

Yang ketiga, persahabatan dan persaudaraan antara kaum tidak banyak berlaku di universiti. Pelajar-pelajar cenderung memilih sahabat dari kaum yang sama.

Yang keempat, pelajar dari kaum yang berlainan jarang membincangkan isu-isu negara secara terbuka dan jujur. Dan akhirnya banyak kegiatan pelajar dijalankan atas garis-garis perkauman.

Polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi amat membimbangkan kita. Sebabnya cukup jelas kerana pelajar universiti merupakan golongan yang mempunyai pendidikan yang tinggi. Mereka juga pemimpin negara di masa hadapan dan harapan negara. Jadi sekiranya golongan cerdik pandai ini tidak dapat melepaskan diri daripada kongkongan prasangka dan perkauman, bagaimana pula dapat mereka ini dipertanggungjawab untuk membimbing negara nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu bahaya ialah setelah mereka meninggalkan universiti, ada kemungkinan mereka membawa rasa prasangka dan perkauman ke tempat kerja masing-masing dan sekiranya mereka memegang jawatan yang penting, sikap prasangka mereka mungkin mempengaruhi penggubalan serta pelaksanaan sesuatu dasar nanti. Jika perkembangan demikian tidak disekat prasangka perkauman mungkin merebak ke seluruh masyarakat. Akhirnya usaha kita memupuk perpaduan negara akan menjadi sia-sia.

(Timbalan Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi juga menunjukkan beberapa hakikat iaitu, pertama, walaupun menuntut di bawah bangunan yang sama, memberikan peluang yang banyak untuk bergaul dan berinteraksi, namun pelajar-pelajar tempatan

nampaknya tidak mempergunakan peluang itu dengan sempurna. Menuntut di bawah bangunan yang sama juga tidak semestinya membantu mengurangkan prasangka kaum apatah lagi menghapuskannya.

Yang kedua, bahasa bukan faktor tunggal yang mempengaruhi perhubungan kaum, bahasa bersama dalam kes pelajar-pelajar di universiti tidak semestinya memupuk perpaduan kaum.

Yang ketiga, pendidikan tinggi tidak semestinya menjadi alat berkesan untuk mengurangkan prasangka. Pendidikan tinggi menjadikan seseorang itu lebih sophisticated. Ini menyebabkan golongan yang berprasangka itu enggan menyatakan ataupun menunjukkan sentimen prasangka mereka. Kalau mereka mahu menyatakan prasangka mereka, mereka boleh ataupun akan berbuat demikian dalam bentuk-bentuk yang lebih halus.

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi merupakan satu masalah yang perlu diteliti dan diberikan perhatian yang serius. Jika tidak dikawal masalah ini boleh menjejaskan perkembangan sihat di kalangan pelajar-pelajar kita di samping menggugat perpaduan negara.

Janganlah kita berpura-pura dan mengatakan bahawa masalah polarisasi kaum itu tidak wujud di pusat pengajian tinggi. Jangan pula kita memandang ringan masalah ini. Perbuatan demikian tidak langsung membawa menafaat kepada kita. Ia cuma memperlanjatkan dan seterusnya memperhebatkan masalah yang kita hadapi. Demi kepentingan negara serta juga generasi kita yang akan datang, paling sedikit yang dapat dan patut kita lakukan ialah mengakui kewujudan masalah itu dan berusaha sedaya upaya untuk mengatasinya.

Dalam hubungan ini, ingin saya mencadangkan supaya di tiap-tiap universiti, satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk meninjau dan menganalisa secara objektif punca-punca polarisasi kaum dan membuat perakuan-perakuan. Anggota-anggota Jawatankuasa Khas itu hendaklah terdiri daripada pakar-pakar yang berkaliber, yang adil dan dihormati oleh semua kaum. Pihak universiti hendaklah memberikan pertimbangan secara serius terhadap segala perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan itu dan membuat perubahan jika perlu. Dalam soal membanteras polarisasi kaum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti boleh juga memainkan peranan yang penting. Di samping berlaku adil kepada semua persatuan di kampus, tindakan tegas hendaklah diambil ke atas pelajar-pelajar yang melampau, pelajar-pelajar yang fanatik, yang menyinggung perasaan pelajar dari kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan tentang isu polarisasi ataupun isu perkauman, pada pandangan saya di antara faktor-faktor yang penting yang menjadi punca masalah itu ialah ramai di kalangan pemimpin dan rakyat kita telah tidak mengambil berat ataupun sudah melupakan dua dokumen yang penting yang menjadi asas kelangsungan hidup negara kita yang berbilang kaum ini.

Kedua-dua dokumen yang saya maksudkan itu ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara. Perlembagaan Persekutuan merangkumi perkara-perkara serta persetujuan yang dicapai hasil daripada rundingan tokoh-tokoh kita, khasnya parti-parti anggota Perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC. Perlembagaan itu menjamin hak-hak asasi manusia, di antaranya, termasuk kebebasan diri, perlindungan dari segi undang-undang, kesamarataan, kebebasan beragama, berhimpun dan

bercakap dan sebagainya, yang menjadi pra-syarat kepada masyarakat yang bebas dan demokratik. Tersirat di dalam beberapa kebebasan itu ialah semua rakyat Malaysia tidak boleh diberikan layanan yang berbeza-beza atas dasar kaum, warna kulit atau agama. Dan juga Perlembagaan Persekutuan menetapkan satu sistem Kerajaan yang berasaskan Sultan dan Yang di-Pertuan Agong, Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, Islam sebagai Agama Persekutuan, kedudukan istimewa Orang Melayu dan Penduduk-penduduk Asli Sabah dan Sarawak dan hak dan kepentingan sah kaum-kaum yang lain. Rukunegara menetapkan falsafah asas yang bertujuan membina sebuah negara yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperluaskan lagi pengetahuan rakyat jelata terhadap isi kandungan serta semangat Perlembagaan dan Rukunegara dan lebih penting mengamalkan semangat dan prinsip-prinsip kedua-dua dokumen itu, saya suka mencadangkan yang pertama sekali isi kandungan kedua-dua dokumen itu diserapkan ke dalam kurikulum. semua peringkat pendidikan kita, khasnya di peringkat persekolahan rendah dan menengah kerana pada peringkat-peringkat inilah sebahagian besar sikap seseorang individu itu dibentuk.

Yang kedua, saya cadangkan supaya satu simposium kebangsaan tentang Rukunegara diadakan untuk meninjau kejayaan serta juga kegagalan kita dalam melaksanakan cita-cita serta prinsip-prinsipnya.

Yang ketiga, saya cadangkan supaya kita mengenalpasti sebarang penyimpangan ataupun penyelewengan daripada Perlembagaan dan Rukunegara.

Yang keempat, saya mencadangkan supaya kita menjadikan Rukunegara itu sebagai tema perayaan Hari Kebangsaan tahun 1988. Saya yakin dengan mematuhi semangat Perlembagaan serta juga prinsip-prinsip Rukunegara, rakyat negara ini akan lebih bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kebudayaan kebangsaan—ini ada kaitan juga dengan masalah perkauman dan perpaduan. Ini satu isu yang bukan baru, satu isu yang lama dan banyak telah diperkatakan dan banyak pandangan telah diutarakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak supaya kita menganggap realiti masyarakat di Malaysia sebagai sesuatu kenyataan iaitu menganggap kepelbagaian budaya sebagai satu yang agak lazim, sesuatu yang semula jadi ataupun satu punca kekuatan kita. Pada hakikatnya kepelbagaian budaya dengan jelasnya dijamin di bawah Perlembagaan dan Rukunegara. Dalam Perlembagaan kita misalnya Perkara 8 ada menyatakan semua orang sama rata di sisi undang-undang. Perkara 8 (2) juga menyatakan bahawa tidak boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan ataupun tempat lahir mereka. Dan perkara 11 ada disebut, tiap-tiap orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato, Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Ahli Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Sebelum daripada membicarakan kebudayaan kebangsaan, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng membicarakan soal polarisasi kaum di universiti, tetapi tujuan terakhir daripada perbicaraan itu adalah untuk membawa satu masalah bagi menyelesaikannya dengan tujuan dan hasrat supaya dapat diwujudkan

perpaduan. Sekarang beliau membicarakan soal Kebudayaan Kebangsaan dan mencadangkan supaya ada kepelbagaian kebudayaan yang kononnya akan membawa perpaduan di dalam negara ini. Saya mahu penjelasan di manakah justifikasi atau asas yang kukuh daripada banyak ataupun kepelbagaian kebudayaan itu boleh membawa perpaduan di dalam negara ini, walaupun ianya secara sepintas lalu dijamin oleh Perlembagaan. Saya harap dapat Ahli Yang Berhormat daripada Gopeng menerangkan perkara ini dan insya Allah saya akan menjawab segala apa yang beliau akan ucapkan mengenai kebudayaan kebangsaan, kalau diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dr Ting Chew Peh: Terima kasih banyak, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Saya rasa masalah berhubung dengan kepelbagaian budaya itu akan saya sentuh sekejap lagi. Izinkan saya teruskan terlebih dahulu, saya akan menyentuh perkara itu dalam menyentuh masalah pendidikan.

Sebenarnya, kepelbagaian budaya saya katakan tadi dijamin dalam Perlembagaan kita dan dalam Rukunegara juga perkara ini. amat jelas iaitu Rukunegara bukan sahaja mengesahkan peruntukan Perlembagaan mengenai kesamarataan ataupun kedudukan sama rata dalam hal kebudayaan dan juga demokrasi, tetapi juga mengakui bahawa sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya itu boleh menjadi satu sumber kekuatan kita.

Saya menyentuh kedua-dua dokumen, Perlembagaan dan Rukunegara, untuk menunjukkan bahawa dalam kedua-dua dokumen itu sudah ada pendirian pihak Kerajaan tentang masalah perkembangan budaya di negara ini. Berdasarkan kepada kedua-dua dokumen, iaitu Perlembagaan dan Rukunegara,

pendirian Kerajaan tentang isu kebudayaan atau perkembangan budaya cukup jelas, iaitu pertama sekali adanya pengiktirafan tentang sifat majmuk masyarakat kita. Kedua, adanya pengiktirafan dari pihak Kerajaan tentang legitimasi ataupun kedudukan sah kebudayaan-kebudayaan lain selain daripada kebudayaan Melayu. Ketiga, adanya pengiktirafan tentang perlunya memelihara tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak dan akhir sekali adanya pengiktirafan tentang perlunya satu kebudayaan nasional yang muncul secara evolusi daripada perkembangan budaya dan interaksi budaya secara spontan bukan daripada asimilasi secara paksaan.

Beralih kepada isu pendidikan, saya ingin menyentuh beberapa cabaran kita di masa depan. Sebagai satu alat penyatuan, pendidikan perlu digunakan secara berhati-hati dan dalam hubungan ini kita hendaklah mengambil kira faktor, sejarah, keadaan masyarakat yang berbilang kaum dan juga hak asasi manusia mempelajari bahasa ibundanya. Cabaran paling besar yang kita hadapi bukan sekadar menyesuaikan sekolah-sekolah yang berlainan bahawa pengantarnya di bawah satu Sistem Pelajaran Kebangsaan tetapi juga menerima sekolah berbagai bahasa pengantar itu sebagai satu kenyataan dalam masyarakat kita. Matlamat ini tidak mudah dicapai. Ini memerlukan kerjasama, persefahaman, muhibah dan toleransi semua pihak khususnya ahli-ahli politik dan perancang dalam bidang pendidikan.

Cabaran kedua yang kita hadapi ialah, bagaimana dapat kita memperluas ataupun memperbaiki kurikulum yang sedia ada. Satu pertimbangan yang boleh difikirkan ialah memperkenalkan mata pelajaran Sains Sosial di sekolah menengah. semua murid-murid hendaklah diajar hal-hal mengenai masyarakat berbilang kaum terutama sekali

berhubung dengan agama, adat resam, tradisi, nilai pantang-larang kaum yang lain serta peri pentingnya persefahaman, muhibbah, toleransi, saling penerimaan dan sifat hormat menghormati.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran ketiga ialah, sejauh manakah dapat kita mengubah sikap kita supaya semua memahami dan menerima sifat majmuk masyarakat Malaysia iaitu masyarakat yang berbilang kaum, berbilang bahasa dan agama. Kita perlu menerima peri pentingnya pendidikan tetapi cuma sebagai satah satu faktor, bukan sebagai faktor tunggal atau faktor paling penting dalam memupuk integrasi ataupun perpaduan negara. Dengan cara demikian kita tidak akan terkeliru dan dengan cara demikian kita dapat mengelakkan satu keadaan yang tidak diingini iaitu pendidikan dijadikan satu isu politik dan seterusnya menjadi faktor disintegrasi.

Kita juga harus menyedari hakikat bahawa, dan ini mungkin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi, bahawa integrasi atau penyatuan tidak selalunya malah tidak semestinya berasaskan kepada keseragaman. Integrasi boleh wujud dalam keadaan kepelbagaian seperti yang dibuktikan dengan falsafah "Beneka Tungga Eka" di Republik Indonesia. Sebagai asas integrasi keseragaman, tidak semestinya lebih kukuh daripada kepelbagaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin beralih kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar. Saya ingin menyatakan bahawa pada umumnya penduduk luar bandar menghadapi beberapa masalah yang utama seperti kekurangan tanah iaitu termasuk tanah untuk tujuan pertanian, tanah untuk tapak rumah dan juga masalah suratan hakmilik bagi tanah yang diduduki, masalah pengangguran dan

kekurangan peluang pekerjaan, masalah pelajaran, masalah kemudahan asas dan juga masalah kemiskinan.

Masalah yang melanda penduduk-penduduk luar bandar yang bilangannya lebih daripada separuh penduduk negara ini, saya rasa tidak patut dipandang ringan. Mereka tidak patut dibiarkan tersisih daripada arus pembangunan negara. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan di sini supaya Kerajaan membuka tanah seperti tanah lombong yang terbiar dan juga mewujudkan perusahaan kecil untuk memperbanyakkan lagi peluang bekerja. Banyak kawasan luar bandar ada potensi, seperti di Gopeng ada banyak tanah bekas lombong itu boleh dipergunakan untuk kebaikan rakyat jelata dan saya juga berharap pihak Kerajaan dapat memperbaiki bangunan sekolah-sekolah dan kemudahan sekolah. Dalam kes-kes tertentu, sekolah baru hendaklah dibina.

Satu lagi cadangan ialah, meningkatkan lagi mutu kemudahan asas dan perkhidmatan sosial di kawasan luar bandar. Saya memahami bahawa rancangan-rancangan yang disebutkan tadi memerlukan peruntukan dan dalam hubungan ini ternyata jumlah peruntukan bagi kawasan luar bandar amnya dan kampung-kampung baru khasnya tidak mencukupi. Saya cuba berikan satu contoh di sini bagi kampung-kampung baru, jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima ialah \$82.3 juta iaitu \$12 juta untuk Rancangan Malaysia Kedua; \$19 juta untuk Rancangan Malaysia Ketiga; \$26 juta untuk Rancangan Malaysia Keempat dan \$25.3 juta untuk Rancangan Malaysia Kelima. Jumlah wang ini amat kecil dan sukar untuk menyelesaikan pelbagai masalah asas yang dihadapi oleh kampung-kampung baru. Sekiranya kita ambil peruntukan \$25.3 juta dalam tempoh

Rancangan Malaysia Kelima sebagai satu contoh, berdasarkan kepada jumlah penduduk kampung baru seramai 1.6 juta orang, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, purata bantuan yang diterima oleh setiap penduduk cuma \$3.16 sen sahaja dalam setahun. Jumlah ini tidak bermakna dari segi pembangunan. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya peruntukan bagi membangunkan kawasan luar bandar dapat ditambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat masalah-masalah yang di hadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar, satu perkara yang perlu kita titikberatkan ialah, sama seperti masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu di luar bandar harus dilihat sebagai masalah nasional, bukan sekadar masalah orang-orang Melayu sahaja, demikian juga masalah-masalah berkaitan kampung baru, berkaitan dengan estet adalah masalah nasional. Hakikat ini perlu disedari dan diterima demi mengelakkan sebarang prasangka terhadap sesuatu kaum yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan masalah kampung baru, saya masih ingat di sekitar tahun 1985 Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu mengumumkan Kerajaan akan memikirkan satu pendekatan menyeluruh untuk membangunkan kampung-kampung baru. Pengumuman itu disambut baik oleh penduduk-penduduk kampung baru pada ketika itu. Tetapi dua tiga tahun telah berlalu sejak pengumuman itu dibuat, nampaknya tidak ada sesuatu konkrit yang dilakukan. Penduduk-penduduk kampung baru masih menunggu pembangunan yang dijanjikan itu. Mereka tidak mahu pengumuman itu menjadi janji kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memandang penduduk-penduduk luar bandar khasnya orang-orang Melayu

mendapat pelbagai taedah daripada rancangan-rancangan seperti FELDA, FELCRA, KETENGAH, KESEDAR, KEJORA, KEDA, MADA, KADA dan sebagainya. saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga melancarkan satu skim untuk membangunkan kampung-kampung baru dan juga estet. Ini ialah untuk memastikan semua penduduk luar bandar mendapat layanan yang sama tanpa mengira kaum dan ini juga satu langkah berkesan untuk menghapuskan prasangka kaum. Sekian sahaja. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang,

5.42ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua. Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua dalam Parlimen yang Ketujuh diadakan pada masa yang sangat genting dalam sejarah negara kita memandangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara sejak ianya mencapai kemerdekaan 31 tahun yang lalu. Kita menghadapi beberapa masalah utama dan penting yang tidak sahaja akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara kita tetapi juga pengembalian keyakinan kebangsaan dan antarabangsa terhadap sistem Kerajaan kita.

Apa yang amat membimbangkan rakyat Malaysia ialah peristiwa-peristiwa ekoran daripada adegan 27 Oktober lalu yang dilihat sebagai penekanan terhadap bukan sahaja pembangkang yang setia kepada Kebawah Duli Tuanku tetapi juga kritikan awam yang dibuat menerusi pemakaian berbagai undang-undang bersitat represif seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua. tahun 1987 sesungguhnya ialah satu tahun yang bermakna yang menandakan permulaan berakhirnya dasar liberal

dan terbuka Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Er~ dasar terbuka dan liberal seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat apabila beliau mengambil alih jawatan dalam tahun 1981 telah digantikan sekarang dengan dasar yang lebih menekan dan menakutkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan satu pukulan yang dahsyat kepada kebebasan dan demokrasi apabila Kerajaan melancarkan satu operasi di seluruh negara dalam bulan Oktober tahun lalu yang mengakibatkan penahanan ahli-ahli politik, ahli-ahli pendidik dan kesatuan sekerja, ahli-ahli akademik, pekerja gereja dan ahli-ahli Persatuan Pencinta Alam. Akibatnya 38 orang masih terus ditahan di bawah ISA dan ini termasuklah Ketua Pembangkang. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan 6 orang Ahli Pembangkang dari DAP dari Dewan yang mulia ini.

Kebebasan persuratkhabaran telah meletakkan dalam keadaan bahaya yang serius dengan lulusnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) yang mana peruntukan-peruntukannya begitu draconia dan memudaratkan yang akan menghasilkan akhbar yang takut dan patuh kerana, jika, tidak penerbitan-penerbitan mana-mana berita atau artikel yang boleh mengemparkan orang ramai lebih dikenakan penalti maksima denda sebanyak \$20, (MM) atau penjara 3 tahun.

Pindaan-pindaan kepada Akta Polis tidak kurang kejamnya dengan adanya penalti-penalti yang menakutkan seperti denda minima \$2,000 dan sehingga maksima \$10,000 di samping hukuman penjara mandatori tidak melebihi satu tahun. Maka demonstrasi-demonstrasi dan perjumpaan-perjumpaan aman bagi melahirkan keluhan rakyat yang tulin yang hanya menjadi kenangan masa lalu sahaja.

Pcnahanan beramai-ramai ahli-ahli Pcmbangkang dan pengkritik-pengkritik Kerajaan dalam negara ini tidak dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang melanda negara ini. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh Malaysia masih wujud. Isu perlantikan Guru-guru Besar dan Penolong Kanan yang tidak mempunyai pendidikan Mandarin ke dahim sekolah-sekolah rendah Cina masih belum diselesaikan lagi. Masalah kehanjiran pendatang haram Indonesia dan Filipina masih belum dapat dibanteras lagi.

Dasar Ekonomi Baru masih belum berjaya mewujudkan perpaduan nasional. Masalah rasuah dan salahguna kuasa masih terus berlaku tanpa disekat. Krisis keyakinan masih terus wujud dan para pelabur asing mempunyai kurang keyakinan terhadap Malaysia dan menyebabkan mereka berhijrah ke negara-negara jiran yang berhampiran terutama negara Thailand bagi melaksanakan rancangan pelaburan mereka. Maka dengan latar belakang ini, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk membahaskan Titah Ucapan Di-Raja dan di samping itu juga saya bagi pihak parti DAP untuk membentangkan satu dua perkara yang saya anggap adalah sangat penting.

Yang pertama, saya suka menyentuh perkara keselamatan negara seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Tuanku. Dalam hubungan ini saya suka merujuk kepada operasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan yang mana 109 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan 38 daripadanya secara rasmi dikeluarkan perintah tahanan untuk ditahan selama 2 tahun pada akhir bulan Disember 1987 dan mereka pada masa kini merengkok di Kem Tahanan, di Kemunting. Daripada 38 orang yang ditahan, 7 daripadanya adalah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini yang datang daripada parti DAP yang

diketuai oleh wakil dari kawasan Tanjong dan merangkap Ketua Pembangkang. Daripada baki 31 orang tahanan ISA ini, 10 orang adalah daripada PAS, 2 daripada PSRM, 10 orang pekerja gereja Kristian dan 2 orang tokoh pendidikan dan bakinya ialah ahli-ahli Persatuan Pencinta Alam dan orang-orang perseorangan. Tidak pernah dalam sejarah Malaysia orang-orang yang mempunyai luas lingkungan dan latar belakang seperti ini ditahan di bawah ISA.

Di sini izinkan saya menyentuh butir-butir pertuduhan yang terkandung dalam Perintah Tahanan yang telah dikeluarkan oleh kementerian yang berkenaan ke atas orang-orang yang ditahan ini,

Setelah meneliti secara mendalam butir-butir pertuduhan yang dilemparkan kepada tahanan-tahanan menunjukkan bahawa tuduhan-tuduhan itu kebanyakannya diputarbelitkan, berat sebelah dan mempunyai motif yang tersembunyi. 10 orang Kristian yang terlibat dalam kerja-kerja gereja bersama-sama dengan ahli-ahli akademik dan orang-orang perseorangan dituduh terlibat dalam—saya ingin quote di sini: "atas kegiatan-kegiatan yang menggalakkan pengaruh dan ideologi komunis dalam golongan-golongan tertentu di Malaysia".

7 orang Ahli-ahli Parlimen DAP dituduh secara terus-menerus dan saya quote: "menjalankan kegiatan-kegiatan yang menyemarakkan sentimen perkauman di kalangan rakyat berbagai kaum di negara ini" dan bahawa, "kegiatan-kegiatan mereka boleh mendorong kepada timbulnyasuasanaketegangan dan permusuhan di kalangan kaum-kaum di negara ini dan boleh memudaratkan keselamatan negara".

Alasan-alasan bagi pindaan dan butir-butir pertuduhan terhadap 7 orang Ahli Parlimen DAP adalah

diputarbelitkan, berat sebelah atau mempunyai motif yang tersembunyi dan tidak berasas sama sekali. Sebab sebenar di sebalik penahanan mereka ialah berunsur politik semata-mata dan tidak ada kena-mengena dengan keselamatan negara dan penahanan mereka adalah penyalahgunaan kuasa oleh pihak pemerintah. lebih-lebih lagi butir-butir pertuduhan tersebut yang dilemparkan terhadap mereka tidak pernah dibangkitkan semasa penahanan awal mereka di bawah seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sebagai contoh. Ketua Pembangkang dan Setiausaha Agung DAP mempuriyai 10 butir-butir pertuduhan yang dikenakan terhadap beliau tetapi semasa 54 hari beliau disoal-siasat di Kuala Lumpur, beliau tidak pernah dikemukakan dengan mana-mana pertuduhan sebagaimana yang terkandung dalam semua 10 pertuduhan itu. Mengapakah orang tahanan tidak dipersoalkan mengenai butir-butir pertuduhan itu dan dalam kes ini mengapa wakil dari Tanjong tidak disoal-siasat dengan butir-butir tertuduhan yang pihak berkuasa telah menyediakan secara rasmi untuk menahannya.

Dengan menjualkan wakil dari Tanjong dengan butir-butir pertuduhan ini pastilah wakil dari Tanjong berpeluang menerangkan kedudukan sebenar kalau tidak keseluruhan tahanan dan soal-siasat hanyalah sebagai mencuci mata sahaja kerana keputusan secara rasmi untuk menahan beliau adalah keputusan politik yang telah diambil terlebih dahulu.

Adalah juga tidak adil untuk dilemparkan butir-butir pertuduhan kebanyakannya berlaku 5 tahun yang lalu. Sebagai satu contoh dalam butir pertuduhan yang pertama terhadap wakil dari Tanjong, beliau dikatakan berucap pada 14hb Januari. 1983 dan

saya quote: "pelaksanaan dasar satu kebudayaan telah menjatuhkan maruah kaum-kaum yang lain".

Saya mencabar pihak berkuasa yang berkenaan supaya membuktikan bahawa perkataan-perkataan ini memang sebenarnya digunakan oleh wakil dari Tanjong. Mengapa pihak berkuasa begitu segan dan malu untuk mengeluarkan sedutan ucapan wakil dari Tanjong yang boleh menyokong pertuduhan itu. Lagi, mengapa tidak wakil dari Tanjong ditanya atau diminta menerangkan ucapannya yang dibuat pada 14hb Januari. 1983 semasa tempoh disoal-siasat 54 hari itu.

Dasar satu bahasa, satu kebudayaan telah diisytiharkan oleh Kerajaan dalam Mesyuarat Pertama Parlimen selepas Pilihanraya Umum 1982. DAP membuat kritikan terhadap dasar satu bahasa, satu kebudayaan kerana dasar-dasar itu mengeneipikan reality dan sensitivity akan pelbagai kaum, bahasa dan budaya di negara ini.

Sebenarnya dasar atau bahasa, satu budaya telah diisytiharkan oleh Kerajaan sendiri. Bagaimanakah kritikan dasar satu bahasa, satu budaya Kerajaan merupakan menyemarakkan perasaan perkauman sedangkan itu dibuat dalam lingkungan demokrasi dan Perlembagaan tanpa menghasut atau mendorong sesiapa melakukan keganasan.

Sekiranya kritikan dasar budaya Kerajaan boleh ditafsirkan menyemarakkan perasaan perkauman sehingga dibawa masuk ke dalam skop ISA, maka ini akan bermakna matinya demokrasi di Malaysia kerana sebarang kritikan terhadap Kerajaan boleh dimasukkan ke dalam skop pertuduhan-pertuduhan seumpama itu.

Butir-butir pertuduhan kononnya yang dilemparkan terhadap wakil dari Tanjong dan 6 orang Ahli

Parlimen DAP yang lain tidak berasas dan disokongi. Isu-isu itu telah disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen DAP dalam Parlimen.

Apakah kita telah sampai kepada satu peringkat di mana ISA boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk menghukum dan memaksa Ahli-ahli Parlimen kerana membangkitkan isu-isu tertentu sekiranya mereka mengulanginya di luar Dewan yang mulia ini.

Mungkin terdapat dimensi ethnic dalam ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat itu tetapi ia bolehlah juga dipakai terhadap semua tokoh politik dan masyarakat majmuk di negara kita. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa ucapan atau kenyataan itu dibuat untuk menyemarakkan perasaan perkauman, sakit hati atau permusuhan.

Berdasar itu sahaja parti DAP boleh menyediakan alasan-alasan penahanan termasuk senarai yang panjang mengenai butir-butir pertuduhan bagi tahanan di bawah ISA, pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri dari parti Barisan Nasional termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjalankan kegiatan-kegiatan yang menyemarakkan semangat, kegiatan-kegiatan yang boleh mendorong kepada timbulnya suasana ketegangan dan permusuhan di kalangan kaum-kaum di negara ini dan boleh memudaratkan keselamatan negara.

Kami dalam parti DAP pernah membangkitkan isu-isu yang mempunyai unsur-unsur ethnic bukan untuk mengeksploit atau membakar perasaan perkauman tetapi sekadar menyedarkan Kerajaan betapa seriusnya masalah-masalah yang tersebut yang mana masalah-masalah itu dicipta secara sengaja atau tanpa sensitivity oleh Kerajaan sendiri.

Tindakan-tindakan DAP selama bertahun-tahun ini didorong dengan semangat untuk menyumbangkan bagi membangunkan negara dengan meredakan api perkauman dan bukan menyemarakkannya pula. Isu-isu ini sebenarnya dimulakan atau dibakar oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sama ada di peringkat Pusat atau Negeri dan DAP (*Tepuk*) campur semata-mata untuk mengurangkan potensi perkauman yang boleh memusnahkan perpaduan negara dan persefahaman jika isu ini dibenarkan berleluasa.

Jika pelbagai isu yang dibangkitkan ini menyemarakkan perasaan perkauman, mengapakah tidak Peraturan Tetap digunakan untuk menghentikan 7 Ahli Parlimen DAP yang ditahan itu daripada berucap kerana Peraturan Tetap melarang ucapan-ucapan yang boleh menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara kaum. Tambahan pula terdapat undang-undang yang cukup dalam negara ini bagi Kerajaan untuk mendakwa 7 orang Ahli Parlimen DAP yang ditahan kerana membuat ucapan-ucapan yang menyemarakkan perasaan perkauman seperti Akta Hasutan, misalnya.

Pada masa lalu Kerajaan mempertahankan ISA atas alasan bahawa adalah sukar untuk mendapatkan bukti bagi mensabitkan seseorang dalam sebuah mahkamah undang-undang dalam kes-kes yang melibatkan anasir-anasir komunis atau pro-komunis kerana kegiatan-kegiatan subversif mereka. Pada masa kini ISA digunakan terhadap mereka yang terlibat dalam sindiket-sindiket yang memalsukan kad pengenalan dan pasport pula.

Kami boleh memberi bukti bahawa mereka yang didapati bersalah mencetuskan perasaan perkauman, keresahan perkauman dan mengancam keselamatan negara

terutamanya dalam bulan-bulan yang hampir bulan Oktober datangnya daripada kumpulan Barisan Nasional terutamanya UMNO dan Pemuda UMNO. Menteri Kebudayaan dan Sukan, Menteri Penerangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Besar Selangor telah membuat ucapan-ucapan yang amat berbau perkauman, (*Tepuk*) "racist and provocative" dalam bulan-bulan sehingga 27hb Oktober.

Rakyat Malaysia, malah seluruh dunia ketahui siapa sebenarnya yang menyemarakkan perasaan perkauman, mencetuskan permusuhan kaum dan mengancam keselamatan negara dan tidak terkira beberapa jumlah propaganda Kerajaan boleh mengeluarkan, akan tetapi sejarah politik negara tidak boleh ditulis semula berkaitan dengan hal ini. Sebenarnya jika terdapat mana-mana orang yang perlu ditahan mereka inilah, maka mereka ini bebas berjalan dan sekarang menyeru kepada muhibah dan persefahaman antara rakyat. Saya tidak mencadangkan bahawa Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin.

Tuan Hashim bin Safin: *jBangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan boleh beri? Sila.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah perlu perkara-perkara yang semacam itu diungkitkan lagi setelah kita sama-sama mengakui dan termasuk Yang Berhormat sendiri pernah mengatakan bahawa tindakan Kerajaan menahan mereka terlibat berlakunya

ketegangan kaum adalah satu perkara yang baik dan sekarang kita merasai satu ketenangan sesama kita. Apakah perlu perkara ini diungkitkan lagi dan kalau Yang Berhormat mengungkit, kita juga akan mengungkitkan kembali selepas daripada ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya menyatakan perkara ini membela pihak Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Parlimen daripada Parti DAP itu kerana butir-butir pertuduhan yang telah dilemparkan terhadap mereka telah diputarbelitkan berat sebelah. Dan saya berpendapat bahawa sekiranya saya tidak menggunakan Parlimen ini sebagai satu torum untuk menjawab butir-butir pertuduhan ini, maka saya tidak ada peluang yang lain untuk menjawabnya (*Tepuk*) dan ini saya buat atas rekod untuk membuktikan bahawa butir-butir pertuduhan yang dilemparkan terhadap Ketua Pembangkang adalah tidak berasas langsung. Ini yang saya hendak menyampaikan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan di smi.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada lagi Yang Berhormat dari Tanah Merah?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan saya belum begitu jelas. Soal ini jika ditimbulkan sekarang kita sudah merasa. Kalau Yang Berhormat menimbulkan soal itu, kita juga, saya rasa perlu menimbulkan perkara itu, kita akan berhujah. Bila hujah berlaku, masing-masing hendak menegakkan benang basah dan saya akan mengatakan pihak Yang Berhormat akan menegakkan benang basah. Pihak Yang Berhormat pun mengatakan kami cuba menegakkan benang basah, tetapi hakikat yang berlaku pada hari ini kita sudah

tenang, pertumbuhan ekonomi kita sudah meningkat. Tidakkah kita setuju perkara ini kita tunggu dan lihat dan kita sama-sama mengharapkan ianya terus berkembang dengan baik. Tunggu masa dan ketika, kita sama-sama menikmati keharmonian daripada tidak adanya ketegangan perasaan perkauman. Kenapa Yang Berhormat atau pihak Yang Berhormat suka lagi menimbulkan perkara ini (*Tepuk*). Kita juga berhak bersuara, tetapi kami sudah merasai biarlah yang lepas itu kerana terbukti yang tepas itu sudah memberi manfaat kepada semua pihak, peniaga kecil, peniaga besar dan sebagainya. Saya ingin penjelasan yang ikhlas daripada Yang Berhormat selaku salah seorang Ahli Parlimen yang dihormati.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tanah Merah. duduk! Yang Berhormat dari Bukit Bintang, teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Yang sebenarnya apa yang saya bermaksud ialah saya hendak menegaskan keadilan dan kebenaran. Itu ialah maksud saya. Oleh sebab tadi saya ada menerangkan bahawa bukanlah menjadi tujuan saya untuk mengungkit-ungkitkan perkara ini. tetapi memandangkan bahawa sesuatu yang tidak adil yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan. maka adalah menjadi tugas saya sebagai seorang Pemangku Ketua Pembangkang untuk menjawabnya dan ini ialah apa yang saya sifatkan sebagai satu kebenaran—"the truth". Ini yang saya ingin menegaskan di sini (*Tepuk*). Maka saya tidak bercadang untuk memberikan jalan, tetapi saya harap Tuan Speaker boleh membenarkan saya meneruskannya.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi saya ada menyatakan bahawa yang sebenarnya Malaysia tidak perlu ada pergaduhan kaum sebelum rakyat Malaysia mengakui dan membuat keputusan untuk memulakan sejarah baru dan atas sebab ialah maka Setiausaha Agung kita (Ketua Pembangkang) ditahan dan di mana kalau kita dapat merenungkan balik, yang sebenarnya Yang Berhormat Wakil Tanjong dan juga merangkap Ketua Pembangkang pernah mencadangkan dalam ucapan Belanjawannya pada 26hb Oktober, 1987 lalu bahawa sebuah Majlis Perundingan Kebangsaan yang dianggotai oleh semua parti ditubuhkan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu, terutamanya isu-isu sensitif. Cadangan ini tidak diterima dan Malaysia kehilangan peluang untuk menggerakkan satu azam kebangsaan baru untuk melaksanakan satu konsensus kebangsaan yang baru serta juga perpaduan bagi menyediakan Malaysia dalam menghadapi cabaran abad ke 21. Malaysia boleh hanya mempunyai satu masa depan jika Kerajaan boleh mengenyahkan keasyikan parti dan pergeseran antara parti dan mengambil perspektif yang jauh dan luas tentang apa yang baik bagi negara dan rakyat daripada hanya memperkukuhkan kedudukannya atau menyekat musuh-musuh politiknya.

Tujuan Ahli Parlimen DAP yang ditahan tentunya tidak mengancam keselamatan negara, (tapi menjadi mangsa politik dan "scapegoat". Sebab sebenar penahanan mereka di bawah ISA ialah untuk menghukum dan memangsakan mereka kerana menjadi jaguh memperjuangkan hak rakyat Malaysia daripada semua kaum terhadap demokrasi, keadilan, accountability Kerajaan terutamanya

mengenai pelbagai skandal Kerajaan seperti kontrak Lebuhraya Utara-Selatan dengan United Engineers Malaysia dan penglibatannya dengan UMNO. Penangkapan tersebut juga bertujuan untuk memusnah atau melumpuhkan kemajuan politik DAP pada masa ia menjejakki tanah-tanah rancangan FELDA dan kampung-kampung.

DAP menuntut pembebasan 7 orang Ahli Parlimennya dengan serta-merta tanpa syarat atau mendakwa mereka di sebuah mahkamah undang-undang. (*Tepuk*) Dalam hal yang sama, DAP menuntut pembebasan semua orang-orang tahanan ISA yang lain ataupun menghadapkan mereka ke muka pengadilan di mahkamah. Setiap hari penahanan mereka berlanjutan, ia adalah satu peringatan akan ketidakadilan dan kezaliman yang dilakukan terhadap mereka. DAP juga menyeru penghapusan ISA yang menjadi satu ancaman kepada kebebasan dan demokrasi dan satu penghinaan kepada kemanusiaan dan kedaulatan undang-undang.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merujuk kepada keadaan Kem Tahanan di Kamunting. Sungguhpun pada masa Soal-Jawab hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri' cuba untuk memberi jawapan, akan tetapi memandangkan bahawa masa sangat singkat, saya tidak berpeluang untuk membuat soalan tambahan. Akan tetapi, di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Kementerian yang berkenaan tentang keadaan-keadaan yang dialami oleh orang-orang tahanan ini. Pada masa ini keluarga-keluarga orang-orang tahanan dibenarkan melawat setiap minggu untuk selama 30 minit. Lawatan-lawatan itu diaturkan dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan. Tahanan-tahanan tidak berpeluang menyentuh, memeluk atau merapati orang-orang

kesayangan mereka, lebih-lebih lagi kakitangan Cawangan Khas sentiasa hadir semasa lawatan mereka. Pastikan tidak ada "privacy" di antara tahanan dan keluarga mereka. Walaupun tahanan dibenarkan menemui peguam mereka, pertemuan-pertemuan itu diadakan di bawah pengawasan Cawangan Khas. Tidak ada kerahsiaan antara pihak pelanggan dan pihak peguam. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menerangkan mengapa tahanan ini dilayan begitu rupa, malah penjenayah-penjenayah di Penjara Pudu berhak kerahsiaan dengan peguam mereka apabila bertemu tetapi di Kemunting, kerahsiaan seumpama itu tidak ada langsung.

Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga mestilah menerangkan kepada Dewan ini mengapa majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhbar seperti Far Eastern Economic Review, Asia Week, Economist, Asian Wall Street Journal, Aliran Monthly dan Rocket yang dihantar kepada 7 orang Ahli Parlimen DAP di Kem Tahanan Kamunting ditahan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Saya hendak dapat penjelasan mengenai kebebasan dalam tahanan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya rasa saya tidak membenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan tidak diberi—saya tidak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Ketua Pengacau. sebab apa guna kalau ditahanan sebeb macam di luar nanti semua orang hendak masuk dalam tahanan, tidak ada beza.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Timbalan .Yang di-Pertua, (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daudt: Yang Berhormat. sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Tetapi kalau Yang Berhormat hendak bercakap nanti Yang Berhormat ada peluang, biar saya habiskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud) Yang Berhonnat dari Bukit Bintang, teruskan.

Tuan Lee Lam Thye; Perkara mustahak saya hendak sampaikan untuk perhatian Kementerian yang berkenaan, Ini jelas ada satu percubaan untuk menatikan mereka dengan penerbitan-penerbitan yang bebas didapati di negara ini. Mengapakah penerbitan-penerbitan ini dinafikan. sedangkan ianya tidak diharamkan. malah kad ucapan Tahun Baru. China yang direka khas bagi membolehkan mereka mengirimkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan penyokong-penyokong tidak dibenarkan dan mereka dilarang menerima kad ucapan rekaan khas yang dikirimkan kepada mereka oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti dan juga orang ramai. Saya rasa bahawa ini adalah satu hal yang amat tidak adil dan saya meminta satu penjelasan yang lebih lanjut daripada Kementerian yang berkenaan.

Menteri Dalam Negeri juga perlu menerangkan mengapa 7 orarig Ahli Parlimen DAP, ahli-ahli profesional dan peniaga-peniaga yang ditahan disekat daripada menulis surat kepada ahli-ahli parti. rakan-rakan dan

penyokong-penyokong mereka. Apabila tahanan-tahanan di bawa ke Kem Tahanan Kemunting pada awalnya mereka dibenarkan menulis 4 pucuk surat seminggu kepada mana-mana orang yang mereka ingini, tetapi keistimewaan ini ditarik balik pada 13hb Februari, 1988 dan mereka sekarang dibenarkan menulis 4 pucuk surat seminggu kepada ahli-ahli keluarga mereka sahaja dan bukan kepada kawan-kawan atau sahabat-sahabat mereka.

Tidakkah terbukti bahawa memandangkan fakta yang telah saya sampaikan tadi bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad lebih zalim dan menekan berbanding dengan (*Tepuk*) Kerajaan-kerajaan masa lalu di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Akhirnya. mengenai perkara tahanan ISA. Izinkan saya menyentuh kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa penahanan pada bulan Oktober. 1987 dan penahanan-penahanan yang berikutnya telah berjaya membawa keamanan dan harmoni di negara ini. Dengan berkata demikian Yang Amat Berhormat bermaksud mereka yang telah ditahan itu sangat merbahaya dan bertanggungjawab untuk mewujudkan ketegangan dan kekacauan. Kenyataan Yang Amat Berhormat itu tidaklah bertanggungjawab. tidak patut dan tidak berasas (*Tepuk*). Seperti yang saya katakan awal tadi jika Kerajaan mempunyai bukti bahawa kegiatan mereka dikhuatiri mengancam keselamatan dalam negara seperti yang didakwa maka mengapa mereka tidak dihadapkan ke mahkamah terbuka. Saya suka merakamkan di sini bahawa pemimpin-pemimpin DAP yang ditahan adalah patriotik dan bersemangat kebangsaan (*Tepuk*) yang setia dan cintakan negara dan

rakyat dan tidak perlu dipersoalkan lagi. Commitment, dedikasi dan pengorbanan mereka kepada keamanan, kebebasan dan demokrasi berparlimen tidak boleh diperbandingkan. (*Tepuk*) Apa yang saya rasa amat penting dalam Titah Ucapan di Raja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin AH (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Saya ini sudah 2 kali masuk ISA. Memang benar kita boleh mengatakan setiap orang itu patriotik, bersemangat kebangsaan. Tetapi apakah kita sedar bahawa ucapan-ucapan yang sensitif yang boleh menyentuh perasaan berbagai-bagai kaum boleh memudaratkan ketenteraman awam. Memang perkara ini sukar dibawa ke mahkamah, tetapi kalau perkara ini dibiarkan, sudah barang tentu boleh menimbulkan huru-hara kepada negara kita. Maka atas justifikasi itu, saya sendiri sebagai Ahli Dewan ini bersedia ditangkap di bawah ISA, tetapi saya yakin jika saya tidak bersalah saya dibebaskan oleh pihak pemerintah. Mungkin yang 7 orang itu pihak polis mempunyai sebab-sebab untuk menahan mereka seterusnya. Terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah katakan tadi dalam ucapan saya, sekiranya pihak Kerajaan mendapati apa-apa bukti bahawa seseorang itu telah mengeluarkan ucapan ataupun kenyataan yang boleh memudaratkan keselamatan dalam negara maka ada undang-undang di negara kita, seperti mana saya katakan tadi, iaitu ada Akta Hasutan di mana orang yang berkenaan itu boleh didakwa di mahkamah dan diserahkan kepada

mahkamah untuk memutuskan sama ada pihak yang berkenaan itu telah melakukan sesuatu kesalahan dan tidak payah menggunakan ISA yang begitu Draconian. Saya rasa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun, Ya, Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Saya rasa tidak payahlah diberi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Berilah.

Tuan Lee Lam Thye: Saya beri peluang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada tadi lagi rentak dan tari DAP ini wakil yang diimport host ini dari Bukit Bintang sama dengan nada dahulu mahu lagi melanjutkan soal-soal yang boleh mencetuskan perasaan sentimen perkauman, masih lagi dibangkitkan soal bahasa, soal bumiputera, soal sekolah Cina, lebuhraya, dan sebagainya. Saya kira soal-soal yang demikian rupa kalau saya hendak jawab dan juga saya hendak hujah tidak cukup masa dalam Dewan ini. Jangan sekali-sekali DAP membangkitkan satu perasaan perlanjutan daripada masa dahulu. Kalau saudara merasakan saudara berhak berbuat demikian, kita lebih lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin memberitahu supaya hal-hal yang membangkitkan seperti Perdana

Menteri zalim dan sebagainya perlu dihentikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, jangan herucaplah. minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi saya mahu penjelasan. Saya hendak tahu apakah saudara Wakil Bukit Bintang ini bersedia melanjutkan perbincangan ataupun memberhentikan perbincangan-perkataan yang begitu menikam rasa serta negatif. Kalau bersedia, kami lawan. Saya beri amaran yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Kalau maksud Yang Berhormat yang berkenaan ialah merupakan satu cabaran kepada parti DAP, parti DAP sanggup untuk menerima (*Tepuk*). Tadi mungkin Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya nampak puak-puak ini tidak cukup lagi ISA.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, duduk! Saya ingat kita benarkan Ahli dari Bukit Bintang meneruskan ucapannya.

Tuan Lee Lam Thye: Yang Berhormat boleh tunggulah peluang untuk menyampaikan apa-apa. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya rasa amat penting dalam Titah Ucapan Diraja ialah apabila Baginda merujuk kepada perpaduan sebagai asas bagi mewujudkan sebuah negara yang kuat yang terdiri daripada berbilang kaum dan berbilang bahasa. Seperti Baginda telah mengatakan mengingatkan semua pihak, terutama sekali parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan

dan media massa supaya bertanggungjawab dan bersederhana dalam tindakan dan kenyataan mereka supaya tidak merosakkan perpaduan negara. Walaupun seruan Tuanku itu patut dialu-alukan, tetapi apa yang patut dilakukan ialah setiap orang hendaklah membuktikan bukan dengan perkataan, tetapi dengan keazaman dan tingkah laku mereka bahawa mereka bersedia bertanggungjawab dan bersederhana dalam tindakan dan kenyataan-kenyataan mereka.

DAP menyedari bahawa politik sederhana inilah kunci kepada kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara berbagai kaum. Dalam sebuah negara berbagai kaum seperti Malaysia sikap melampau (*extremism*) dalam apa bentuk tidak hanya akan membahayakan tetapi juga menghancurkan jalinan atau struktur masyarakat berbagai kaum di negara kita. Apa yang begitu penting.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan daripada kenyataan dan perbuatan. . . .

Tuan Lee Lam Thye: Tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Pihak DAP menyatakan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun hendak penjelasan juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri, duduk!

Tuan Hashim bin Safin: Apa yang dia kata tidak dipraktikkan,

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Apa yang begitu penting kepada Malaysia baki dekad 80an dan juga dalam dekad 90an ialah pencapaian perpaduan negara. Tanpa perpaduan negara betapa besarpun kekuatan ketenteraan dan senjata ia tidak boleh mempertahankan Malaysia. Tanpa perpaduan negara, negara tidak akan terjamin, aman dan makmur. Kami berpendapat bahawa masanya telah tiba dari Kerajaan untuk menyemak semula Dasar Perpaduan Negara ini dan langkah-langkah menggalakkan perpaduan kaum oleh kerana usaha yang dibuat setakat ini telah gagal mencapai objektif pentingnya.

Dengan tujuan ini, pihak DAP mencadangkan supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Sufian, yang mengandungi ketua-ketua parti politik, pendidik, pemimpin agama dan orang-orang perseorangan yang dihormati untuk membuat kajian mendalam tentang faktor-faktor yang menghalang perpaduan negara dan seterusnya merekomendasikan cara-cara untuk mengatasinya. DAP bersedia memainkan peranan penting dalam Suruhanjaya ini bagi membantu mencari jawapan kepada masalah polarisasi kaum di negara ini kerana ia merupakan sebab terbesar berlakunya perpecahan kaum.

Parti DAP bersetuju bahawa media-massa mempunyai satu peranan penting yang perlu dimainkan dalam mendidik masyarakat. Tetapi Kerajaan patutlah menyedari bahawa objektif ini hanya boleh dicapai jika terdapat kebebasan persuratkhabaran dalam negara ini. Kami sangsi bagaimana media-massa boleh mencapai objektif untuk mendidik rakyat berikutan pindaan-pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dalam bulan Disember tahun lalu yang bertujuan untuk menyekat kebebasan persuratkhabaran dan menukarkan semua

penerbitan dan akhbar menjadi seperti *Warta Kerajaan*. Apa yang lebih merosakkan lagi ialah keputusan Kerajaan membatalkan lesen 3 buah suratkhbar utama di dalam negara kita iaitu *The Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan* ekoran penangkapan beramai-ramai dalam bulan Oktober tahun lalu. Tindakan tidak demokratik Kerajaan itu tidak sahaja bermaksud mengancam kebebasan terhadap maklumat tetapi juga meninggalkan hampir 1.000 pekerja akhbar dan tanggungan mereka tanpa pekerjaan dan ini memburukkan lagi masalah pengangguran di negara kita.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Kementerian Dalam Negeri supaya membenarkan semula penerbitan 3 akhbar utama itu demi kepentingan negara supaya mereka boleh terus memainkan peranan dalam mendidik masyarakat dan menyampaikan maklumat yang begitu penting bagi sebuah negara moden seperti negara Malaysia.

Ucapan saya mengenai Titah Ucapan Diraja adalah tidak sempurna sekiranya saya tidak menyentuh keputusan pilihanraya kecil Tanjung Puteri. Dalam pilihanraya kecil itu, calon Barisan Nasional telah terpilih dengan kelebihan undi sebanyak hanya 31 undi sahaja. Satu kemerosotan melebihi 94% (*Tepuk*) apabila dibandingkan dengan kelebihan 506 undi dalam pilihanraya umum tahun 1986. Dengan kemenangan 31 undi yang tipis itu sebenarnya tidak ada apa yang perlu dibangga-banggakan oleh Barisan Nasional terutamanya UMNO Baru, sebaliknya Barisan Nasional patut merasa malu memandangkan betapa besarnya propaganda yang dijalankan. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Lee Lam Thye:
propaganda yang dijalankan dalam.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Berilah peluang, apa pula awak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Saya hendak tanya tadi, Yang Berhormat Wakil dari.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Tanya tak boleh. Sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia kalah DAP. sibuk-sibuk orang menang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Sebaliknya Barisan Nasional patut merasa malu memandangkan betapa besarnya propaganda yang dijalankan oleh Barisan Nasional dalam kempen ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hampir semua Menteri pergi ke Johor Bahru dengan harapan untuk mendapatkan majoriti undi yang besar bagi calon BN tetapi yang terjadi adalah sebaliknya. Pilihanraya kecil Tanjung Puteri jelas menunjukkan bahawa populariti

Barisan Nasional semakin merosot, Inilah kali pertama para pengundi biasa berpeluang melahirkan perasaan mereka mengenai apa yang berlaku di negara ini sejak berlakunya penangkapan orang-orang yang mengkritik Kerajaan dalam bulan Oktober yang lalu.

Keputusan pilihanraya kecil Tanjung Puteri cukup menunjukkan bahawa semakin ramai rakyat mendapati dasar-dasar Kerajaan tidak boleh diterima dan perasaan kekecewaan orang ramai terhadap Kerajaan semakin bertambah (*Tepuk*). Daripada bergembira dari keputusan pilihanraya kecil Tanjung Puteri. Kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut berani mengkaji significance keputusan pilihanraya kecil itu dan membuat satu kajian menyeluruh terhadap dasar-dasar pembinaan negara dan ke atas semua tindakan keras dan repressive yang telah diambil selama ini untuk menyekat bantahan atau kritikan dalam negara ini. Keputusan Tanjung Puteri juga membuktikan rasa pandang berat dan kemarahan para pengundi dan semua rakyat Malaysia mengenai cara di mana prinsip demokrasi, peraturan-peraturan, undang-undang dan Perlembagaan telah diketepikan dalam penubuhan UMNO Baru akhir-akhir ini. lebih-lebih lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan, penjelasan, bukan hendak ganggu.

Tuan Lee Lam Thye: Itu tidak payahlah.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan berkenaan dengan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Kenapa DAP tidak masuk bertanding?

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak habiskan ucapan saya dalam 5 minit sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Speaker, kenapa DAP sendiri tidak masuk bertanding di Tanjung Puteri? Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya akan habiskan ucapan saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa DAP tidak masuk bertanding di Tanjung Puteri? Minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa order, awak duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, Kuala Terengganu dan Bandar Kuching, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan, bolehkah Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya telah jawab, saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order. Peraturan Mesyuarat 44 (2).

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila duduk.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Saya minta penjelasan. hendak beri tak? Yang Berhormat dari Bukit Bintang beri tak?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian Dewan ini kepada point of order, Tertib Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya hendak minta penjelasan, hendak beri tak?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 44 (2), Yang Berhormat dari Marang telah berucap tanpa kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua beberapa kali. Saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (2) supaya menamakannya untuk dia keluar daripada Dewan yang mulia ini (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, keputusan saya tidak ada apa-apa perintah akan dikeluarkan. Yang Berhormat dari Bukit Bintang, teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin menyeru semua rakyat Malaysia daripada semua kaum yang cintakan kebebasan dan keadilan supaya bersatu dan memperkuat tekad mereka untuk membuat commitment yang lebih besar dalam mempertahankan demokrasi dan hak asasi manusia. Rakyat Malaysia sudah menyedari bahawa pemerintahan

diktator dan kuku besi sedang berkembang subur di Malaysia hari ini. Pengundi-pengundi Tanjung Puteri telah menunjukkan bahawa mereka telah mencuba menghentikan kemaraan pemerintahan diktator dan kuku besi ini dan menggesa semua rakyat Malaysia supaya bersatu-padu dan bersedia menyekat kemaraan itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah juga menyentuh tentang peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan mestilah mengambil langkah yang betul dan tepat untuk mencergaskan semula ekonomi. Saya menyeru supaya satu kajian yang menyeluruh di buat ke atas dasar-dasar Kerajaan termasuk Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai kesan secara langsung ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang menghalang pertumbuhan ekonomi dan keyakinan para pelabur hendaklah dihapuskan atau dipermudahkan. Permainan politik perkauman oleh setengah-setengah pemimpin politik dan Kerajaan hendaklah diberhentikan kerana ia boleh menakutkan bakal-bakal pelabur. Tidak ada gunanya bercakap tentang berjenis-jenis galakan dan insentif bagi menarik para pelabur asing jika kita tidak menukar kaedah-kaedah selepas mereka datang melabur ke sini dan jika politik perkauman dan pelampau tidak disekat. Kerajaan mestilah memastikan bahawa garispaduan-

garispaduan pelaburan mestilah jelas diterangkan dan kakitangan-kakitangan awam tidak seharusnya diberikan terlalu banyak kuasa, budibicara bagi mentafsir sesuatu garispaduan pelaburan. Yang terpentingnya Kerajaan mestilah menunjukkan commitment yang tegas kepada sistem ekonomi bebas jika kita berkehendakkan pelabur-pelabur asing membantu mencergaskan semula ekonomi negara kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

6.29 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk, boleh sambung hari esok.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

